



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 6549]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 6569]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1977:

Jawatankuasa (Hari Ketigabelas)—

Jadual

Kepala B. 46, B. 47 dan B. 48 [Ruangan 6570]

Kepala B. 49, B. 50 dan B. 51 [Ruangan 6617]

Kepala B. 52 [Ruangan 6647]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan
Mesyuarat [Ruangan 6568]

Anggaran Pembangunan, 1977:

Jawatankuasa (Hari Ketigabelas)—

Kepala P. 46, P. 47 dan P. 48 [Ruangan 6570]

Kepala P. 52 [Ruangan 6647]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., J.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATUK HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP AL-HAJ, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN (Kemaman).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'AKUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ DATUK ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- „ TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ HAJI PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).

Yang Berhormat TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).

- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).

- Yang Berhormat DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasar Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasar Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.G.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Selasa, 7hb Disember, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

WANG PENCEN KE LUAR NEGERI

1. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Perdana Menteri menyatakan berapa banyak wang pencen dari Malaysia dihantar tiap-tiap bulan ke:

- (i) England;
- (ii) India; dan
- (iii) Sri Lanka dan lain-lain negara.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua,

- (i) sebanyak \$485,314 wang pencen dibayar tiap-tiap bulan di negeri England;
- (ii) sebanyak \$220,492 wang pencen dibayar tiap-tiap bulan di negeri India; dan
- (iii) sebanyak \$183,836 wang pencen dibayar di Sri Lanka dan lain-lain negara ialah sebanyak \$84,569.62.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Zakaria bin Ismail.

(Soalan No. 2 Y.B. Tuan Haji Zakaria bin Ismail tidak hadir).

**PINJAMAN/SUMBANGAN BANK
DUNIA**

3. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah sumbangan Bank Dunia kepada Pembangunan negara kita semenjak mencapai kemerdekaan;
- (b) berapakah jumlah pinjaman Bank Dunia kepada negara kita sehingga hari ini; dan

- (c) selain dari Bank Dunia apakah bank-bank atau negara-negara luar yang telah memberikan pertolongan pinjaman bagi menjalankan pembangunan negara.

Timba'an Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sumbangan Bank Dunia kepada pembangunan negara kita semenjak mencapai kemerdekaan adalah merupak-an pinjaman-pinjaman untuk mem-biayai projek-projek pembangunan seperti projek-projek Perairan, Talikom, Lebuhraya, Kemudahan-kemudahan Awam, Pemulihan Tanah, Pelajaran dan lain-lain projek pembangunan. Pinjaman yang pertama diperolehi daripada Bank Dunia adalah pada 17hb November, 1965.
- (b) Jumlah pinjaman Bank Dunia kepada negara kita hingga hari ini adalah sebanyak US\$457.5 juta bersamaan lebih kurang M\$1,143.75 juta.
- (c) Selain daripada Bank Dunia, bank-bank negara-negara luar yang telah memberi pertolongan pinjaman bagi menjalankan pembangunan negara adalah seperti berikut:
 - (i) Bank Pembangunan Asia,
 - (ii) Jepun,
 - (iii) Amerika Syarikat,
 - (iv) Kanada,
 - (v) Denmark,
 - (vi) Perancis,
 - (vii) Jerman,
 - (viii) Kuwait,
 - (ix) Arab Saudi,
 - (x) United Kingdom,
 - (xi) Sweden,
 - (xii) Belanda,
 - (xiii) Korea,
 - (xiv) Austria,
 - (xv) Pinjaman-pinjaman Pasaran.

T.V. MALAYSIA—BACAAN DAN SEBUTAN BAHASA

4. Dr Hee Tien Lai minta Menteri Penerangan menyatakan samada beliau sedar bahawa kebanyakan penuntun-penuntun T.V. mendapati susah hendak memahami siaran Berita T.V. baik Bahasa Malaysia ataupun Bahasa Inggeris oleh kerana para pembacanya membacakan berita secara keterlaluan sebutan kata-katanya (exaggerated pronunciations). Jika sedar, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan cara persembahan yang baik dan cara sebutan perkataan yang standard, baik dalam Bahasa Malaysia ataupun Inggeris.

Timbalan Menteri Penerangan (Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, langkah-langkah yang teliti untuk membaiki bacaan dan sebutan bahasa serta persembahan berita di RTM telah dan sedang dipergiatkan lagi.

DADAH BERBAHAYA

5. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Undang-undang menyatakan:

- (i) sebab-sebab mengapa Perak menjadi pusat pengedaran dadah antarabangsa;
- (ii) samada apa-apa yang salah dengan Pentadbiran Polis Perak, pihak Kastam dan lain-lain ejen penguatkuasa undang-undang apabila menjalankan penyiasatan mengenai bertambahnya pengedaran dadah; dan
- (iii) jumlah orang dari Perak setakat ini yang ditahan di Pulau Jerejak.

Timbalan Menteri Undang-undang (Tuan Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Adalah tidak benar anggapan yang mengatakan Perak menjadi pusat dadah antarabangsa kerana sungguhpun terdapat beberapa orang rakyat Malaysia dari negeri tersebut yang telah ditangkap di luar negeri kerana kesalahan-kesalahan mengenai penyeludupan dadah. Perak seperti juga lain-lain negeri dalam Malaysia tidak ada menanam atau mengeluarkan dadah berbahaya. Dadah yang diseludup oleh rakyat negeri Perak ke luar negeri ini bukan berasal dari Perak atau lain-lain negeri di Malaysia bahkan ianya berasal dari luar negeri.

- (ii) Tidak ada apa-apa salahnya dalam pentadbiran agensi-agensi penguatkuasa di Perak termasuk polis kerana agensi-agensi ini telah menghasilkan beberapa tangkapan dan rampasan besar. Mungkin sebilangan besar rakyat Negeri Perak tidak memberikan kerjasama mereka kepada agensi-agensi yang berkenaan dalam memberi maklumat berkenaan dengan kegiatan penyeludupan dan sebagainya.

- (iii) Setakat ini seramai 53 orang dari Perak adalah dalam tahanan di Pulau Jerejak berhubung dengan kesalahan-kesalahan dadah.

Tuan Embong bin Yahaya: Kalau tidak salah saya ada Kerajaan memberi tahu bahawa di Bukit Mertajam didapati kilang haram memproses dadah. Tidakkah itu merupakan Malaysia menjadi sebuah negara yang mengeluarkan dadah?

Tuan Ra's bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, ini bersabit dengan Perak, Ipoh tetapi yang disoalkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah di tempat lain. Walau bagaimanapun, saya suka menerangkan iaitu kedatangan satu loji yang mengeluarkan bahan-bahan dadah itu bukanlah dicipta sebenarnya di tempat itu, tetapi diasuh oleh ejen-ejen yang lain yang memberi arahan dan juga peraturan-peraturan sulit. Oleh itu, tidaklah tepat kalau kita katakan negara kita yang mengeluarkan bahan-bahan ini di peringkat asalnya, melainkan didatangkan dari unsur-unsur yang luar dari bidang negara kita.

KECEMARAN KEPADA SUNGAI OLEH SAMPAH-SARAP

6. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah beliau akan mengadakan peraturan mewajibkan supaya sampah-sarap dan lainnya tidak boleh dibuang ke sungai-sungai yang menjadikan kecemaran kepada sungai-sungai tersebut dan merosakkan hidupan air. Jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa terdapat dua jenis lepasan yang dibuang ke dalam sungai dan aliran air kita iaitu daripada perusahaan industri dan satu lagi daripada kegiatan tempatan

(domestic). Berkenaan dengan lepasan-lepasan daripada perusahaan perindustrian ianya boleh dikelaskan kedua ke dalam beberapa kumpulan yang berlainan dan standard kawalan bagi setengah daripadanya sudahpun disiapkan ataupun di dalam proses penyiapan. Ini akan dikuatkuasakan secara teratur mengikut sepertimana yang dibekalkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar Tahun 1974 serta peraturan-peraturan yang selanjutnya yang dijelaskan di bawah Akta itu. Punca-punca pencemaran yang utama seperti buangan kelapa sawit dan getah akan dikawal mulai daripada tahun depan.

Jenis yang kedua pula seperti Ahli Yang Berhormat sedar adalah daripada buangan tempatan (domestic) dan sampah-sarap yang mana masalahnya adalah luas dan menyeluruh. Walaupun terdapat perbekalan-perbekalan di bawah Kualiti Alam Sekitar Tahun 1974 mengenai hal ini, undang-undang atau by-law yang ada sekarang boleh pula dijalankan oleh pihak-pihak Berkuasa Tempatan adalah mencukupi untuk mengawal masalah dari jenis kedua ini. Kementerian saya tidak sekali-kali membayangkan Kementerian saya mempunyai tenaga manusia untuk mengawal masalah sampah-sarap yang terdapat di merata-rata ini dan mengawalnya. Undang-undang mengenai pembuangan sampah-sarap adalah memadai untuk dilaksanakan oleh pihak-pihak Berkuasa Tempatan dan dengan itu mengawal masalah ini.

Tuan Abu Bakar bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar samada Akta yang telah dijalankan itu meliputi keseluruhannya kepada lombong-lombong yang mengeluarkan airnya memasuki kepada kawasan-kawasan pertanian. Jika sedar apakah tindakan yang akan dilaksanakan kepada lombong-lombong yang mengakibatkan kerosakan ke kawasan pertanian.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan lombong-lombong ini, ada syarat-syarat tertentu mengenai dengan lombong-lombong ini di bawah kuasa Kementerian yang lain. Jadi ini kami tidak ambil apa-apa tindakan kerana itu terpulung kepada Kementerian yang lain.

BUMIPUTRA DALAM PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN

7. Tuan Haji Ahmad Shukri b'n Haji Abdul Shukor (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan memandangkan bahawa kegagalan berlaku ke atas perniagaan perusahaan bumiputra, adakah Kerajaan bercadang menubuhkan sebuah badan bagi membimbing dan menunjuk ajar bumiputra di dalam soal ini.

Menteri Perusahaan Awam (Datuk Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang menubuhkan sebuah badan lain bagi menunjuk ajar dan membimbing bumiputra di bidang perniagaan dan perusahaan. Badan-badan/ajensi-ajensi yang ada sekarang bukan sahaja mengadakan kemudahan-kemudahan bagi bumiputra seperti kemudahan-kemudahan pinjaman kewangan untuk modal, tempat perniagaan bahkan juga kemudahan-kemudahan mendapatkan khidmat nasihat mengenai cara-cara pengurusan perniagaan. MARA misalnya mempunyai bahagian khas dan dinamakan Bahagian Khidmat Nasihat bagi kemudahan-kemudahan bumiputra mendapatkan nasihat bimbingan. Pendek kata, segala bantuan yang diperlukan oleh bumiputra untuk bergiat di lapangan perniagaan sejajar dengan dasar ekonomi Kerajaan telahpun ada.

Soalan kegagalan, seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu adalah satu-satunya masalah yang mesti ujud di dalam perniagaan memandangkan perniagaan adalah satu usaha yang rumit dan memerlukan pengalaman. Tetapi Kerajaan melalui badan-badan/ajensi-ajensinya sentiasa berusaha memperbaiki keadaan ini.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Soalan tambahan. Saya ingin mendapat kenyataan daripada Menteri berkenaan samada khidmat yang diberi oleh MARA ini adalah diberi oleh pegawai-pegawai yang berpengalaman di dalam perniagaan ataupun mereka ini cuma pegawai MARA yang biasa sahaja.

Datuk Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, mereka adalah Pegawai MARA yang biasa tetapi mereka ini telah menghadiri kursus-kursus perdagangan dan perniagaan dan mereka memang berpengalaman yang sudah lama.

PELABUHAN DI TANJONG KIDURONG BINTULU

8. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perhubungan menyatakan apakah yang terjadi kepada Dermaga berharga lima juta ringgit yang dijanjikan di Tanjong Kidurong, berdekatan dengan Bintulu di Sarawak.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang, Kerajaan sedang memilih Juru Perunding bagi meneruskan kerja perlaksanaan Pelabuhan di Tanjong Kidurong, dekat Bintulu di Sarawak.

LESEN MINI BAS

9. Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan adakah pihak Kementerian akan bercadang menambahkan lagi pengeluaran lesen Mini Bas di Bandaraya ini. Jika ada, berapa, jika tidak kenapa; dan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengeluarkan lesen Mini Bas untuk penduduk-penduduk di luar bandar dan pekan-pekan kecil. Jika ada, bila, dan di mana, jika tidak kenapa.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya berpendapat bahawa lesen-lesen bas mini yang telah dikeluarkan di Wilayah Persekutuan dan Petaling Jaya adalah mencukupi pada masa ini. Walau bagaimanapun, Kementerian saya bercadang mengadakan satu kajian apabila kesemua empat buah bas mini telah berada di jalanraya untuk memberi perkhidmatan kepada orang ramai. Hasil dari kajian ini akan menentukan samada bilangan lesen bas mini perlu ditambah serta berapa pula jumlahnya. Kementerian saya pada masa ini belum ada cadangan untuk mengeluarkan lesen-lesen bas mini kepada penduduk-penduduk di luar bandar dan pekan-pekan kecil.

PELAN BANGUNAN DAN BINAAN DALAM BAHASA MALAYSIA

10. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan bilakah Kementerianya ber-

cadang hendak memastikan bahawa Pelan-pelan bangunan dan Binaan ditulis dalam Bahasa Malaysia.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan bahawa Jabatan Kerja Raya telahpun memulakan penggunaan Bahasa Malaysia dalam lukisan-lukisan pelan sehari-harian. Sebagai permulaan hanya nama-nama bagi tiap-tiap jenis lukisan dan bilik-bilik ruang ditulis dalam Bahasa Malaysia. Contoh-contohnya di antara lain adalah seperti berikut:

Bahasa Inggeris	Bahasa Malaysia
plan	pelan
site plan	

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu pelan bunyinya—bukan plan.

Dr Goh Cheng Teik: Ya, pelan. Jadi saya baca pelan-pelan, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu perlahan, bukan pelan. (*Ketawa*).

Dr Goh Cheng Teik: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Bahasa Inggeris	Bahasa Malaysia
site plan ...	... pelan tapak
lay-out plan ...	... pelan tapak atur
elevation ...	... tapak
section ...	... keratan
detail ...	... butiran
full size ...	... ukuran penuh
passage-way ...	... kelaluan
waiting area ...	... ruang penunggu

Kegunaan Bahasa Malaysia ini akan diteruskan dalam menamakan jenis-jenis bahan-bahan yang digunakan dan juga apabila menerangkan cara binaan. Ini akan dibuat secara beransur-ansur.

MINYAK KELAPA SAWIT

11. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan dengan pengeluaran minyak Kelapa Sawit sebagai suatu hasil negara dan Malaysia kelak dapat membekalkan tiga suku daripada eksport Kelapa Sawit bagi dunia ini; apakah langkah-langkah diambil supaya pengeluaran minyak kelapa sawit tiada melebihi di pasaran dunia.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyatakan

bahawa sungguhpun Malaysia menyumbangkan kira-kira 68% daripada jumlah eksport minyak kelapa sawit dunia, tetapi minyak kelapa sawit pada keseluruhannya hanya merupakan 13.7% dari jumlah eksport bagi semua minyak sayur-sayuran dan lemak binatang dalam tahun 1975. Adalah dijangkakan bahawa angka ini akan meningkat kepada kira-kira 23% dalam tahun 1985. Adalah tidak diragukan lagi bahawa minyak kelapa sawit akan menghadapi cabaran untuk bersaing dengan lain-lain minyak sayur-sayuran dan lemak binatang untuk mendapatkan bahagian pasaran dunia yang lebih besar pada masa hadapan.

Apa yang penting ialah mengenai pertandingan di antara minyak kelapa sawit dan lain-lain minyak sayur-sayuran dan lemak binatang yang lain adalah bergantung kepada kecekapan dalam bidang pengeluaran dan pemasaran serta bergantung juga kepada berapa banyak atau kurangnya pengeluaran lain-lain minyak sayur-sayuran dan lemak binatang tersebut. Di dalam jangka panjang permintaan bagi minyak sayur-sayuran dan lemak binatang adalah dijangkakan akan bertambah mengikut pertumbuhan penduduk dan pertambahan dalam penggunaan per kapita terutamanya di negara-negara sedang membangun. Pada keseluruhannya minyak kelapa sawit boleh dikatakan mempunyai prospek yang baik. Selain daripada itu, kos pengeluaran minyak kelapa sawit adalah lebih rendah dibandingkan dengan lain-lain minyak sayur-sayuran dan lemak binatang dan di samping itu daya pengeluarannya adalah yang tertinggi.

Kementerian saya akan mengambil langkah-langkah untuk menentukan bahawa minyak kelapa sawit kita akan dimajukan secara berkesan dan berbanding dengan lain-lain minyak sayur-sayuran dan lemak binatang di dalam pasaran dunia. Dalam hubungan ini Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit atau POLA yang mana akan ditubuhkan tidak lama lagi adalah dijangka akan mengadakan rancangan penggalakan pasaran bagi minyak kelapa sawit Malaysia yang lengkap termasuk mengambil langkah-langkah bagi mengelak dan menghapuskan halangan-halangan dari tarif dan yang bukan tarif untuk membolehkan kemasukan minyak kelapa sawit Malaysia ke pasaran dunia dengan lebih mudah. Langkah-langkah juga adalah sedang diambil untuk mengkaji dan mempergiatkan penyelidikan bagi memperbaiki pengeluaran

dan mengaitkan kegunaan-kegunaan akhir bagi minyak kelapa sawit supaya ia boleh bertanding secara lebih efektif dengan berjenis-jenis minyak sayur-sayuran dan lemak binatang.

BAJA TEMBAKAU

12. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa baja tembakau yang diedar oleh LTN (Lembaga Tembakau Negara) kepada petani-petani di Kelantan, merupakan baja yang tidak betul adunannya menyebabkan petani-petani dan pengawit-pengawit mengalami kerugian besar. Jika sedar, apakah tindakan LTN terhadap syarikat-syarikat pengeluar baja ini dan apakah langkah LTN untuk menjamin supaya perkara itu tidak akan berlaku lagi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama (Tuan Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab soalan yang hampir-hampir sama ini pada 23hb November, 1976 ketika saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus.

PENARIKAN TENTERA AMERIKA SYARIKAT DARI THAILAND

13. Tuan Haji Embong bin Yahya minta Menteri Luar Negeri menyatakan setelah penarikan tentera Amerika dari Thailand adakah benar kemungkinan suatu "Kuasa Besar" lain akan mengisi kekosongan kuasa ketenteraan itu di Asia Tenggara, khususnya akan ditempatkan di sebuah negara jiran.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin menjawab soalan ini bagi pihak Yang Berhormat Menteri Luar Negeri. Berdasarkan kepada keinginan negara-negara di rantau ini untuk meningkatkan ketahanan nasional masing-masing kita berpendapat tidak ada kemungkinan kuasa besar lain akan menempatkan tenteranya di mana-mana negara berikutan dengan penarikan tentera Amerika Syarikat dari Thailand.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin.

(Soalan No. 14 Y.B. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin tidak hadir).

SISTEM PENGIRAAN DI BADAN BERKANUN

15. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan samada beliau sedar akan sistem pengiraan dikebanyakan Badan Berkanun, tidak memuaskan dan badan-badan ini kerugian setelah membelanjakan berjuta-juta ringgit kepada projek-projek tersebut. Jika ya, apakah langkah-langkah yang dicadangkan untuk diambil ke atas badan-badan tersebut.

Datuk Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, bagi badan-badan berkanun di bawah Kementerian saya sistem pengiraannya adalah memuaskan.

Apa yang dianggap kerugian yang dialami oleh badan-badan berkanun di bawah Kementerian saya itu bukanlah disebabkan oleh sistem pengiraan. Setengah-setengah projek yang dilaksanakan memerlukan masa (gestation period) untuk berjalan dengan baik dan viabilitinya mesti diukur dalam jangka masa panjang.

Perlu juga dijelaskan di sini iaitu setengah-setengah daripada projek-projek badan-badan berkanun yang dijalankan bukanlah semata-mata bertujuan mendapatkan keuntungan, tetapi pertimbangan utama mestilah juga diberi kepada faedah-faedah social seperti menambahkan peluang pekerjaan dan kemudahan-kemudahan lain. Selalunya kita tidak mengambil perhatian kepada faedah-faedah ini tetapi hanya menilai kemajuan projek-projek itu dari segi ekonomi sahaja.

Di samping itu ada projek-projek badan-badan berkanun yang tidak menguntungkan dan menjadikan beban kewangan kepada mereka tetapi terpaksa juga dilaksanakan. Contohnya projek ini adalah pembukaan kawasan perindustrian oleh Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri. Projek ini terpaksa dilaksanakan bagi membawa perusahaan-perusahaan baru ke negeri-negeri untuk mengujudkan pekerjaan-pekerjaan dan menjadi penggerak pembangunan.

Walau bagaimanapun ada beberapa projek badan-badan berkanun yang seratus peratus berunsur ekonomi tetapi mengalami kerugian. Ini adalah disebabkan oleh kelemahan-kelemahan seperti kekurangan kakitangan terlatih bagi mengendalikan projek

dan menjalankan sistem pengawasan yang berkesan. Kedua, ada projek-projek yang dijalankan tanpa kajian teliti. Ketiga, keputusan-keputusan atau "decision making" yang kurang cermat ditambah pula dengan sistem-sistem pengurusan yang kurang cekap.

Kerajaan sedang dan akan mengambil tindakan sewajarnya untuk mengatasi kelemahan-kelemahan di masa lalu. Badan-badan Berkanun adalah dikehendaki menjalankan kajian dan perancangan yang lengkap dan menyeluruh mengenai sesuatu projek ekonomi yang hendak dilaksanakan dan mereka tidaklah boleh dengan sewenang-wenangnya menubuhkan anak-anak syarikat ataupun menjalankan projek-projek mereka. Kerajaan juga telah mengarahkan supaya badan-badan berkanun mengadakan satu sistem pengawasan yang berkesan terhadap projek-projek mereka. Ini melibatkan keperluan tenaga dan kakitangan yang dedikasi dan terlatih dan Badan-badan Berkanun adalah dinasihatkan menitikberatkan aspek pengawasan ini dengan mengambil kakitangan-kakitangan yang sesuai dan juga memberi mereka latihan. Ini ialah untuk menjamin supaya badan-badan berkanun akan bergerak mengikut kemampuan puncapunca keluaran mereka dan dapat menentukan dari awal lagi yang manakah objektif-objektif ekonomi dan yang mana pula objektif-objektif sosial.

TANDA AMARAN LALULINTAS

16. Tuan Oo Gin Sun (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perhubungan menyatakan adakah beliau sedar bahawa kerja-kerja pembangunan yang dijalankan oleh Jabatan Talikom di atas jalan-jalanraya dalam Daerah Bukit Mertajam tidak mempunyai sebarang tanda-tanda amaran di waktu malam bagi menarik perhatian pemandu-pemandu motokar dan motosikal atau pengguna-pengguna jalanraya terhadap kerja-kerja pembangunan itu yang mana telah mengakibatkan beberapa kemalangan yang dahsyat baru-baru ini. Sekiranya beliau sedar dapatkah arahan diberi kepada Pemborong-pemborong atau Jurutera-jurutera yang bertanggungjawab ke atas kerja-kerja pembangunan serupa itu untuk mengambil tindakan khas bagi melihat tanda-tanda amaran lalulintas diletakkan semasa siang hari dan juga di waktu malam bagi mengelak kemalangan-kemalangan terjadi lagi.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya kerja-kerja menanam saluran-saluran bawah tanah (underground ducts) dan membina lurang untuk menyambung kebel-kebel pelanggan dijalankan oleh kontraktor-kontraktor swasta. Salah satu daripada penentuan (specification) yang perlu mereka jalankan ialah untuk memberikan segala usaha untuk membina isyarat-isyarat yang tertentu seperti sekatan notis amaran, lampau isyarat merah berkelip dan lain-lain pada tempat-tempat yang dikorek atau digali supaya memberi amaran kepada pengguna-pengguna jalanraya amnya. Perkara ini ialah satu perkara yang selalu diambil perhatian oleh Jabatan Talikom dan kontraktor-kontraktor yang terlibat sentiasa digesa dan diarah untuk memasang dan mendirikan papan-papan dan lampu isyarat tersebut untuk maksud ini.

Dalam hal ini Jabatan Talikom telah diberitahu bahawa pemborong-pemborong telahpun mengalami kecurian lampu-lampu isyarat mereka dan lain-lain.

Walau bagaimanapun penyelia-penyelia teknik kawasan telah diarahkan untuk memberi perhatian yang lebih bagi menentukan bahawa tanda-tanda isyarat dan notis yang cukup diletakkan di tempatnya yang sesuai sepanjang masa oleh pemborong-pemborong. Pegawai-pegawai penyelia yang menjaga berkenaan projek bawah tanah selalunya menjalankan penyeliaan yang tegas di dalam projek-projek ini dan pemeriksaan mengejut selalu dijalankan di sepanjang saluran yang digali.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, keterangan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi memanglah elok tetapi yang menjadi soalnya, keadaannya sentiasa berlaku. Jadi, apakah tindakan Kementerian untuk mengatasi masaalah ini?

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya telah jelaskan tadi sungguhpun kerja-kerja ini dijalankan oleh kontraktor-kontraktor swasta, tetapi pihak Jabatan Talikom sentiasa mengambil perhatian di atas perkara-perkara yang telah ditentukan dalam specification kontraktor-kontraktor itu yakni sebagaimana yang saya telah sebutkan tadi masaalah-masaalah memasang tanda-tanda dan isyarat-isyarat yang penting

bagi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diinginkan berlaku kepada pengguna-pengguna jalanraya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan tambahan Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh tadi ialah perkara itu ada peraturannya, tetapi masih ramai orang yang memandu kereta termasuk ke dalam lubang oleh sebab tidak ada lampu di jalanraya. Jadi, apakah tindakan yang diambil ke atas kontraktor, itu maksudnya.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, masaalah ini sebetulnya walaupun barangkali kemungkinan ada berlaku keadaan-keadaan yang tidak diinginkan itu, tetapi Jabatan Talikom yang sebetulnya tidaklah boleh mengambil tindakan undang-undang melainkan apa yang boleh dibuat oleh Jabatan Talikom ialah memberi amaran kepada pihak kontraktor-kontraktor yang berkenaan.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita memasang lampu isyarat sahaja di jalan-jalan semasa penggaliannya diadakan seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan tadi selalu berlaku kecurian. Jadi, kalau setakat diawasi begitu sahaja, saya fikir tidak memadai, adakah Kementerian yang berkenaan akan membuat satu peraturan supaya tiap-tiap pemborong yang dapat kontrak menggali untuk membuat projek-projek Talikom ini mengadakan seorang jaga untuk mengawas supaya lampu-lampu isyarat tidak dicuri dan menjaga keselamatan lalu-lintas.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Tuan Yang di-Pertua, telah saya katakan tadi bahawa memanglah ada ditentukan dalam specification kontrak-kontrak itu yang memestikan mereka memasang lampu-lampu dan di mana-mana mustahak diadakan seorang jaga untuk menunggu di tempat-tempat yang patut dijaga.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kalau begitu jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, bolehkah Kementerian beliau mengambil tindakan di atas pemborong-pemborong yang menggali jalan-jalan di kawasan

Bukit Mertajam sekarang yang tidak mematuhi syarat-syarat ini? Pada ketika ini tidak ada seorang pun yang menjaga di tempat-tempat itu.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini tidak ragu-ragu mengambil tindakan sekiranya dapat diberikan kenyataan yang boleh diterima oleh Kementerian ini mengenai perkara-perkara yang tersebut.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itulah jawapan yang Ahli Yang Berhormat hendak dengar tadi, kalau specification sahaja tidak memadai.

LAPURAN HARBAN SINGH (PC 41778)—SIASATAN

17. Tuan Farn Siong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada:

- (i) (a) Beliau sedar tentang satu laporan yang dibuat di Balai Polis Bandar Baru, Ipoh, pada 16hb Julai, 1976 oleh Encik Harban Singh (PC 41778) yang bertugas dengan Pasukan Polis Hutan Ulu Kinta yang mengatakan bahawa beliau telah terlihat seorang yang kelakuannya menimbulkan kecurigaan masuk ke dalam sebuah rumah tertentu di Ipoh dan selepas mengekori orang tersebut ke dalam rumah itu, beliau ternampak sekumpulan orang yang berkumpul di sekeliling beberapa alat yang digunakan untuk menghisap candu, beliau (Encik Harban Singh) mengenalkan dirinya dan meminta orang-orang yang berkumpul itu menunjukkan kad-kad pengenalan mereka;
- (b) Apakala Encik Harban Singh sedang memeriksa kad-kad pengenalan tersebut, beliau dipukul dari belakang dan kumpulan orang tadi telah cabut lari;
- (c) Kumpulan orang ini yang cabut lari itu telah mengadu di Balai Polis yang sama bahawa Encik Harban Singh itu telah menyamar diri sebagai seorang pegawai Polis dan pegawai Polis yang bertugas ketika itu nampaknya lebih berminat menyiasat laporan yang dibuat oleh

orang-orang ini daripada laporan yang dibuat oleh Encik Harban Singh dahulu;

- (ii) (a) Beliau sedar Encik Harban Singh telah dikatakan membunuh diri pada 13hb Ogos, 1976 dengan menembak dirinya dengan sepucuk senapang rifle M 16;
- (b) Samada siasatan telah dijalankan untuk menentukan bagaimana senapang rifle itu sampai ke tangan Encik Harban Singh, siapakah tuannya dan mengapa tuannya senapang rifle itu dibenarkan memiliki senapang rifle tersebut apakala senjata-senjata umpama itu patut disimpan di dalam tempat simpan senjata-senjata (armoury);
- (c) Samada beliau sedar Encik Harban Singh telah memberitahu saudaramara dan sahabat-sahabat karibnya dan juga sebutkan di dalam laporannya bahawa pada malam 16hb Julai, 1976 itu, beliau ternampak beberapa orang anggota Pasukan Polis Hutan bersama dengan kumpulan orang yang disebutkan di (i) (b) di atas dan anggota-anggota Pasukan Polis Hutan itu telah cabut lari apabila mereka ternampak Encik Harban Singh;
- (d) samada beliau sedar Encik Harban Singh sebenarnya telah tersandung satu sindiket mengedar dadah (the Kroh connection) yang melibatkan anggota-anggota Pasukan Polis Hutan dan memandang kepada keadaan-keadaan yang mengelilingi kes ini, samada beliau akan mengarah supaya diadakan satu siasatan yang penuh dan terbuka ke dalam perkara ini.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua,

- (i) (a) Kerajaan memang sedar tentang laporan yang dibuat pada 15-7-76 oleh Harban Singh, Pekan Baru, Report 4211/76 dan juga laporan yang dibuat oleh seorang awam mengenai perkara yang sama iaitu Report Pekan Baru 4212/76. Laporan Harban Singh itu telah diletakkan di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan dan perintah penyiasatan-

nya di bawah Seksyen 108 (2) Kanun Aturan Jenayah. Siasatan ke atas kes-kes tersebut iaitu kes 4211/76 dan 4212/76 adalah berdasarkan laporan yang dibuat oleh Harban Singh. Memandangkan kedua-dua laporan ini mengenai kes yang sama pihak Polis telah memberi perhatian yang sama berat ke atas laporan-laporan tersebut untuk meneruskan langkah-langkah dalam penyiasatan dengan tujuan melaksanakan tindakan yang berkesan. Tidak betul sama sekali anggapan yang mengatakan seolah-olah Polis berat sebelah dalam menguruskan kedua-dua kes ini.

- (b) Harban Singh didapati mati ditembak. Siasatan masih dijalankan dan akan dibawa ke mahkamah untuk diadakan satu inquest, oleh itu perkara ini tidaklah boleh dibincangkan lebih daripada ini.
- (c) Oleh kerana jawapan kepada soalan (ii) (b) bergantung kepada keputusan inquest tersebut maka soalan ini tidak timbul.
- (d) Setakat ini tidak ada maklumat diterima baik dari saudara-mara Harban Singh atau dari sesiapa pun yang mengatakan ada terdapat beberapa anggota Pasukan Polis Hutan di tempat kejadian itu pada 15-7-76.
- (e) Tentang apa yang dipanggil oleh Ahli Yang Berhormat sebagai The Kroh Connection adalah dimaklumkan bahawa setakat ini tiada kesan-kesan yang menunjukkan adanya pertubuhan yang demikian dan juga tiada maklumat-maklumat yang diterima mengenai anggota-anggota Pasukan Polis Hutan terlibat dalam apa-apa sindiket dadah.

Tuan Farn Siong Than: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar baru-baru ini beberapa orang anggota-anggota Polis telah melawat keluarga mendiang Harban Singh dan mereka telah berkata bahawa mereka akan membayar sejumlah wang yang tertentu dan dengan berbuat demikian, mereka meminta supaya perkara itu disembunyikan.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini saya tidak sedar.

CEGAH PENYELUDUPAN DADAH

18. Tuan Haji Embong bin Yahya minta Menteri Kewangan menyatakan adakah sebarang alat yang digunakan oleh pihak Kastam bagi mengesan adanya barang-barang berbahaya seperti candu, dadah dan senjata yang disembunyikan ketika melalui pemeriksaan Kastam.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja sentiasa membuat penyiasatan yang rapi bagi mencegah penyeludupan candu, dadah, senjatanya dan barang-barang haram serta berbahaya yang lain. Berhubung dengan alat-alat untuk mengesan barang-barang itu, kita mempunyai alat-alat itu seperti anjing, tetapi belum mencukupi. Kajian-kajian sedang dibuat untuk membeli alat-alat X-ray.

PERSARAAN DATUK K. THANABALASINGAM DAN DATUK SULAIMAN SUJAK

19. Tuan Farn Siong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pertahanan menyatakan sebab-sebab yang nyata mengapa Datuk K. Thanabalasingam dan Datuk Sulaiman Sujak dipaksa mengundurkan diri sebagai Ketua-ketua angkatan laut dan angkatan udara masing-masing.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin menjawab bagi pihak Menteri Pertahanan. Jawapan-jawapan kepada soalan yang serupa telah pernah diberikan kepada Dewan yang mulia ini di mesyuarat ini juga dan tidak ada apa-apa yang lain hendak ditambah.

KAMPUNG BARU BALI, TRONOH

20. Tuan Farn Siong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan samada Setiausaha Parlimen Kementerian beliau telah menerima sepucuk surat yang dikirimkan oleh beliau (Y.B. Chian Heng Kai) kepadanya bertarikh 25hb Ogos, 1976 berkaitan dengan

Rumah 153, Kampung Baru Bali, Tronoh, Perak, yang juga mengandungi salinan potostet surat Kementerian beliau kepada Encik Lee Yin Har bertarikh 28hb Mei, 1976; jika ya, apakah tindakan yang Kementerian beliau telah ambil dalam perkara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak ada menerima surat tersebut walaupun satu surat dihantar kepada Yang Berhormat pada 15-10-76 supaya menghantarkan salinan surat yang berkenaan. Pada 25-10-76 pegawai Kementerian saya telah bercakap dengan Yang Berhormat melalui talipon menyusuli perkara ini dan Yang Berhormat telah berjanji untuk menghantarkan dengan cara pos berdaftar ke Kementerian saya.

Dengan dukacitanya surat tersebut belum juga diterima.

(Jawapan bagi Soalan No. 2 dan 14 adalah diberi di bawah ini).

TERJEMAHAN QURAN DAN HADITH-HADITH NABI

2. Tuan Haji Zakaria bin Ismail minta Perdana Menteri menyatakan samada benar bahawa musuh-musuh Islam telah mencetak terjemahan Quran dan Hadith yang salah untuk disebar kepada orang ramai. Jika benar, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi mengatasinya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Senator Dato' Haji Othman bin Haji Abdullah): Kerajaan memang sedar bahawa ada musuh-musuh Islam telah mencetak terjemahan Quran dan Hadith-hadith Nabi yang salah untuk disebar kepada orang ramai. Musuh-musuh Islam ini kadangkala kadang merupakan satu golongan yang terang-terangan memusuhi ajaran Islam untuk memesongkan fikiran umat Islam dengan menterjemahkan ayat-ayat Quran atau Hadith-hadith Nabi mengikut kehendak mereka sendiri dan kepentingan mereka sendiri. Musuh-musuh Islam itu kadangkala kadang terdapat dalam kalangan orang-orang Islam dan juga orang-orang di luar Islam atau dengan lain perkataan ada golongan-golongan kominis yang menggunakan orang Islam bagi menghancurkan umat Islam.

Kerajaan cukup sedar atas perbuatan-perbuatan mereka ini dan oleh kerana itu Kerajaan sedang bertindak untuk menghadapi mereka. Begitu juga saya mengharap supaya umat Islam janganlah terjebak atau terperangkap dengan daayah-daayah dan tindakan-tindakan anti Islam ini, sekalipun didapati mereka itu menggunakan Al-Quran dan Hadith, tetapi dengan tujuan hendak memesongkan ajaran Islam dan hendak memecahbelahkan umat Islam pada keseluruhannya. Saya percaya Kerajaan-kerajaan Negeri di mana Pejabat-pejabat Hal Ehwal Islam Negeri-negeri itu mempunyai kuasa-kuasa yang lebih bagi menghalang tindakan-tindakan yang liar ini patutlah mereka itu bertindak dengan lebih cergas lagi bagi menghalang kegiatan-kegiatan penyalahgunaan Quran dan Hadith oleh golongan-golongan anti Islam itu.

KAIN PUTIH DIIMPOT KE MALAYSIA

14. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada benar atau tidak sekatan bagi kemasukan-kemasukan kain-kain putih ke Malaysia telah dimansuhkan atau masih berkuatkuasa.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Ya. Kain-kain putih adalah bebas diimpot ke Malaysia mulai 9hb September, 1976. Ini adalah terdapat dalam Perintah Kastam (Larangan mengenai Impot) (Langkah Perlindungan Sementara) Pindaan (No. 19) 1976.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DAR PADA PERATURAN MESYUARAT

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Majlis ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga peruntukan bagi Kementerian Penerangan Kementerian Undang-undang serta Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dibulatkan.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Majlis ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga peruntukan bagi Kementerian Penerangan, Kementerian Undang-undang serta Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PEMBERIAN PERTAMBAHAN HASIL

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk memperuntukkan pemberian-pemberian pertambahan hasil kepada Kerajaan-kerajaan Negeri berdasarkan pertambahan hasil Persekutuan dengan tujuan untuk memberi bantuan kewangan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri bagi maksud-maksud tertentu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PEMBERIAN MENGIKUT BILANGAN ORANG

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda peruntukan-peruntukan Bahagian I Jadual ke 10 kepada Perlembagaan Persekutuan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1977

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1977

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan dalam Jawatankuasa sebuah-sebuah Majlis (6hb Disember, 1976).

Majlis Mesyuarat menjadi sebagai Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi: Majlis sekarang dalam Jawatankuasa sebuah-sebuah Majlis akan menimbangkan peruntukan Anggaran Perbelanjaan Bekalan Kepala B. 46 hingga B. 48 dan Kepala P. 46 hingga P. 48 di bawah Kementerian Penerangan.

Saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Menteriannya.

Kepala B. 46, B. 47 dan B. 48 (Jadual)—

Kepala P. 46, P. 47 dan P. 48 (Anggaran Pembangunan, 1977)—

3.13 ptg.

Menteri Penerangan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya,

- (1) Wang sebanyak \$16,363,800 di bawah Kepala B. 46 Kementerian Penerangan
- (2) Wang sebanyak \$83,936,700 di bawah Kepala B. 47 Jabatan Penyiaran
- (3) Wang sebanyak \$20,574,400 di bawah Kepala B. 48 Jabatan Penerangan

Dijadikan sebahagian daripada Rang Undang-undang ini, dan saya juga ingin memohonkan supaya,

- (1) Wang sebanyak \$366,000 di bawah Kepala P. 46 Kementerian Penerangan.
- (2) Wang sebanyak \$26,850,540 di bawah Kepala P. 47 Jabatan Penyiaran.
- (3) Wang sebanyak \$1,270,000 di bawah Kepala P. 48 Jabatan Penerangan.

Diluluskan sebagai Perbelanjaan di bawah Anggaran Pembangunan 1977.

Tahun 1976 bagi Kementerian Penerangan, seperti juga bagi jentera-jentera Kerajaan yang lain, merupakan tahun merancangkan cara pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum ini bererti penyesuaian dan perlengkapan mestilah dibuat untuk memenuhi tujuan-tujuan Dasar Ekonomi Baru bukan sahaja dari segi ekonomi seperti biasa tetapi juga dengan approach sosio-ekonomi. Rancangan Malaysia Ketiga telahpun meluaskan "dimension" perlaksanaannya supaya

dapat melibatkan rakyat dalam satu transformasi yang dapat mewujudkan sebuah masyarakat yang adil, saksama dalam pembahagian hasil-hasil pembangunan dan yang berkesan dalam menghapuskan kemiskinan. Approach sosio-ekonomi ini yang diperhebatkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga menggunakan, sebagai strategi membasmi kemiskinan, konsep 'target poverty group' untuk membolehkan tumpuan segala jentera-jentera Kerajaan yang bertanggungjawab mengenai soal membasmi kemiskinan ini, kepada golongan-golongan yang telah dikenali sebagai golongan-golongan yang tidak berada. Perancangan Sosio-Ekonomi yang dijalankan oleh Kerajaan telah menunjukkan bahawa kemiskinan terdapat lebih berat di kalangan pekebun-pekebun kecil getah, nelayan-nelayan, pekebun-pekebun kecil kelapa, pekerja-pekerja estate, penanam-penanam padi kecil, penduduk-penduduk kampung-kampung baru dan golongan-golongan yang tidak berada di bandar-bandar. Dengan adanya penentuan yang lebih jelas mengenai golongan-golongan yang tidak berada ini, ianya telah memberi peluang kepada Kementerian Penerangan untuk memberi perhatian satu persatu kepada golongan target poverty ini, dalam menyesuaikan orientasi yang perlu bagi menimbulkan sikap dan kesedaran untuk membolehkan satu-satu golongan ini memainkan peranan yang lebih effective untuk membela nasib mereka sendiri.

Dengan tujuan untuk membolehkan golongan-golongan tersebut merebut peluang-peluang ini struktur rancangan-rancangan di bawah Kementerian Penerangan mestilah dikaji semula dan sedang disusun. Dalam hal ini satu unit Penyelidikan Perancangan dan Penyelarasan akan ditubuhkan di peringkat Kementerian untuk memusatkan tugas-tugas perancang, sambil mengembelingkan tenaga professional dari semua jabatan-jabatan dalam proses mentafsirkan Konsep Rancangan Malaysia Ketiga untuk menjadi 'images and messages' yang akan disebarkan menerusi semua bentuk program yang boleh mengandungi messages kepada tiap-tiap target poverty group; atau pun dalam bahasa Inggerisnya "to ensure concerted approach in translating development concepts into special images and messages to the target audiences which coincide with target poverty groups".

Pengertian mendalam mengenai konsep-konsep pembangunan di bawah Rancangan

Malaysia Ketiga hendaklah meresapi jentera-mass-media sebelum persembahan yang berkesan dapat diterbitkan untuk rakyat jelata. Dengan tujuan ini seminar-seminar perlulah diadakan untuk pegawai-pegawai kanan Kementerian Penerangan, bersama-sama dengan pegawai-pegawai dari Kementerian-kementerian lain, dengan tujuan menjelaskan konsep-konsep yang ada pada satu-satu jentera-jentera pelaksanaan (implementing agency), dan menegaskan cara kerjasama di mana Kementerian Penerangan boleh memberi sebagai sokongan perhubungan (communication support) kepada strategi-strategi pelaksanaan pembangunan yang akan digunakan oleh jentera pelaksanaan dalam melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga. Dengan kata lain, Kementerian Penerangan sekarang ini sedang menyusun apa yang dikatakan Dasar Kemajuan Perhubungan atau 'Development Communication Policy'.

Sebagai contoh, satu communication model atau bentuk perhubungan sekarang ini sedang direka oleh Kementerian Penerangan dengan kerjasama Yunit Perancang Ekonomi (EPU) mengenai cara-cara menyokong usaha-usaha menolong pekebun-pekebun kecil getah dengan program-program penerangan yang boleh memberi penerangan kepada pekebun-pekebun itu mengenai masaalah yang terabit dalam usaha-usaha meninggikan taraf hidup mereka, cara-cara yang boleh membawa kepada pertukaran yang lebih baik, sikap yang perlu bagi melaksanakan perubahan ini, pendeknya peranan yang boleh dididikan di kalangan pekebun-pekebun kecil getah.

Dari approach ini maka jelaslah bahawa perlunya bagi Kementerian Penerangan merancang dengan lebih teliti lagi mengenai apa corak filem yang patut dibuat, apa program radio dan TV yang patut diterbitkan, apa tajuk yang patut diterangkan oleh kakitangan-kakitangan Jabatan Penerangan, apa riaksi daripada ahli-ahli 'target audience' yang patut disemak, apa kesan yang dapat diberi oleh program-program ini dan sebagainya, supaya matlamat pembangunan akan dapat benar-benar difahami di kalangan 'target audience' tersebut, dan akan mempengaruhi mereka untuk mengambil peranan yang lebih "committed" dalam sesuatu strategi pembangunan yang telah ditentukan oleh Kerajaan.

Ini bererti bahawa satu 'research approach' terhadap sikap para penuntun dan pendengar (audience behaviour) mestilah diberi tekanan

yang penuh. Bahagian Penyelidikan, di Kementerian Penerangan, bukanlah sahaja dikehendaki mendapatkan 'programme rating' seperti sekarang yang menunjukkan kesukaan penuntut-penuntut terhadap sesuatu rancangan itu tetapi juga didorongkan untuk mendapat pengertian yang lebih mendalam mengenai sikap, kedudukan sosio-ekonomi, kegemaran, dan ciri-ciri lain para penuntut-penuntut dan pendengar-pendengar yang menunjukkan dengan lebih jelas lagi sikap mereka terhadap satu-satu perkara (issue) yang dianggap penting oleh Kerajaan dan pimpinan-pimpinan masyarakat atau pun dengan kata pendek mengadakan 'audience profile research'.

Sambil orientasi baru ini dimulakan dalam bidang Penyelidikan, orientasi baru yang boleh menyokong usaha-usaha pelaksanaan pembangunan mestilah dijadikan sebagai bahan utama yang menentukan aliran rancangan latihan yang dijalankan oleh Instituti Penyiaran Tun Abdul Razak (IPTAR). Inilah sebabnya dalam tahun 1976 ini perhatian yang paling penuh telah diberikan oleh Kementerian Penerangan kepada soal latihan terutama sekali soal orientasi pembangunan atau 'development orientation' supaya bahan-bahan latihan itu dapat menolong peserta-peserta memainkan peranan yang lebih konstruktif dalam usaha-usaha Kementerian Penerangan mendirikan dasar 'Development Communication'.

Tuan Pengerusi, untuk melaksanakan dasar "Development Communication" ini dan untuk menjalankan dasar-dasar lain yang ada hubungan dengan "the socialization process" ataupun perkembangan sosial dalam usaha mengeratkan lagi perpaduan negara, maka banyakkah soal-soal pokok yang akan timbul. Misalnya :

- (1) soal mencapai perseimbangan di antara rancangan-rancangan hiburan dengan rancangan-rancangan bercorak pendidikan dan pembangunan; dan kemungkinan menggunakan rancangan-rancangan hiburan untuk menyebar bahan pendidikan dan pembangunan;
- (2) soal samada kita boleh mendapatkan filem-filem TV yang bermutu tinggi dari luar negeri dengan lebih cepat lagi tanpa menambah peruntukan yang berlebihan; dan
- (3) soal mengkaji kesan-kesan daripada siri-siri rancangan radio dan TV dengan tujuan untuk menentukan cara-cara

mengadakan programe-programe yang lebih menarik lagi dan memperluaskan golongan penuntut-penuntut dan pendengar-pendengar sebagai loyal audience.

Apa-apa jua perubahan dalam bentuk pentadbiran Kementerian di masa hadapan, tentulah akan menolong kita mengambil keputusan yang lebih berkesan dalam menghadapi soal-soal tersebut.

Saya juga berasa sukacita memberitahu Dewan ini bahawa sebagai menyambut cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, RTM telahpun memperbaiki rancangan-rancangan Ugamanya. Saya harap dengan kerjasama dari "scholars" ataupun cendekiawan-cendekiawan, para alim ulamak tempatan dan kerjasama dari negara-negara Islam yang lain, insya Allah RTM akan dapat mempersembahkan satu siri TV mengenai Tamaddun Islam (Islamic civilization series). Yang Berhormat Timbalan Menteri saya sedang menyusun rancangan tersebut dengan cendekiawan-cendekiawan kita sekarang ini.

Dari segi teknikal pula, persiapan untuk menukarkan alat-alat pemancar TV berwarna akan dijalankan supaya TV berwarna dapat disiarkan dalam masa lebih kurang 2 tahun lagi. Sementara itu, latihan telahpun dijalankan untuk melengkapkan kakitangan-kakitangan TV dalam berbagai aspek colour TV.

Filem Negara pula akan dilengkapi dengan sebuah makmal untuk memproses filem berwarna.

Perkhidmatan Suara Malaysia akan diperkuatkan lagi bagi kawasan-kawasan ASEAN, ke rantau Asia, Asia Barat, Australia dan New Zealand di mana terdapat ramai sekali penuntut-penuntut Malaysia.

Jabatan Penerangan dalam masa setahun ini telahpun menekankan konsep maklum-balas (feed-back) sebagai cara menyesuaikan peranannya dalam sistem "integrated communication policy". Oleh sebab pegawai-pegawai Jabatan Penerangan mempunyai hubungan yang paling rapat dengan rakyat, merekalah yang boleh menyemak kesan-kesan daripada pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan untuk membolehkan mereka menjalankan tugas-tugas untuk mendapatkan maklum-balas ini. maka satu seminar telah diadakan pada tahun ini mengenai metodologi atau cara-cara mendapatkan maklum-balas dengan

lebih saintifik lagi. Bagi meneruskan tugas-tugas biasa beberapa kelengkapan baru telah-pun diperuntukkan kepada jabatan ini. Saya rasa Buku Anggaran Belanjawan 1977 telah-pun menjelaskan banyak lagi butir-butir mengenai perbelanjaan bagi seluruh Kementerian ini. Oleh sebab itu, tidaklah payah bagi saya menghuraikan dengan lebih panjang lagi perkara-perkara yang telahpun terkandung dalam Buku Belanjawan 1977 ini. Saya percaya latar-belakang yang telah saya terangkan dalam ucapan ini, memadailah bagi Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian untuk membincangkan peruntukan bagi Kementerian saya.

Tuan Pengerusi: Sebelum saya kemukakan Kepala Bekalan ini, saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa hari ini Majlis ini akan menimbangkan tiga Kementerian, jadi saya berharaplah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian cuba bercakap dengan seberapa ringkas dan tidak banyak menggunakan sastra dan kata-kata yang berbunga-bunga, tetapi tepat kepada tajuk atau perkara yang hendak dicakapkan supaya banyak Ahli dapat mengambil bahagian dan dapat diselesaikan ke tiga-tiga Kementerian ini.

Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau.

3.28 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh (Balik Pulau): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian Penerangan, Kepala B. 46 hingga B. 48 dan Kepala P. 46 hingga P. 48 yang berjumlah \$149,361,440. Perkara yang pertama ialah mengenai Kepala P. 47 muka surat 340 Pecahan-kepala 43 dan 45 iaitu mengenai Pemancar Talivisyen dan Alat-alat Standby.

Tuan Pengerusi, kita tahu Radio dan TV sudah menjadi satu keperluan dalam kehidupan rakyat negara ini. Melalui kedua-dua alat mass media ini orang ramai akan mengetahui dan mengikuti kejadian-kejadian yang berlaku di seluruh negara dan di dunia luar. Selain dari itu, Radio dan TV juga menjadi alat hiburan kepada mereka yang diam di luar bandar dan jauh di pedalaman. Kepada mereka yang tinggal di luar bandar dan jauh pedalaman ini mereka tidak mempunyai pilihan yang lain untuk mendapat hiburan, cuma Radio dan TV sahaja. Tuan Pengerusi, seperti yang kita semua maklum tiap-tiap pemilik Radio dan TV dikenakan

bayaran lesen untuk Radio \$12 dan untuk TV \$24 tidak kira samada dia tinggal di luar bandar atau dia tinggal di dalam bandar. Dalam hubungan ini apa yang hendak saya timbulkan ialah masalah perbezaan penerimaan siaran ini dari segi teknik masih ada lagi kawasan-kawasan yang belum menerima siaran Radio dan TV Malaysia dengan jelas dan terang, dan hakikat ini telah diakui sendiri oleh pihak Jabatan Penerangan.

Sebagai contoh di kawasan saya, kawasan Balik Pulau yang melibatkan lebih kurang 20,000 orang penduduk. Kalau kita menuntun TV, Tuan Pengerusi, gambar apa juga yang ditunjukkan samada peristiwa itu kejadian dalam negeri kita, dalam negeri-negeri berhawa panas dan negeri-negeri berhawa dingin, kelihatan gambar-gambar yang ditunjukkan melalui TV itu seolah-olah peristiwa itu berlaku dalam musim sejuk di Eropah, nampak turun butir-butir salji itu dari angkasa. Sudah empat-lima tahun perkara ini berlaku dan apabila Menteri-menteri datang melawat ke kawasan saya perkara ini diadakan, minta perhatian supaya dapat diatasi masalah kelihatan butir salji dari angkasa melalui peti TV itu, terutama kepada murid-murid sekolah susah guru-guru hendak menjelaskan. Adakah kejadian ini berlaku dalam musim sejuk di negara Eropah atau negara-negara yang berhawa sederhana terutama apabila murid-murid sekolah melihat pelajaran melalui TV di sebelah waktu pagi dan petang. Perkara ini patutlah kita atasi dan di sini saya telah menyemak dalam Buku Anggaran Belanjawan, saya dapati ada anggaran dan ada projek Kementerian ini yang bercadang hendak memasang satu alat penerimaan TV di Balik Pulau dan saya mengambil peluang di sini mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas perhatian Kementerian ini kepada kawasan saya yang terlibat dan saya yakin bukan kawasan saya sahaja yang terlibat, saya sudah bertanya kawan saya di kawasan Grik dan Baling begitu juga, nampak butir salji turun. Sekali lagi saya harap projek ini dapat diadakan secepat yang mungkin.

Tuan Pengerusi, perkara kedua yang hendak saya cakap ialah tentang Pecahan-kepala 45, muka surat 340 iaitu ada saya dapati diuntukkan \$17.4 juta untuk mengadakan siaran TV Berwarna di Malaysia. Kalau kita kaji ini adalah satu kemajuan yang harus kita puji tentang Kementerian Penerangan ini telah dapat mengadakan satu lagi langkah

kemajuan, langkah ke hadapan dalam mengadakan siaran TV ke seluruh negara. Sungguhpun demikian, saya harap Kementerian patut mengkaji dengan teliti samada cadangan mengadakan siaran TV berwarna ini, maksud saya, adakah keperluan mengadakan TV berwarna ini begitu mendesak dan mustahak diutamakan—saya ulang sekali lagi—adakah keperluan mengadakan TV berwarna ini begitu mendesak dan mesti diutamakan.

Tuan Pengerusi, dalam hubungan ini saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Menteri mengenai Pecahan-kepala (viii) Buku Anggaran Belanjawan 1977, muka surat 598 yang berbunyi:

“(viii) Kejuruteraan

Dalam bidang Kejuruteraan dan projek-projek pembangunan Jabatan ini akan terus berusaha untuk meluaskan lagi ‘coverage’ siaran di kawasan-kawasan yang pada waktu ini belum menerima siaran radio dan TV Malaysia dengan jelas dan terang lebih-lebih lagi di kawasan yang belum menerima langsung siaran-siaran tersebut.”

Jelaslah ini Kementerian sendiri sedar masih banyak lagi kawasan-kawasan dalam negara kita ini yang menerima siaran TV yang tidak jelas dan tidak terang dan ada yang belum menerima langsung. Soal saya tadi timbul balik, adakah perlu kita mengadakan TV berwarna untuk orang-orang di dalam bandar sedangkan orang-orang di luar bandar, di kawasan yang jauh di pendalaman belum nampak lagi TV, belum dapat menerima dengan jelas. Barangkali ini berlawanan dengan Dasar Ekonomi Baru yang hendak mengseimbangkan ekonomi orang-orang luar bandar dengan orang-orang dalam bandar. Saya fikir kalaulah kita teruskan rancangan mengadakan TV berwarna ini berlawanan dengan dasar Kerajaan sendiri. Jadi penduduk di luar bandar dan yang duduk jauh di pendalaman dapat membezakan bagaimana tujuan dasar Kerajaan. Kerajaan sendiri tidak dapat memprektikkan apa yang dikatakan, sebaliknya prektik yang dibuat oleh Kerajaan itu berlawanan dengan dasarnya sendiri, mengutamakan orang-orang dalam bandar sebaliknya menganak-tirikan orang-orang di luar bandar. Inilah saya harapkan sangat Kementerian yang berkenaan mengkaji dahulu. Saya tidak sekali-kali membangkang dan tidak menghalang kemajuan yang akan dicapai oleh negara kita dalam bidang TV berwarna dan sebagainya tetapi apa yang saya minta

dalam Dewan yang mulia ini berilah peluang penduduk-penduduk di dalam bandar, di pendalaman dapat menerima siaran TV dengan jelas dan terang dahulu, kemudian barulah kita adakan siaran TV berwarna ini. Peruntukan sebanyak \$17 juta kita berikan kepada penduduk-penduduk di luar bandar; adakan pusat-pusat siaran TV atau alat-alat pemancar TV di mana-mana yang belum ada, belum jelas dan belum terang adakan dengan secepat yang mungkin, kemudian barulah kita adakan peruntukan untuk mengadakan siaran TV berwarna.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap perkara yang akhir, iaitu Pecahan-kepala 1100, muka surat 333, Aktiviti (2) Rancangan. Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian ini kerana mengadakan berbagai-bagai rancangan yang menarik seperti Pertandingan Pancaragam, Kuiz, Bintang RTM, Bakat TV, Dendang Rakyat dan akhir-akhir ini Pertandingan Nasyid. Dan mengenai siaran agama juga saya patut memberi tahniah dan pujian kepada Kementerian yang berkenaan kerana mengambil berat kepada menyalurkan ajaran-ajaran agama kita melalui alat-alat penerangan Kerajaan. Dalam hubungan ini saya hendak menyentuh tentang Bintang RTM ini. Selama ini apabila dijalankan Pertandingan Bintang RTM pihak Kementerian kita telah berjaya mencungkil bakat-bakat yang terpendam dan bakat-bakat itu dapat kita cungkil dari kawasan sawah padi, kawasan bukit-bukau, kawasan bandar dan malah sampai ke kawasan universiti. Baru-baru ini kita dapat salah seorang bakat itu duduk dalam menara gading di universiti. Ini satu rancangan ataupun satu projek yang sangat mengagumkan dan patut diberi tahniah kepada Kementerian yang berkenaan kerana mengembangkan lagi kebudayaan negara kita.

Apa yang hendak saya timbulkan dalam masaalah ini ialah sudah banyak kita cungkil bakat-bakat baru yang berjaya menjadi Johan dan Naib Johan dalam Pertandingan Bintang RTM ini. Apa yang saya kesalkan kebanyakan bakat-bakat baru ini, Johan-johan Pertandingan RTM yang menjadi johan menyanyi mendendangkan lagu-lagu lama—10-20 tahun dahulu, lagu-lagu yang dicipta oleh seniman-seniman kita yang silam. Itu yang diulang-ulang, dikatakan dibarui balik, macam-macam title dibubuh tetapi bila saya dengar betul-betul, itu lagu

lama, tidak ada lagu baru. Kalau kita hendak salahkan penyanyi-penyanyi atau biduan dan biduanita kita inipun tidak patut juga sebab mereka ahli dalam bidang nyanyi tetapi tidak ahli dalam bidang mencipta lagu. Dan setelah saya semak dalam Buku Anggaran ini saya dapati tidak ada rancangan yang akan dibuat untuk mencipta lagu-lagu baru—tidak ada, padahal ini sangat mustahak kerana kalau tuan-tuan dengar hari ini kebanyakan biduan dan biduanita kita yang sudah ternama ini menyanyi lagu-lagu lama yang saya katakan tadi dengan menceduk bulat-bulat lagu-lagu Hindustan. Dari pagi hingga ke malam dengar lagu Hindustan sahaja. Kalau dari jauh kita tidak dengar seni katanya kita katakan lagu Hindustan tetapi apabila kita amat-amati: Oh, lagu Melayu, seni katanya dalam Bahasa Malaysia. Jadi inilah yang saya rasa dukacita.

Dalam hubungan ini saya suka menyarankan dalam Dewan ini supaya Kementerian yang berkenaan mulai daripada tahun hadapan, kalau boleh mengadakan satu pertandingan mencipta lagu—maksud saya lagu-lagu yang berteraskan kebudayaan kita. Kita tidak mahu lagu Hindustan, lagu lain-lain yang tidak sesuai dengan negara ini. Pertandingan mencipta lagu, kita hendak cari seniman-seniman yang pandai, yang ahli mencipta lagu-lagu Melayu yang baru. Dengan ini selain daripada biduanita-biduanita kita yang sudah menjadi johan tadi dapat mendendangkan lagu-lagu baru yang diciptakan oleh johan-johan pencipta lagu.

Tuan Pengerusi, saya fikir itulah yang hendak saya cakapkan dan akhirnya sekali lagi saya menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian Penerangan ini.

3.41 *ptg.*

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Kepala Bekalan 46, Pecahan-kepala 1100—Gaji dan Upahan.

Tuan Pengerusi, Kementerian Penerangan ialah Kementerian yang bertanggungjawab untuk dasar penerangan Kerajaan dan antaranya ialah untuk mengadakan bahan-bahan yang sesuai untuk pendidikan am, penerangan dan hiburan. Dasar penerangan Kerajaan pada pokoknya tidak berdemokratik dan ini boleh kelihatan daripada kenyataan bahawa sebaran am seperti radio dan TV tidak membenarkan idea-idea yang tidak sama untuk bersaing (compete) dan

sebenarnya radio dan TV telah menjadi satu alat untuk menyiarkan idea-idea yang baru yang dibenarkan oleh pihak Kerajaan. Ini adalah bertentangan dengan konsep satu masyarakat yang demokratik di mana rakyat jelata diberi pilihan bukan sahaja antara berbagai parti, berbagai calon, tetapi berbagai idea-idea dan oleh kerana itu tidak boleh diadakan satu pilihan antara idea-idea sekiranya sebaran am atau mass-media dimonopoli oleh satu golongan sahaja. Saya rasa terdapat satu keperluan yang sangat segera untuk mengulangkaji semula falsafah penerangan oleh pihak Kerajaan. Kita di sini percaya bahawa ramai orang Malaysia sekiranya dibuka kepada idea-idea yang bersaing (competing) dari masa atau umur yang muda mereka akan membuat keputusan yang lebih baik daripada dictator atau sekumpulan elite yang dipilih oleh orang yang tidak dibuka (expose) kepada semua idea-idea yang berbeza ini. Oleh kerana orang ramai yang ada maklum sebagai ini akan dapat membuat keputusan yang patut, yang baik, yang lebih menasabah, yang lebih berperji kemanusiaan daripada jangka masa yang panjang untuk kepentingan mereka dan untuk kepentingan negara. Sekiranya kita mempunyai satu dasar penerangan yang lebih terbuka tentulah proses dalam Kerajaan akan juga dijaga dan akan menjadi satu safeguard yang lebih efektif untuk mencegah semua kesilapan-kesilapan dan excesses dalam birokrasi Kerajaan. Saya percaya sekiranya kita ada satu dasar penerangan yang lebih terbuka, lebih demokratik, tentulah scandal-scandal seperti pembelian kapal-kapal SPICA-M yang akan membazirkan wang berjuta-juta ringgit dan barangkali apabila dibeli akan jadi “gajah putih”, perkara-perkara ini tidak akan berlaku—boleh dielakkan.

Tuan Pengerusi, oleh kerana dasar-dasar penerangan Kerajaan tidak membenarkan satu competition idea-idea yang berbeza, sekarang kita boleh nampak di tanahair kita rakyat jelata lebih percaya kepada khabar angin daripada apa yang mereka dengar melalui radio dan TV atau mereka terpaksa bergantung kepada majallah-majallah luar negeri untuk mendapat tahu apa yang berlaku dalam negara kita ini. Ini satu keadaan yang sangat tidak sihat. Kebebasan akhbar ialah satu perkara yang mesti ditimbang dengan mendalam dan serius oleh Yang Berhormat Menteri Penerangan oleh kerana ini menjadi satu segi yang mustahak dalam dasar

penerangan Kerajaan. Sungguhpun kita sekarang menghadapi masalah yang besar ini kita sangat terperanjat mendengar di tanahair kita ada desakan-desakan supaya kebebasan akhbar dihadkan lebih lagi, diketat lebih lagi khasnya oleh Pemuda UMNO yang diketuai oleh Ahli Yang Berhormat dari Panting yang menyatakan bahawa kebebasan akhbar di Malaysia tidak boleh disamakan dengan kebebasan akhbar di United Kingdom atau Amerika. Saya sangat terperanjat mendengar ini dan ini menunjuk kejahilan mengenai keadaan-keadaan akhbar di sini dan kebebasan-kebebasan akhbar di Malaysia jika dibanding dengan kebebasan akhbar di United Kingdom dan Amerika. Sesiapa yang tahu keadaan ini tentu tidak akan buat perbandingan ini, oleh kerana tentulah tidak boleh dicompare keadaan Press Freedom yang ada di United Kingdom atau di Amerika Syarikat yang dicontohkan atau di sini. Sekiranya kita di Malaysia ada kebebasan akhbar seperti di UK atau di US tentulah penulis-penulis dalam ruangan-ruangan akhbar akan menulis mengenai ketakutan Yang Berhormat dari Panting untuk membawa saya ke Mahkamah selepas saya menerima cabaran beliau untuk mengulang di luar Dewan apa yang saya cakap dalam Dewan ini.

Tentu mereka akan menulis mengenai bagaimana beliau takut menerima cabaran saya untuk sumpah dengan Koran yang suci bahawa pada tiga tahun dahulu beliau telah bersara daripada jawatan Pengarah Syarikat Great Malaysia Line atau telah mengembalikan saham-saham yang bernilai \$800,000. Tetapi soal di negara kita Tuan Pengerusi, ialah bukan akhbar-akhbar kita terlalu berani atau terlalu bebas, tetapi tidak cukup berani dan tidak cukup bebas. Inilah masaalah yang kita hadapi dan saya sangat terperanjat dengan sesiapa yang akan menggesa Kerajaan menghadkan kebebasan akhbar-akhbar kerana apa yang kita ada ialah satu akhbar yang tidak cukup berani dan tidak cukup bebas diketatkan lagi. Kenapa perkara ini ada berlaku dan saya harap dalam ulang kaji dasar penerangan dan kebebasan akhbar Kerajaan tidak akan tunduk kepada tuntutan back wing dan reactionary ini untuk mengetatkan kebebasan akhbar untuk menambahkan saikoloji ketakutan wartawan-wartawan, tetapi cari cara lain di mana kita boleh memupuk atau mendemokratikkan cara-cara mengadakan satu akhbar yang membina (constructive) yang critical, yang bebas yang bukan sahaja

boleh menyiarkan berita tentang semua segi baru Kerajaan, tetapi ulasan-ulasan yang critical, yang interpretative. Dalam hubungan ini saya mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri Penerangan supaya mengadakan satu Majlis Akhbar (Press Council) yang terdiri daripada wakil-wakil bukan sahaja akhbar tetapi dari lain bidang nasional yang mempunyai tugas untuk memupuk kebebasan akhbar, untuk mendemokratikkan dasar-dasar penerangan Kerajaan supaya semua rakyat Malaysia boleh dapat diinform mengenai idea-idea pembangunan, peristiwa-peristiwa yang berkait dengan Malaysia dan Majlis Akhbar ini boleh dari satu tahun ke satu tahun mengeluarkan laporan tahunan untuk menunjuk atau melapurkan keadaan kebebasan akhbar dalam tahun yang lepas dan membuat recommendation bagaimana kebebasan akhbar di tahun hadapan atau dalam 12 bulan hadapan boleh diperkuatkan dalam suasana yang bertanggungjawab.

Tuan Pengerusi, Malaysia ialah sebuah negara yang berbilang bangsa dan sekiranya Kerajaan mahu mencapai tujuan perpaduan Nasional Kerajaan mestilah sensitif kepada semua keperluan, kehendak yang sah (legitimate) daripada semua kaum di negara kita. Saya rasa dalam perkara ini sensitivity Kerajaan terhadap perkara ini tidak dibayar melalui radio dan TV khasnya rancangan TV. Sungguhpun pihak Kerajaan telah memberi jaminan beberapa kali di masa lampau bahawa ia akan mengadakan satu ulangkaji rancangan-rancangan radio dan talivisyen supaya program-program itu akan lebih representative atau membayangkan sifat multi-racial di Malaysia tetapi sangat sedih saya kata di sini tidak ada apa-apa langkah yang boleh kita nampak yang diambil dalam perkara ini. Kerajaan mesti tahu dalam perkara membina negara, khasnya dalam satu negara semacam Malaysia di mana terdapat berbagai kaum, bahasa, ugama dan kebudayaan ialah satu tugas yang sangat rumit, sangat kompleks dan national unity tidak boleh dicapai selagi ada golongan-golongan kaum yang rasa bahawa mereka tidak dapat tempat yang sewajar baikpun melalui radio atau television programme. Kita mesti plan bukan untuk satu tahun atau 5 tahun tetapi untuk jenerasi-jenerasi akan datang dan kita boleh ambil perhatian daripada apa yang berlaku dalam United Kingdom di mana selepas beratus-ratus tahun, sekarang ada timbul satu movement atau gerakan secession di Scotland

yang kuat, atau seperti berlaku di Canada selepas beratus tahun, sekarang terdapat satu pergerakan yang kuat yang hendak secede Quebec daripada Canada. Kita di Malaysia dalam proses membina negara tak sampai 20 tahun dan di sini saya harap saya tidak disalah-fahamkan bahawa di Malaysia ada satu secession movement di Malaysia. Saya sendiri harap saya tidak hidup untuk tengok di Malaysia ada satu secession movement ujud dan jadi satu force yang besar.

Tetapi apa saya harap kita boleh ambil perhatian ialah kita mesti belajar daripada pelajaran negara-negara lain bahawa dalam satu society, satu masyarakat yang plural, cara untuk membina negara daripada antara orang-orang yang berbilang kaum ialah untuk memastikan setiap golongan kaum ada satu "sense of belonging" dan ini tidak boleh jadi sekiranya sensitivity semua kaum tidak dihormati. Dan dalam kontek ini saya menyeru supaya satu ulangkaji yang segera dibuat mengenai program-program radio dan talivisyen supaya semua kaum-kaum di negara kita atau di tanahair kita boleh merasa bahawa keperluan-keperluan dan kehendak-kehendak legitimate mereka dihormati.

3.53 *ptg.*

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, saya juga turut menyokong peruntukan yang telah diminta oleh Kementerian Penerangan dan Penyiaran. Saya berpendapat kadar yang diminta ini amatlah berpatutan bahkan kalau boleh patut Kerajaan kita menambahkan lagi, kerana kita tahu dalam B. 46, walau bagaimana kita buat baik sekalipun, kalaulah apa yang kita buat tidak diketahui oleh umum, maka perkara itu tidak menjadi faedah, itulah sebabnya kebanyakan daripada setengah badan-badan dan firma-firma yang mengeluarkan perniagaan sanggup mengeluarkan beribu-ribu ringgit untuk mencari publicity kerana daripada pengumuman dan publicity inilah membawakan satu-satu benda itu diketahui oleh umum.

Jadi, biasa berlaku satu benda yang baik sekalipun tidak menjadi baik kalau tidak diketahui oleh umum dan biasa berlaku benda yang tidak begitu berharap tetapi kerana iklan dan cara dakwahnya amat menarik, maka benda-benda itu kadang-kadang tertarik oleh umum. Dengan sebab itu, saya berpendapat Kementerian Penerangan ini adalah

penting untuk negara, baik-buruknya negara tergantung kuat kepada Jabatan Penerangan, maka di sini saya mengesyorkan dalam B. 46, di segi pentadbiran am, Jabatan ini patut membanyakkan lagi Pegawai-pegawai Penerangannya iaitu Pegawai-pegawai Penerangan Luar, terutama untuk penduduk-penduduk luar bandar. Orang-orang kampung sebelum mereka hendak dengar orang itu tidak begitu berat sangat kepada degree ataupun kebolehan tetapi kadang-kadang cara bercakap itulah yang amat menarik mereka tetapi kalau cakap itu kosongpun saya tidak bersetujulah, tetapi disegi cakap yang menarik itulah perhatian pertama sekali yang akan didengar oleh orang yang mendengar kepada siapa yang bercakap tadi. Dengan sebab itu, saya berpendapat tiap-tiap pegawai penerangan tadi selain daripada kebolehan cara penyampaian itu amatlah perlu.

Di samping itu, saya berpendapat kerana adat manusia ini bagaimana baik sekalipun kalaulah terlampau lama satu tempat dia terasa jemu sedikit. Dengan sebab itu, saya berpendapat kalau sudah bertahun-tahun satu-satu orang itu pada satu-satu tempat walaupun agak susah sedikit pertukaran itu, saya berpendapat patutlah ditukar-tukarkan sedikit untuk mendapat muka-muka baru, tetapi janganlah ditukar 2-3 tahun sekali. Kalau sampai 10 tahun lebih saya agak ke-jemuan ada sedikit terasa oleh orang-orang di tempat itu walaupun orang baru baik atau tidak yang akan datang itu. Ini tabiat manusia.

Tuan Pengerusi, saya bercakap dalam Akti-viti 4 Latihan Tata Negara, saya berpendapat Latihan Tata Negara ini amatlah baik dan saya mengesyorkan dan mencadangkan patut diberi kursus Tata Negara kepada seluruh penduduk-penduduk negara kita. Saya berpendapat patut dimulai dari kampung yang terdiri daripada ketua-ketua kampung atau ketua-ketua kawasan dan imam-imam kita beri kursus yang cukup tentang apa yang dibuat oleh Kerajaan hari ini supaya mereka dapat memberi penerangan ataupun mereka ini bila bercakap di kedai, di masjid dan sebagainya bolehlah mereka menghujah apa yang dibuat oleh Kerajaan hari ini dengan mendalam sesudahnya mereka sendiri juga faham dengan mendalam.

Tuan Pengerusi, soal Filem Negara, saya berpendapat patutlah Kerajaan membanyakkan lagi filem-filem sebagai filem-filem sejarah, filem-filem sejarah politik, sejarah tanahair, sejarah komunis merosakkan negara dan sebagainya. Kalau cuma kita hendak beri penerangan orang tidak begitu menarik tetapi kalau kita beri penerangan dengan mereka nampak sendiri bagaimana dahsyatnya komunis mengejamkan negara kita, maka sudah terbit perasaan begini kejamnya komunis. Jadi kalau hanya kita beri penerangan cara bercakap, mereka tidak begitu tertarik sangat.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat patutlah Kementerian ini juga mengadakan drama-drama dengan memilih bakat-bakat yang baik dan cerita-cerita yang baik untuk dibuatkan filem. Saya rasa dalam Dewan yang mulia ini juga Timbalan Menteri yang berkenaan biasa mengatakan kita kekurangan filem dan sebagainya. Agak saya boleh jadi kekurangan pelakon dan sebagainya, tetapi bila kita tengok pada drama-drama yang ditunjukkan di pentas-pentas di kampung-kampung saya tengok bakat-bakat amatlah banyak, boleh kata tiap-tiap tempat ada bakat. Jadi kalaulah bakat-bakat ini kita baja dan kita bimbing, bakat-bakat ini juga kita boleh ambil untuk berlakun dalam Filem-Negara dan berbagai-bagai filem yang dalam negara kita amat kekurangan ini. Ini saya mengesyorkan dan saya harap Kementerian yang berkenaan dapat menjalankan apa yang saya syorkan ini.

Tuan Pengerusi, Kepala B. 47, siaran TV dan Radio, saya ucapkan terima kasih kepada Kementerian yang berkenaan, terutama dari segi siarannya. Di masa lepas saya biasa bercakap dalam Dewan yang mulia ini tayangan gambar Melayu itu telah ditunjukkan terlampau larut malam, tetapi syukurlah kepada Tuhan hari ini tayangan itu disesuaikan dengan keadaan iaitu selepas wartaberita, selepas Peristiwa. Jadi keadaan itu amat memuaskan. Walau macam manapun, saya dukacita kerana gambar-gambar itu diambil daripada filem-filem yang tidak begitu menarik tetapi seperti dikatakan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan kerana kita kekurangan filem.

Bagaimana saya kata tadi, cubalah kita ikhtiar, kerana masih banyak pelakon kita walaupun P. Ramlee sudah meninggal dunia tetapi banyak lagi orang-orang lain boleh kita

cari. Oleh sebab daya usaha ini baik patutlah kita mencari bakat baru dengan membuat drama. Di samping itu kita tengok dalam segi latihan, segi isi drama dan sebagainya. Ini patutlah dikaji semula. Begitu juga tentang rancangan TV kadang-kadang bila saya tengok, saya takut kalau orang datang daripada luar negeri mengatakan seolah-olah kita penduduk Malaysia banyak sangat penduduk Inggeris, kerana yang banyak sekali siaran TV boleh dikatakan 70% dalam bahasa Inggeris. Lawak jenaka Inggeris, ceritanya Inggeris, seolah-olah kita dalam negara Inggeris. Barangkali pelakon dan peminatnya terlampau banyak daripada Inggeris. Saya tak suruh kurangkan langsung tetapi patutlah dibanyakkan yang berbahasa Melayu, tetapi saya tak nafikan malahan terlampau kurang. Kalau dikaji dengan telitinya yang menggunakan bahasa Melayu amat kurang, yang ada sekali-sekala drama, cerita Melayu dan kadang-kadang lawak jenaka. Lawak itu bagus tetapi kalau banyak sangat bukan jadi lawak. Sepatutnya sekali-sekala, semua benda itu lucu tetapi kalau banyak sangat lucu sudah tak seronok lagi. Saya tak suruh kurangkan langsung, apatah lagi lawak Inggeris yang menggunakan berbagai cara. Jadi saya berpendapat patut dikaji perkara ini.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat siaran drama itu patut dipanjangkan sedikit lagi dan pelakunnya kalau boleh patut ditambah lagi dan isi drama itu juga. Saya berpendapat penerangan yang lebih mujarab ialah penerangan dengan perbuatan sendiri dengan sebab itu sebelum satu-satu drama itu ditunjukkan untuk kebaikan negara samada dari segi ekonomi atau perpaduan, contohnya seorang kaya yang menzalim orang yang miskin. Jadi kita cari satu faedah selepas ditunjukkan drama, apa kesan dan faedahnya kepada rakyat. Jangan selepas tunjuk drama tak ada faedah hanya setakat kesan menangis atau ketawa. Saya berpendapat penerangan yang lebih berkesan kepada umum, ialah penerangan sambil dilakukan. Itu cukup berkesan. Dengan sebab itu samada dalam drama, cerita itu motifnya kita cari. Saya berpendapat patutlah masa drama dipanjangkan lagi dan ditambahkan pelakunnya jangan setakat tiga empat orang. Begitu juga kalau boleh sandiwara Radio patutlah diadakan dalam TV. Tentang masa dalam Radio agak berpatutan, dengan tak tunjuk gambar. Masanya agak sesuai tetapi kalau dalam TV patut

dipanjangkan sedikit. Itu adalah cara yang lebih berkesan untuk beri penerangan kepada umum.

Tuan Pengerusi, mengenai siaran agama saya amat suka, di samping itu saya berasa dukacita tentang siaran agama dalam ruangan "Cahaya". Saya sedih bila ditanya oleh orang-orang kampung: "Rukun sembahyang berapa perkara dan apa yang pertama?" Saya jawab: Pertamanya niat dan akhirnya tertib. Kata mereka ajaran sembahyang dalam TV pertama berdiri betul, niat adalah yang kedua.

Saya tidaklah pandai dari segi agama tetapi percakapan mereka memang menasabah. Apa yang saya tahu rukun sembahyang pertamanya niat, akhirnya tertib tetapi yang disiarkan dalam TV berlainan. Dan kata mereka kadang-kadang sembahyang itu tidak begitu teratur. Sedangkan sepatutnya kita mestilah sembahyang dengan tertib seumpama-menghadap ketua dengan penuh hormat. Dalam Islam tidak ada ajaran baru dan tidak ada tua dan apa yang saya faham Islam adalah suatu agama yang membawa kebaikan dunia dan akhirat. Agama sebagai satu kebersihan dan kecergasan. Perkara ini patut dikaji semula.

Begitu juga tentang pensyarah-pensyarah di TV biarlah yang menarik dan janganlah membosankan sehingga rakyat menutup TV.

Izinkan saya, Tuan Pengerusi, mengemukakan suatu doa supaya orang ramai faham dan tertarik: Rabbisy-rahli sadri, wayassirli amri, wahlul "ukdatal-lisani yafqahu qauli".

Jadi penghuju'ngannya kita minta lapangkan dada pendengar supaya apa yang kita cakap orang faham kerana kalau kita cakap orang tak faham tidaklah berguna. Mungkin pelat saya orang tak faham, tetapi itu tak mengapa. Tetapi syarahan yang menarik amatlah perlu. Kadang-kadang ada pensyarah dalam TV memang berkebolehan. Contohnya suatu syarahan daripada HAMKA. Saya terkejut dan orang lain yang sama menonton tertarik sama. Syarahan itu hanya 15 minit, mengapa terlampau singkat dia bagi syarahan dengan menarik di samping lawak jenaka dan tidak hentam terus. Kadang-kadang saya tak setuju orang agama bersyarah hanya menghentam, apa lagi yang tua-tua, walhal masa dia dahulu lebih dahsyat daripada orang muda tetapi sudah tak larat, semuanya haram. Jadi dia tak ikut keadaan.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat hendak berbahas mengenai soal agama, ini bukan forum. Pilihlah tempat lain.

Tuan Shaari bin Jusoh: Saya berharap kepada Kementerian berkenaan terutama syarahan patutlah dicari orang yang menarik syarahannya walaupun daripada Indonesia dan sebagainya, supaya dengan penerangan menarik itu memberi faedah kepada kita.

Tuan Pengerusi, perkhidmatan luar, sivik dan mesyarakat. Ini amatlah baik. Saya dukacita wang peruntukannya lambat sampai, bila sudah hampir hujung tahun barulah wangnya sampai. Dengan sebab itu dia tak kira musim hujan ataupun cuaca yang tak baik kursus diadakan juga kerana hendak menghabiskan wang itu, walaupun keadaan masa itu tak sesuai. Saya berharap kepada Kementerian berkenaan kursus sivik patut dibanyakkan lagi dan diberi peruntukan pada awal tahun supaya dapat kita menjalankan kerja dengan penuh teratur dan tertib. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri, saya hendak minta penerangan, latihan tata-negara adakah termasuk dalam peruntukan ini? Nampaknya tak ada peruntukan di sini. Ahli Yang Berhormat dari Kangar menyentuh mengenai latihan tata negara, nampaknya tak ada peruntukan dalam tahun 1977. Aktiviti itu ada tetapi wangnya tak ada.

Datuk Amar Haji Abdul Talib bin Mahmud: Provision memang ada iaitu bekalan di bawah Gerakan Saraf telahpun ditambah.

Tuan Pengerusi: Terima kasih.

4.09 ptg.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus): Tuan Pengerusi, saya akan berucap seberapa pendek yang boleh di dalam peruntukan yang diminta oleh Kementerian Penerangan ini. Saya suka mengambil bahagian sedikit mengenai penerangan yang dijalankan oleh Kementerian ini. Pertamanya di bawah Kepala B. 46, Pecahan-kepala 1100.

Tuan Pengerusi, mengenai penerangan yang berjalan sekarang ini apa yang saya rasa kurang puas hati sedikit walaupun saya dengan suci hati mengucapkan tahniah

kepada Kementerian ini dalam banyak hal, tetapi ada beberapa hal yang saya suka merayu kepada Kementerian ini supaya disusun semula ataupun dikaji.

Pertama mengenai penerangan, pada masa sekarang ini dalam saat negara kita menghadapi ancaman kominis dan dalam saat ini juga kita membaca atau mendengar hampir setiap hari daripada pemimpin-pemimpin negara kita menyebut mengenai ancaman kominis dan cara-cara menentangnya. Walaupun banyak daripada kakitangan ataupun Pegawai-pegawai Penerangan kita membuat penerangan ke kampung-kampung menerangkan masalah-masalah ini, tetapi apa yang saya sempat ikuti bahawa di dalam cara penyampaian kepada orang-orang kampung mengenai penerangan ataupun perang uratsaraf menghadapi kominis ini harus dikaji semula dan harus diperbetulkan supaya dapat menarik perhatian orang-orang kampung dalam perkara ini dan supaya benar-benar dapat menarik perhatian orang kampung membenci kominis atau fahaman kominis. Walaupun pada setiap hari kita mendengar pemimpin-pemimpin kita menyuarakan bahawa hanyalah dengan fahaman ugama ataupun dengan Islam sahajalah yang dapat menentang fahaman kominis atau pengaruh kominis, tetapi dalam cara penyampaian pensyarah-pensyarah yang bertugas di Kementerian ini saya rasa caranya; cara lama yang tidak dapat menarik perasaan orang kampung benar-benar kepada buruknya kominis itu dan baiknya Islam ataupun baiknya cara pemerintahan kita yang ada sekarang ini. Kalau saya hendak sebutkan secara detail memang susah, tetapi saya mengharapkan kepada pihak yang berkenaan cukup-cukup faham mengenai perkara ini dan mungkin pihak Kementerian dapat mencari tokoh-tokoh pensyarah yang benar-benar boleh menarik ataupun boleh memberi tarikan yang sungguh-sungguh kepada pendengar-pendengar. Saya nampak penerangan-penerangan yang dibuat melalui Jabatan Penerangan Bergerak di kampung-kampung harus dibanyakkan lagi selingan ucapan ataupun syarahan mengenai dengan pengaruh kominis ataupun sekarang ini dicampur dengan dadah dan sebagainya. Tuan Pengerusi, dalam hubungan ini juga Kementerian ini hendaklah menyeru kepada orang ramai mengenai dengan perpaduan rakyat. Apa yang kita rasa sekarang ini mungkin soal perpaduan ini setengah-setengah orang kita menganggap bahawa perkara ini kecil

tetapi mungkin pihak Kementerian yang berkenaan menganggap ini adalah satu perkara yang serious.

Tuan Pengerusi, kalau tidak dengan melalui Kementerian Penerangan, walaupun Kementerian-kementerian lain bertanggungjawab sama mengenai perpaduan rakyat, tetapi saya rasa melalui mass-media inilah yang benar-benar boleh memberi kesan kepada seluruh rakyat di dalam negara kita ini. Apa yang ternyata kepada kita sekarang ini belum boleh dibanggakan bahawa rakyat di dalam negara kita merasa perpaduan itu satu tanggungjawab yang mutlak kepada tiap-tiap rakyat. Masih banyak terdapat di mana-mana kita pergi perasaan perkauman, perasaan berpuak-puak masih meluas lagi di seluruh negara kita ini. Oleh hal yang demikian, saya merayu Kementerian yang berkenaan supaya dapat mengkaji semula bagaimana cara-cara penyampaian, cara-cara memberi tahu kepada rakyat bagi kepentingan atau menarik rakyat untuk perpaduan ini biar tiap-tiap rakyat itu merasai bahawa ini adalah satu tanggungjawab rakyat dan ini adalah satu perkara yang punca bagi keselamatan negara kita. Sebab kalau ini tidak dapat dipupuk sebenarnya mungkin perkara ini bukan akan bertambah rapat tetapi akan bertambah jurangnya benci-membenci, perkauman semakin hebat, kita bimbang negara kita satu masa nanti akan menghadapi peristiwa 13 Mei kali yang kedua ataupun sebagainya.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi yang saya suka merayu Kementerian ini dalam masalah Kepala P. 48, Pecahan-kepala 1—Yunit Berkereta. Saya dapati sekarang ini belum memuaskan lagi. Sebab setengah-setengah kampung dan di kampung-kampung pendalaman memang jarang benar mereka dapat mendengar ataupun dapat menikmati, kalau orang kampung hendak menikmati wayang gambar yang dibawa oleh Jabatan Penerangan ini memang jarang. Ada setengah kampung itu setahun pun tidak berjumpa sekali dan ada juga kampung yang acap kali, saya tidak nafi, tetapi mungkinlah mengikut bagaimana program atau aturcara yang disusun oleh Jabatan yang berkenaan mengenai hal ini. Jadi kalau di kampung pendalaman itu kita kurangkan dan di kampung yang berdekatan kita kerap datang maka sudah tentu ini akan bercanggah dengan maksud sebenar Kementerian ini dan maksud sebenar Kerajaan. Boleh jadi di kampung-kampung pendalaman memang sukar hendak didatangi disebabkan jalan yang buruk

ataupun memang hendak didatangi oleh yunit-yunit ini. Tetapi saya berfikir kalau yunit-yunit berkereta ini dapat dipertimbangkan ditambah lebih banyak lagi dan kakitangannya ditambah secukupnya supaya dapat mereka itu melawat kampung-kampung di pedalaman itu dengan lebih kerap lagi. Kalau boleh dapat dua bulan sekali umpamanya yunit berkereta ini sampai ke kampung mereka maka acap kalilah penduduk-penduduk kampung itu dapat menikmati sekurang-kurangnya dapat menuntun wayang gambar percuma. Sebab kita mengetahui di pedalaman selain daripada yang percuma mereka itu tidak dapat, sebab kalau hendak dibayar pun di bandar-bandar, mereka itu tidak keluar ke bandar-bandar, maka sedikit benar hiburan kepada mereka itu. Di samping pihak Kerajaan kita dapat menayang wayang gambar percuma kita dapat menyampaikan hasrat-hasrat Kerajaan sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan baharu sekejap tadi mengenai kemajuan ugama Islam, mengenai kemajuan getah, dan sebagainya. Selepas saya mendengar kenyataan dan tujuan-tujuan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi saya rasa kalau benar-benar apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri itu dapat dijalankan mulai daripada sekarang maka saya rasa cukup puas hati. Tetapi saya bimbang dan khuatir kenyataan dan hasrat Yang Berhormat Menteri itu tinggal hasrat sahaja ataupun kenyataan itu tinggal kenyataan sahaja di dalam Dewan ini, tidak sampai ke mana-mana tidak dijalankan, tidak ditunaikan. Ini yang saya khuatirkan. Kalau dapat dijalankan, dapat ditunaikan, dapat diamalkan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi mengenai penerangan itu saya rasa berbangga benar dan saya rasa kalau dapat diteruskan apa yang dicita-citakan, yang dirancang oleh Kementerian khususnya oleh Yang Berhormat Menteri tadi mengenai penerangan-penerangan ini saya rasa cukup puashati tetapi saya mengharap supaya jangan ketinggalan sekali-kali kampung-kampung di pedalaman.

Sebab, Tuan Pengerusi, saya mengulang acap kali ini saya tidak malu-malulah sebab saya ini wakil dari Ulu Nerus sudah tentulah kampung-kampung pedalaman sahaja yang banyak dalam kawasan saya, hanya pekan-pekan kecil sahaja yang ada di dalam kawasan saya.

Jikalau benda ini tidak meliputi sudah tentu sekurang-kurangnya rakyat dalam kawasan saya tidak merasai dan saya tidak akan terlepas daripada rungutan daripada orang kampung mengenai Jabatan Penerangan ataupun Yunit Penerangan Bergerak ini. Saya rasa sekian sahaja.

4.21 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya menyentuh Kepala Bekalan B. 47—Jabatan Penyiaran, muka surat 333, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (2) Rancangan.

Rancangan siaran TV adalah satu rancangan yang amat berkesan yang boleh memupukkan perpaduan rakyat. Ia dengan mudah meresap ke jiwa rakyat. Dengan kerana itu, rancangan-rancangan yang berupa pendidikan dapat memberi kesedaran kepada penuntut-penuntut.

Siaran nasional yang menyiarkan filem-filem luar negeri, hendaklah dialih bahasa dengan bahasa Melayu sepenuhnya, dengan tidak payah menggunakan sari-kata di bawahnya. Manakala saluran kedua, adalah tetap dengan siarannya seperti sekarang ini. Tugas alih bahasa ini hendaklah dijalankan segera, kalau boleh dengan sepenuhnya, dan dengan yang demikian, baharulah boleh menepati siaran nasional sebenarnya.

Siaran TV di Thailand, Hongkong, Taiwan, dalam siaran nasionalnya hanya menggunakan bahasa kebangsaannya sahaja. Tidak ada sari-kata dibuat. Manakala siaran saluran kedua, baharulah dapat didengar siaran yang menggunakan sari-kata (sub-titles). Dengan cara ini, kita bukan sahaja dapat mempopularkan program Bahasa Melayu sepenuhnya, malah dapat menyemaikan kesedaran rakyat sebagai alat perpaduan negara.

Rancangan-rancangan tempatan hendaklah dibanyakkan. Kita bukan sahaja memberi peluang kepada artis-artis tempatan malahan dapat mencongkil bakat-bakat baru mereka.

Dalam mengisi kekosongan ini permainan pancaragam dari Angkatan Tentera dan Polis, sepertimana yang pernah dibuat dahulu, hendaklah diadakan semula.

Dalam lapangan sukan perlawanan-perlawanan tempatan, umpamanya, Perlawanan Piala Raja-raja Pesta Bola Merdeka dan apa

juga permainan-permainan tempatan kita bermain, mengikut mutu permainannya, hendaklah seboleh-bolehnya diambil kesempatan oleh TV Malaysia menyiarkan dalam rancangan nasionalnya.

Saya juga meminta Kementerian ini supaya Lapuran Parlimen dapat menambahkan masa siarannya. Semua ucapan-ucapan ringkas Ahli-ahli Parlimen hendaklah disiarkan dengan ini baharulah rakyat di kawasan masing-masing dapat mengetahui. Alat-alat sebaran am yang ada pada Wakil-wakil Rakyat hanyalah tiga kali Persidangan Parlimen di dalam setahun. Maka inilah peluang yang harus diberi sepenuhnya. Di samping itu, saya juga meminta agensi-agensi berita menyiarkan berita-berita Persidangan Parlimen di semua akhbar-akhbar dalam negeri ini, terutama akhbar *Utusan Melayu* yang sangat disukai oleh orang-orang di luar bandar. Saya harap dapat diambil perhatian, supaya dapat memberi gambaran yang sebenar mengenai Persidangan di Parlimen. Saluran berita adalah sebagai penyambung lidah rakyat di kampung yang terutama akhbar *Utusan Melayu* kerana akhbar inilah yang popular di kampung. Maka adalah diharapkan dengan kerjasama daripada akhbar-akhbar supaya dapat menyalurkan berita-berita Persidangan Dewan biarlah di ruangan khas mengenai Persidangan Parlimen ini. Sibaran am ini besar gunanya dan kesannya kepada rakyat, saya harap Menteri yang berkenaan dapat mengambil perhatian yang serious di dalam perkara ini.

Tuan Pengerusi, Kepala Bekalan B. 48—Jabatan Penerangan, muka surat 342, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (3) Akhbar dan Perhubungan dan Aktiviti (4) Penerbitan.

Tuan Pengerusi, BERNAMA adalah satu agensi berita yang sangat mustahak kepada negara. Bidang kuasanya adalah setanding dengan agensi-agensi berita luar negeri seperti ANTARA, Rueter, AP (Association Press) UPI (United Press International) dan sebagainya. BERNAMA hendaklah dijadikan satu perbadanan bebas sebagai satu agensi berita yang tidak terikat dari mana-mana pihak. Ia boleh bergerak bebas kerana pelanggan-pelanggannya telah sedia ada.

Dalam negara-negara ASEAN, BERNAMA ditempatkan hanya di Bangkok dan Jakarta. Manakala di Singapura dan Filipina tidak ada.

Untuk mendapat berita yang tepat, saya mengesyorkan supaya agensi-agensi berita nasional ini ditempatkan di tempat-tempat yang strategik, misalnya, di Bangsa-bangsa Bersatu, di New York, di London, Brussels di mana sahaja adanya Kumpulan Ekonomi Eropah, ringkasnya EEC (European Economic Community), di Geneva, Cairo (Mesir) dan Tokyo. Maka dengan ini, kita tidak payah mendapatkan ikhsan liputan berita dari agensi-agensi berita luar negeri untuk disalurkan melalui sebaran am kita. Saya harap Kerajaan akan memandang berat di atas perkara ini.

Tuan Pengerusi, sekianlah sahaja dan saya menyokong peruntukan Kementerian Penyiaran ini.

4.26 ptg.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (Parit):

Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong Anggaran Belanjawan bagi Kementerian Penerangan ini dan saya suka menyentuh sedikit kepada Kepala B. 47 muka surat 333, Pecahan-kepala 1100. Bercakap berkenaan Kementerian Penerangan ini saya ingin menyentuh beberapa hal yang bersangkutan dengan radio dan talivisyen. Sememangnya sukar dan merupakan satu tugas yang berat bagi RTM khasnya dan Jabatan Penerangan amnya untuk memuaskan hati setiap penonton dan pendengar yang terdiri dari berbagai bangsa dan golongan di negara ini. Tetapi tidaklah bermakna ianya tidak dapat diatasi. Radio dan talivisyen adalah merupakan suatu sumber hiburan selain dari menjadi alat sibaran am yang dinikmati oleh semua orang di negara ini. Tidak kira miskin, kaya, tua, muda atau orang kampung atau orang bandar tetapi bagi orang-orang yang tinggal di kampung-kampung radio dan talivisyenlah sumber hiburan mereka yang utama. Boleh dikatakan setakat hari ini tiap-tiap buah rumah ada memiliki radio dan talivisyen hanya dipunyai oleh yang berkemampuan sahaja dan bagi yang tidak mampu mereka ini hanyalah menompang menonton di rumah-rumah jiran atau di kedai-kedai. Pada permulaannya talivisyen ini diperkenalkan di negara kita rancangannya semua bagus tetapi akhir-akhir ini nampaknya setengah-setengah filem-filem yang ditayangkan oleh RTM sungguh tidak memuaskan. Contohnya, siri-siri cartoon untuk kanak-kanak amat berkurangan sekali ditayangkan apakah salahnya cartoon seperti Popeye the Sailor kah atau

Mickey Mouse kah, Donald Duck ini ditayangkan ataupun digantikan komidi-komidi seperti Laurel and Hardy yang pada satu ketika dahulu ataupun Harold Loyd dan lain-lainnya.

Tuan Pengerusi: Cartoon Tok Misaikah?

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais: Tidak.

Saya rasa gambar-gambar katun ini patutlah dilebihkan tayangannya kerana ianya bukan sahaja disukai oleh kanak-kanak malahan semua golongan. Filem-filem documentary bercorak pelajaran juga hendaklah dilebihkan tayangannya dan masa tayangannya pula biarlah bersesuaian, janganlah ditayangkan sewaktu anak-anak kita sudah tidur yakni waktu malam. Saya rasa sekarang sudah tibalah masanya RTM menghadkan masa siarannya supaya jangan sampai lewat malam sebagaimana yang berlaku di tiap-tiap malam Jumaat dan Ahad. Sungguhpun besoknya ialah hari kelepasan tetapi hari kelepasan ini ialah untuk orang-orang yang makan gaji sahaja. Jadi bagi orang-orang kampung yang bekerja sendiri jika mereka hendak menonton filem-filem sehingga lewat malam maka besoknya mereka akan tidak bekerja mencari rezeki. Kita mesti sedar bahawa mereka pun ingin juga menonton filem lewat malam ini, jadi eloklah filem-filem seperti ini ditayangkan lebih awal atau ditamatkan siaran lebih awal, dengan ini dapatlah mereka berihat lebih sedikit untuk hari esok.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua mempergunakan Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi, satu lagi cadangan yang saya hendak kemukakan ialah supaya TV Malaysia mengadakan siaran lebih awal sekurang-kurangnya dimulakan pada pukul 12.00 tengahari tiap-tiap hari Ahad seperti negara jiran kita Singapura. Bagi orang-orang yang tinggal di bandar tidaklah menjadi soal kepada mereka kerana di bandar ada banyak jenis hiburan, mereka boleh tengok wayang, pergi ke tempat-tempat hiburan awam dan sebagainya. Tetapi bagi orang-orang kampung mereka tidak ada hiburan lain selain dari menonton TV atau mendengar radio dan kalaupun mereka pergi menonton wayang di tempat mereka tinggal ini akan membuat mereka belanja lebih yang mana mereka tidak mampu berbuat demikian.

Mengenai azan yang disiarkan oleh TV Malaysia di Rangkaian Pertama itu, saya rasa eloklah disiarkan di kedua-dua Rangkaian dan ini termasuk juga azan Asar di tiap-tiap hari Khamis, Jumaat, Sabtu dan Ahad kerana di hari tersebut siaran dimulakan pada pukul 3.00 petang.

Satu lagi perkara ialah berkenaan dengan rancangan-ancangan yang bercorak agama, ugama Islam khususnya. Rancangan seperti ini hendaklah diperbanyakkan lagi kerana setakat hari ini yang saya tahu hanya Rancangan Cahaya dan Assalamu'alaikum sahaja yang ada. Jadi, eloklah diperbanyakkan lagi siaran bercorak ugama Islam ini.

Mengenai siaran FM Stereo yang begitu popular sekarang ini, saya rasa eloklah siaran FM ini diperluaskan lagi hingga ke seluruh negara, kerana setakat hari ini hanya beberapa tempat tertentu sahaja yang dapat didengar siaran FM ini.

4.34 ptg.

Tuan Ariffin bin Haji Daud (Permatang Pauh): Tuan Pengerusi, saya juga dalam menyokong perbelanjaan yang dipohon oleh Kementerian ini ingin membawa perhatian Kementerian ini kepada beberapa perkara.

Yang Pertama, Kepala B. 47 Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (1) dan (2) iaitu Pentadbiran Am dan Rancangan. Tuan Pengerusi, dalam perkara ini kalau satu-satu perkara itu rancangannya elok tetapi penyampaianya tidak elok, maka program itu juga tidak akan elok. Misalnya, pembaca-pembaca terutama sekali pembaca-pembaca berita atau pembaca-pembaca Lapuran Parlimen, biarlah mereka ini orang yang layak membaca, janganlah kita mendengar dan melihat dalam peti talivesyen pembaca berita sehingga bergulung-gulung lidahnya supaya boleh dikatakan dia itu seorang Inggeris sehingga "Abdul Razak" sudah menjadi "Ebdul Rezek" tidakkah ada pegawai-pegawai, pembaca-pembaca yang lebih layak daripada itu? Misalnya, Lapuran Parlimen malam semalam, saya tidak tahu apa kelulusan pegawai yang berkenaan, tetapi pada fikiran saya budak Darjah V lebih pandai membaca dan lebih elok daripada itu. Inilah satu perkara yang amat memalukan dan saya syorkan kepada Kementerian ini, mereka ini tidak patut ditayangkan muka atau wajah mereka di peti talivesyen, carilah tempat-tempat yang sesuai dan tugas-tugas yang sesuai untuk mereka menjalankannya.

Perkara yang kedua, Lapuran Parlimen juga biarlah Lapuran ini disampaikan secara adil. Misalnya, dalam bahagian jawapan-jawapan kepada soalan-soalan, apa yang dijalankan sekarang ialah cuma jawapan-jawapan Menteri-menteri sahaja yang diutamakan sehingga yang terakhir barulah—ini ialah sebagai menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari si anu, si anu padahal perkara-perkara itu tidak akan timbul jika soal-soal ini tidak dikemukakan dan mereka yang membuat soalan ini sebelum daripada itu sudah membuat penyelidikan dan sebagainya. Tetapi apabila Lapuran Parlimen disiarkan Menteri ini akan si anu, si anu, penghabisannya ini ialah sebagai jawapan soalan itu. Oleh sebab itu, saya harap pada masa hadapan biarlah Lapuran Parlimen ini tepat sedikit. Begitu juga dalam Rancangan Peristiwa. Apa yang kita dapati sekarang seolah-olah peristiwa itu cuma terdapat apabila ada orang-orang kenamaan, ada Menteri barulah ada peristiwa sehingga kadang-kadang Menteri minum teh pun jadi satu peristiwa. Inilah satu perkara yang saya harap dalam bahagian yang berkaitan ini mengambil berat sedikit kerana “Peristiwa” boleh kita dapati di mana-mana tempat. Masaalah kemiskinan di luar bandar, masaalah kesulitan-kesulitan rakyat, perkara-perkara kejayaan dan sebagainya bukan sahaja apa-apa yang dibuat oleh para-para Menteri atau pembesar-pembesar sahaja menjadi “Peristiwa” ditayangkan untuk pengetahuan dan penglihatan orang ramai.

Yang akhir sekali, Tuan Pengerusi, ialah berkaitan dengan ugama. Dalam hal ini saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian ini kerana ada kesedaran untuk meninggalkan syiar Islam melalui Jabatan ini. Tetapi malangnya cara-cara menyampaikan itu kurang sesuai pada fikiran saya. Apabila dalam ruangan “Cahaya” kalau kita hendak menjemput pensyarah-pensyarah sebagaimana yang disebutkan oleh rakan saya dari Kangar tadi biarlah mereka ini yang betul-betul layak. Jangan mereka yang sehingga hendak baca pun tergagap-gagap. Ini bukan menarik orang kepada ugama Islam tetapi membosankan. Misalnya, dalam rancangan Talivisyen menyiarkan azan, kadang-kadang saya tidak tahu sudah berapa lama azan itu sudah direcord kadang-kadang suara pun sudah berpecah-pecah. Mungkin Menteri yang berkenaan ataupun penasihat-penasihat jarang melihat ataupun mendengar ketika azan-azan

itu dilaungkan di dalam TV. Tetapi inilah satu kenyataan. Dan kita tidak mahu bila azan dibunyi janganlah tunjuk mereka pakai selipar buruk berjalan, tunjuk kipas berjalan slow motion. Mungkin ada cara-cara lain lagi yang dapat ditunjukkan ketika azan dilaung-laungkan. Ini tak usah kata orang bukan Islam, saya sebagai seorang Islam pun kadang-kadang saya meluat tengok cara begitu, kerana bila dengar azan tunjuk orang pakai selipar buruk berjalan, pakai kain pelikat, selepas itu akhirnya tunjuk kipas pusing dengan slow motion. Ini tidak akan beri kesan, apa lagi kepada orang yang bukan Islam.

Selain daripada itu, Radio. Selepas azan maghrib dimainkan lagu-lagu gambus, mungkin lagu-lagu ini ialah ala Asia Barat, tetapi kalau kita dengar betul-betul dia punya beat, ini ialah tempo tarian gelek. Apakah kesesuaian dimainkan lagu-lagu tarian gelek selepas azan. Tidakkah ada lain rancangan yang boleh disiarkan selepas azan, sebelum berita? Inilah sahaja pendapat-pendapat saya, Tuan Pengerusi, dan saya harap Kementerian ini akan mengambil perhatian dalam perkara ini kerana teguran-teguran ini demi kebaikan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut senarai pada saya, ada lima orang lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap. Saya tahu Kementerian ini satu Kementerian yang penting. Walau bagaimanapun, saya akan minta Yang Berhormat Menteri menjawab pada pukul 5.15 petang. Jadi, saya harap dapat diringkaskan ucapan supaya ramai lagi yang dapat bercakap.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun. Tolong ringkaskan, Yang Berhormat.

4.44 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Pengerusi, saya akan bercakap paling ringkas sekali iaitu berkaitan dengan Kementerian Penerangan sebagaimana yang telah dibahaskan oleh beberapa orang sahabat saya sebentar tadi. Saya ingin menyebut perkara berkaitan dengan Talivisyen.

Kepada saya, Tuan Pengerusi, saya ber-setuju supaya Kementerian ini menjalankan usaha-usaha untuk mengadakan TV berwarna sebagaimana yang diucapkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi, sebab negeri kita kalau dibandingkan

dengan Singapura dan negeri-negeri jiran maka ketinggalan sangat. Dalam beberapa hal yang lain perlu saya membuat pandangan-pandangan. Tuan Pengerusi, bukan bermakna pandangan-pandangan ini kerana tidak ada puji-pujian, sebab yang puji itu tidak apalah, kita pakai puji semua yang sudah bagus itu. Jika ada perkara-perkara yang tidak puas hati perlu kita sebutkan juga. Apa yang saya hendak sebutkan di sini ialah berkaitan dengan filem-filem yang ditayangkan di Talivisyen kita ini nampaknya kurang benar filem-filem berunsurkan pendidikan ataupun pengajaran sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat tadi. Kalau dengar ucapan Yang Berhormat Menteri nampaknya rancangan-rancangan ini ada, tetapi kalau kita melihat di TV kita nampaknya tidak ada. Kalau ada pun terlampau sedikit.

Tuan Pengerusi, saya mencadangkan supaya filem-filem yang ditayangkan di negeri kita ini harus kita banyakkan filem-filem yang merupakan pendidikan dan pengajaran kepada rakyat negeri kita. Misalnya, filem-filem kejayaan yang dicipta oleh jabatan-jabatan Kerajaan di negeri kita ataupun di luar negeri yang kita tahu. Misalnya, apa yang dicipta oleh MARDI diajar kepada orang kampung, orang kampung boleh buat benda-benda semacam ini, demikian juga apa yang dicipta oleh NISIR dan oleh SIRIM. Tujuannya ialah bagi mengembangkan ajaran-ajaran kepada orang-orang kampung. Begitu juga dalam bidang pertanian dan sebagainya. Ini saya rasa tidak banyak duit kita habis kalau kita buat filem-filem semacam ini, tetapi faedahnya amat besar sekali.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan deramaderama dan filem-filem Melayu yang ditayangkan di negara kita ini, saya kurang puas hati. Bolehlah dikatakan tiap-tiap derama dan tiap-tiap filem ada sahaja majlis dansa. Jika, saya tidak puas hati, terutama filem ini dipancar keseluruh negara di mana anak-anak kita melihat keadaan berdansa ini. Jadi, saya rasa tidak payahlah diajar perkara ini. Walaupun motifnya bukan hendak ajar, tetapi itu mengandungi siri cerita-cerita ataupun mungkin pembuat scriptnya banyak berfikir dalam hal-hal berkenaan dengan itu. Kepada saya, saya rasa tidak sewajarnya perkara itu ditonjol-tonjolkan sangat. Biarlah perkara itu kita hilangkan di belakang masyarakat sahaja. Sebab dengan tidak

adanya itu, Tuan Pengerusi, kepada anggapannya saya filem itu masih hidup masih bermaya dan digemari oleh kita. Kalau kita tengok filem-filem barat sekalipun bukan semua, filem yang ditayangkan ada majlis-majlis dansa. Ini bergantung kepada keadaan-keadaan filem yang ditunjukkan itu.

Tuan Pengerusi, saya ingin sebutkan juga berkaitan dengan penerangan-penerangan Islam di dalam TV kita. Saya harap supaya penerangan-penerangan Islam samada dalam ruangan "Cahaya" ataupun ruangan apa sekalipun, khasnya dalam saluran kedua iaitu dalam bahasa Inggeris ataupun bahasa China harus dibesar-besarkan juga, dibanyakkan juga sehingga berjaya. Maksud saya supaya orang-orang yang bukan Islam pun dapat mengetahui keadaan-keadaan sebenarnya bagaimana murni pengajaran-pengajaran Islam. Kita tidak mahu orang Islam sahaja mengatakan pengajaran Islam murni tetapi kepada orang lain tidak. Biar orang lain mengetahui, samada dia mahu ikut atau tidak ikut, itu soal lain.

Kepala B. 48, muka surat 342—Akhbar dan Perhubungan. Sebagaimana kita tahu bahawa di antara tugas di sini ialah untuk menyebarkan keadaan-keadaan yang berlaku dalam negara kita kepada akhbar-akhbar samada di dalam ataupun di luar negeri dengan melalui BERNAMA ataupun sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya tidak puas hati keadaan sekarang kerana penyebaran berita kita kepada akhbar-akhbar luar negeri tidak begitu mencukupi sehingga banyak sebaran-sebaran dan akhbar di luar negeri membuat berita hal kita dengan tidak menyenangkan. Sebagaimana kita tahu bahawa apakah keadaan setengah pihak di negeri ini sibuk menyebut berkenaan dengan Akta Penyelaksan Pelaburan, maka akhbar luar negeri mengulas mengikut nada yang sama kononnya hasil lapuran-lapuran dari wartawan dalam negeri kita ini. Demikian juga keadaan ketika mana kita belum membuat penyelesaian dengan syarikat-syarikat mencari gali minyak di negeri kita, maka akhbar-akhbar luar negeri membuat liputan-liputannya yang tidak menyenangkan dan begitu juga dengan keadaan-keadaan hal politik dalam negara kita. Saya rasa Bahagian Penyiaran Akhbar ataupun Perhubungan harus memainkan peranan yang penting supaya wartawan-wartawan (reporters) asing yang ada di negeri

kita ini harus dapat mengikuti keadaan yang sebenarnya, tidak disalah beritakan. Kita tidak boleh mengikut sebagaimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang mencadangkan agar kita mengikut sistem Barat sahaja. Kepada saya, kita tidak boleh bersetuju begitu. Kita tidak mahu mengikut Barat dan kita tidak mahu ikut Timur. Kita mahu ikut Malaysia dengan keadaan kita sendiri. Saya cadangkan haruslah bahagian ini memainkan peranan yang paling penting sekali, jika tidak, maka selama itulah keadaan di negara kita akan dilapurkan dengan keadaan-keadaan yang tidak menyenangkan oleh akhbar-akhbar asing. Akhbar-akhbar tempatan kadang-kadang kurang juga membuat lapuran yang tidak menyenangkan walaupun ada kadang-kadang penulis yang tertentu membuatnya tetapi tidak banyak, sedikit sangat. Kalau akhbar-akhbar asing selalu membuat berita-berita yang kurang menyenangkan, saya harap perhatian diberi kepada hal ini agar keadaan pada masa yang akan datang tidak berulang sebagaimana yang telah berlaku pada masa yang lalu.

4.52 ptg.

Tuan Hashim bin Ghazali (Matang): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong di atas anggaran Kementerian Penerangan yang pada tahun ini berlebihi sebanyak \$34,469,745. Dengan adanya peruntukan yang lebih ini saya percaya tentulah banyak rancangan-rancangan yang telah disediakan oleh pihak Kementerian ini bagi menjalankan pada tahun hadapan.

Saya suka mengambil peluang mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri dan pegawai-pegawai di Kementerian ini yang telah bersusah payah bagi menjalankan dasar penerangan khasnya ada kaitan daripada Kerajaan kepada rakyat.

Tuan Pengerusi, saya tertarik hati berkenaan dengan drama baharu-baharu ini dalam TV yang ceritanya mengenai nasib orang buta. Setahu saya sebahagian daripada pelakon-pelakon drama tersebut terdiri daripada pelajar-pelajar atau pelatih-pelatih daripada Pusat Latihan Gurney di Kuala Lumpur ini. Sungguhpun drama ini tidak begitu berhasil tetapi pelakunnya yang terdiri benar-benar daripada orang buta berkesan sungguh-sungguh. Saya tidak dapat mengagak perasaan hati orang-orang lain tetapi perasaan

hati saya berkesan sungguh-sungguh. Dari pada tarikh itu saya cuba menyiasat berapa ramai orang-orang buta yang ada dalam seluruh negara kita ini. Mengikut angka yang paling akhir sekali, saya tahu, seramai 30,000 orang, baik ia daripada kanak-kanak seterusnya sehingga dewasa, orang kaya, miskin, orang terpelajar dan orang yang tidak bernasib baik. Kalau di dalam drama sudah mampu orang buta menjadi pelakon dan kita nampak begitu berkesan sekali, matanya berlidung di sebalik cermin mata hitam, saya percaya mereka ini boleh juga diberi peluang di dalam perkara-perkara yang lain. Oleh itu, saya mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya orang-orang buta ini dapat sebahagian daripadanya ataupun beberapa orang daripadanya diberi peluang bekerja di Kementerian Penerangan ini. Sekiranya mereka ini diberi peluang membaca Berita dalam TV saya percaya cukup tertarik oleh kerana mereka ini tidak payah melihat kertas di atas mejanya bahkan dapat melihat mukanya dengan begitu jelas, cuma tangannya sahaja meraba huruf-huruf untuk membaca. Dan jika tidak layak dalam TV boleh diberi peluang dalam perkara-perkara lain di dalam Kementerian ini. Jika Kementerian ini dapat menerima syor saya ini, saya percaya sudah sampai masanyalah Kementerian-kementerian lain juga akan mengikuti mudah-mudahan keadaan orang buta dalam negara kita ini dapat dibela sebahagian daripadanya.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, kursus sivik yang diadakan oleh Kementerian kepada seluruh negara didapati sangat berhasil. Apa yang saya maksudkan di sini, di samping kursus sivik eloklah Yang Berhormat Menteri memikirkan munasabah atau tidak, di dalam keadaan negara seperti sekarang yang ada kaitan berkenaan dengan keburukan sosial rakyat, berkenaan dengan penagih dadah eloklah berkenaan dengan dadah ini diadakan penerangan-penerangan sepertimana yang diadakan kursus sivik, dibawa perkakas-perkakas dan alatan yang munasabah untuk diterangkan kepada rakyat. Tuan Pengerusi, saya tertarik hati kalau tidak silap saya pada tahun sudah pada masa Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan pada masa itu menjadi Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dengan daya usahanya sendiri telah mengadakan satu penerangan berkenaan dengan dadah di kawasannya sendiri di Batu Kurau. Saya dapati, Tuan Pengerusi, pada masa itu sangat

berkesan kepada rakyat keseluruhannya termasuk rakyat di kawasan Taiping dan juga di Matang yang duduk dalam daerah Larut dan Matang dan saya percaya daripada tarikh itu keadaan di kawasan yang saya katakan tadi telah berubah begitu banyak. Oleh sebab itu, saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri mengkaji hal ini supaya dapat memberi penerangan serta membawa alatan-alatan yang munasabah memberi penerangan kepada ibubapa bagaimana bahaya mengenai dadah.

Tuan Pengerusi, pada tahun ini dan bagi tahun hadapan masa bagi siaran "Peristiwa" di TV telah ditetapkan 105 minit sahaja dan pada tahun 1975 140 minit. Kalau pada tahun 1975 140 minit sepatutnya ada tambahan lagi kerana peristiwa makin banyak berlaku di seluruh negara. Oleh sebab itu, saya minta Yang Berhormat Menteri menimbangkan semula supaya masa siaran "Peristiwa" dapat ditambah semula sepertimana yang diadakan pada tahun 1975. Jika dianggap peristiwa ini sudah tidak ada, sepertimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh tadi selain daripada Yang Berhormat Menteri membuat peristiwa dalam negara kita, pemimpin-pemimpin yang lain boleh juga atau sudah membuat banyak peristiwa juga patutlah mereka ini diberi peluang masuk dalam ruangan "Peristiwa" dalam lengkungan masa yang diadakan itu pada tiap-tiap malam.

Akhirnya saya ingin menyebut berkenaan dengan Dakwah. Saya tertarik hati, kalau tidak silap saya pada minggu sudah, kepada satu berita yang menyatakan Pengerusi Yayasan Dakwah Islamiah yakni Yang Berhormat Tuan Pengerusi sendiri menjadi pengerusinya telah memberi satu ucapan di Petaling Jaya menyebut tentang ada pihak-pihak ugama Kristian sedang berikhtiar merosakkan orang-orang yang beragama Islam. Dengan adanya berita ini, kita tidak dapat membayangkan bagaimana yang sebenarnya ucapan atau mereka yang membuat ucapan dengan keadaan yang sebenarnya berlaku. Rakyat bertanya hal ini tetapi saya tidak dapat menerangkan bagaimana dapat dalam pengetahuan Yang Berhormat Tuan Pengerusi kepada Yayasan Dakwah Islamiah ini. Oleh kerana ini satu perkara yang penting ataupun serius sekali, saya suka menyeru ataupun memohon kepada Yang Berhormat Menteri supaya apabila perkara-perkara yang seperti ini berlaku dan kita dengar perkara ini akan

menjejaskan keadaan negara eloklah kita beri peluang mereka membuat ucapan seperti ini sekali lagi di dalam Radio dan TV bagi menerangkan hal-hal mengenai ucapan-ucapan seperti yang saya sebutkan tadi.

5.00 ptg.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Pengerusi, ingin saya bercakap sedikit di bahagian Kepala P. 48, Pecahan-kepala 11 dan 12, muka surat 349, bagi negeri Sarawak.

Jabatan Penerangan adalah satu jabatan penting di sebuah negara yang sedang membangun seperti negara kita sekarang ini. Bagi menempuh segala cubaan dan dugaan yang mesti diatasi bukan sahaja dengan menggunakan senjata-senjata moden atau Pasukan Keselamatan yang cekap dan handal serta banyak tetapi fikiran dan kesedaran rakyat jelata hendaklah diberi seluas-luasnya bagi melaksanakan objektif Kerajaan bagi menyatupadukan rakyat Malaysia yang berbilang kaum kepada Kerajaan sebagai seorang rakyat Malaysia yang benar-benar cintakan keamanan dan kemakmuran sepenuhnya.

Menyentuh Yunit-yunit Berkereta yang mempunyai peruntukan tanda \$10 sahaja bagi tahun 1976/80 bermakna di dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga yang kita harapkan dapat mengubah segala sesuatu ke arah lebih baik lagi di dalam semua bidang kemajuan, maka persediaan peruntukan pembangunan di bidang ini seperti yang ada ini sudah tentu Yunit-yunit Berkereta Jabatan Penerangan Sarawak tidak akan bertambah di dalam tempoh selama 5 tahun. Ini adalah mendukacitakan. Oleh yang demikian, saya mengesyorkan kepada pihak yang berkenaan supaya Yunit-yunit Berkereta Jabatan Penerangan Sarawak ditambah lagi daripada yang ada pada hari ini seperti diketahui Yunit-yunit Darat berjumlah 18 dan juga Yunit-yunit Sungai 27. Memandang begitu luas negeri Sarawak dan dengan siap jalan besar Sibu/Ulu Balingian sekarang sejauh hampir 70 batu yang berkehendakkan perkhidmatan penerangan Yunit Berkereta atau Sungai dengan keadaan penduduk yang tinggal bertaburan di luar-luar bandar dan desa yang perlu mendapat penerangan yang jelas atas segala perkara, iaitu yang berkaitan dengan dasar pembangunan yang mana kedua negeri adalah adik-beradik kembar—Sabah dan Sarawak. Sabah mendapat peruntukan di dalam perkara yang sama pada tahun 1977

berjumlah \$240,000 dan dalam masa 5 tahun (1976/80) berjumlah semua \$1,150,000 seperti Pecahan-kepala 21 dan 23 sedangkan Sarawak hanya pada tahun 1977 mendapat anggaran \$180,000 dan dalam masa 5 tahun (1976/80) berjumlah semua \$495,000 sahaja. Ini sudah jelas bermakna Sabah mendapat kelebihan 2/3 daripada Sarawak yang mendapat hanya 1/3 sahaja. Atas perkara ini bukanlah kami di Sarawak berasa iri hati kepada saudara kami di Sabah. Ini hanya sebagai satu bandingan daripada segi pembangunan dalam bidang yang sama kepada kedua rakyat di negeri yang sama berkehendakkan pembangunan. Bagi kepentingan rakyat, sebahagian besar masih belum dapat berfikir tinggi atau yang dahulunya tidak pernah duduk di bangku sekolah di masa penjajah, tidak pandai membaca dan menulis masih lagi berkehendakkan penerangan dan gambaran yang betul atas segala dasar Kerajaan dan kemajuan pembangunan yang telah dicapai dan yang sedang dirancang serta keadaan bandar-bandar besar seperti Ibu Negara Malaysia, Kuala Lumpur ini. Oleh kerana ramai daripada penduduk luar-luar bandar yang tidak berkesempatan melihat segala kemajuan di bandar-bandar besar baikpun di negeri Sarawak itu sendiri. Penerangan atau sebaran am adalah perlu untuk rakyat seperti ini bagi membantu dan memberi kesedaran berfikir supaya mereka tidak dapat dipengaruhi oleh propaganda jahat musuh negara yang sentiasa mencari jalan bagi memburukkan nama pemimpin-pemimpin dan Kerajaan kita sekarang ini.

Suka juga saya mengesyorkan kepada Kementerian ini supaya kakitangan luar yang bertugas di Pejabat-pejabat Penerangan di daerah luar bandar biarlah terdiri daripada kakitangan yang boleh bertutur dalam bahasa daerah itu sendiri supaya lebih senang dapat memberi keterangan yang lebih tepat kepada rakyat tempatan. Misalnya boleh bercakap Dayak atau Kayan, begitu juga di tempat daerah yang banyak kaum Bidayuh dan sebagainya. Ini juga boleh menjamin persafahaman sepenuhnya serta memberi gambaran yang betul dan bertanggungjawab kepada rakyat dan Kerajaan khususnya Pejabat Penerangan itu sendiri.

Tuan Pengerusi, kami mengucapkan tahniah kepada Kementerian ini di mana Radio Malaysia akan menambahkan siaran rangkaian bercorak gerak saraf dalam tahun 1977 khasnya kepada Orang Asli. Kami ber-

harap siaran seperti ini dapat dibuat di Sarawak dan Sabah. Sekarang perkembangan yang penting telah wujud iaitu siaran TV secara serentak menerusi Siaran Nasional ke Sabah dan Sarawak. Walaupun demikian, cuma sebilangan kecil sahaja di Sarawak dan Sabah menikmatinya. Saya berharap Pejabat Penerangan Negeri Sarawak dapat memberi berita lebih banyak lagi kepada rakyat di kawasan pedalaman yang tidak berkemampuan membeli radio dengan menghantar majallah, berita dan peristiwa yang bercorak penerangan lebih kerap lagi, tidak hanya sebulan atau dua bulan sekali, sekurang-kurangnya dua minggu sekali supaya rakyat di luar-luar bandar seperti itu tidak berasa terpencil daripada saudara-saudara mereka di bandar untuk mengetahui khasnya apa yang berlaku di tanahair kita ini mahupun di dunia seluruhnya.

Akhirnya saya adalah menyokong peruntukan yang dikehendaki oleh Kementerian Penerangan bagi tahun 1977.

5.07 ptg.

Tuan Abu Bakar bin Arshad (Hilir Perak): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian ini. Walau bagaimanapun, terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah di atas daya usaha yang dibuat oleh kakitangan Kementerian yang mentadbirkan Bahagian Penerangan ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Kepala B. 46, Pecahan-kepala 1100, muka surat 327, Aktiviti (1) mengenai pegawai-pegawai luar dengan tugas-tugasnya yang telah ditentukan kepada tiap-tiap daerah ke kawasan. Berhubung dengan ini saya ingin menyatakan sudah sepatutnyalah pegawai-pegawai ini diberikan satu kursus yang begitu mendalam supaya mereka ini faham benar-benar akan tugasnya yang sebenarnya, bukanlah dengan cara menerima berita atau maklumat sahaja daripada orang-orang kampung dan menyampaikan kepada pihak-pihak yang tertentu kepada kawasan-kawasan yang mereka membuat penyelidikan menerima maklumat itu, tidak adapun mereka ini menyatakan bahawa mereka boleh memberikan penerangan akan kesusahan-kesusahan yang dialami oleh mana-mana Kementerian pun dan ada di antaranya mereka ini di luar kawasan mereka telah memberikan bahan-bahan menyatakan perkara-perkara yang tidak patut dibuat oleh pihak

Kerajaan. Maka rakyat tempatan itu akan menyuarakan perkara-perkara ini walaupun merupakan satu tentangan yang hebat kepada pegawai-pegawai yang bertanggungjawab untuk menyelesaikan sesuatu masalah tempatan.

Berhubung dengan penyiaran, saya suka lah mencadangkan iaitu suatu rancangan yang begitu menarik sekali kepada orang-orang kampung walaupun rancangan ini mengikut kajian masa siaran ini patut ditambah, walaupun kajian menyatakan orang-orang yang boleh mendengar sesuatu perbualan ataupun percakapan tidak lebih daripada 30 minit boleh didengar tiap orang, kerana bosan, tetapi Rancangan 30 Minit yang ada sekarang ini patutlah dilanjutkan masanya kerana minat penuntun-penuntun ataupun pendengar-pendengar sungguh menggalakkan kerana sesuatu rancangan itu nampaknya hanya tergantung di sini sahaja, tidak mendapat kata yang tertentu sebagai kata pemutus bagaimana caranya untuk membaiki ataupun mengatasi sesuatu masalah yang dihadapi oleh mereka yang menjadi Ahli Penal di dalam rancangan tersebut.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh juga tentang siaran TV, Kalau cerita-cerita yang ada hubungannya dengan filem-filem Melayu selalu rancangan ini tergendala. Saya hairan mengapa siaran-siaran yang bukan siaran Melayu elok berjalan dengan lancar. Saya harap Kementerian yang berkenaan patut betulkan pegawai-pegawai ini supaya tidak selalu mengganggu siaran-siaran yang diterbitkan yang berupa siaran Melayu.

Selain daripada itu saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan Yunit Kereta Bergerak. Saya rasa walaupun dengan cara susah payah pegawai-pegawai Penerangan Daerah berikhtiar supaya yunit ini dapat menjelajah ke kampung-kampung terutama di tepi-tepi sungai, tetapi oleh kerana beberapa hal yang tertentu mereka tidak dapat sampai ke tempat yang berkenaan. Saya rasa sudah sampailah masanya yunit ini patut diperbetulkan atau ditambah supaya semua rakyat di kampung-kampung yang perlukan penerangan, keadaan negara kita dari masa ke semasa dapat dibuat dengan segera. Mereka hanya dapat mengetahui, mengatakan ada Jabatan Penerangan akan datang tetapi bila sampai masanya Jabatan ini tidak datang. Ini adalah menyulitkan bagi mereka terutama yang di luar-luar bandar ataupun di tepi-tepi sungai di kampung-kampung pendalaman. Saya rasa tentu-

lah mereka ini berpendapat lebih baik bertugas di bandar-bandar dan cepat balik sampai kerumah kerana biasanya Jabatan ataupun Yunit Kereta Bergerak ini habis waktunya pukul 9.00 malam, tetapi kalau mereka ini menyeberangi sungai ataupun melalui lorong-lorong kecil di dalam kampung tentulah lambat sampai ke rumah ataupun lambat habis masa bertugas dan tentulah mereka akan mengikhtiarkan supaya pembatalan lawatan itu dapat dibuat. Saya rasa tentulah mereka ini ada masalah mereka yang tersendiri jadi saya rasa perlulah perkara ini dapat diperbetulkan supaya tidak berlarutan dan tidak ada anasir-anasir yang akan cuba merosakkan fikiran rakyat dengan ketidak adanya penerangan-penerangan yang sampai kepada mereka.

Tuan Pengerusi, waktu akhir-akhir ini risalah-risalah yang dikeluarkan oleh Jabatan Penerangan ini samada mencitaknya atau tidak lagi bagi memberi penerangan kepada rakyat tidaklah dapat difahamkan, tetapi saya rasa waktu akhir-akhir ini belum ada lagi siaran-siaran ataupun majallah-majallah atau risalah-risalah yang dikeluarkan oleh Jabatan Penerangan ini yang sampai kepada rakyat memberikan gambaran dan keadaan yang sebenarnya untuk membolehkan mereka itu berfikir bagaimanakah susah dan sulitnya pihak Kerajaan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh negara.

Tuan Pengerusi: Jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.14 ptg.

Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas pandangan-pandangan dan teguran-teguran yang telah diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Saya tidak bercadang akan menjawab semua cadangan-cadangan atau teguran-teguran itu satu persatu, kerana tidak semuanya berkehendak kepada jawapan yang tepat. Tetapi ada teguran-teguran yang specific yang patut dijawab. Misalnya, teguran daripada Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau yang menyatakan bagaimana penerimaan TV di dalam kawasan beliau itu telah terganggu oleh "Snow effect". Ini memang diketahui oleh Kementerian ini sejak beberapa tahun dahulu. Sebenarnya di bawah Rancangan Malaysia Kedua dahulu satu pembekalan

telah diberi untuk membuat satu transmitter bagi kawasan ini. Tetapi malangnya pihak Kerajaan Negeri tidak dapat bersetuju memberi satu tapak untuk transmitter itu dan terpaksa kita berunding untuk tapak yang baru. Sejauh yang saya ingat tapak baru ini ada bersangkutan dengan kawasan-kawasan baru yang akan dibuka oleh jalan yang naik ke Bukit Penang. Oleh sebab itu, maka terpaksa soal transmitter bagi Balik Pulau ini tertangguh.

Soal yang paling berat yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau ialah: adakah sebenarnya Kerajaan kita memerlukan rancangan TV berwarna. Sungguhpun perkara ini telah disebut dalam Dewan ini dahulu, saya terpaksa mengulangkan penjelasan ini, kerana saya tidak mahu membiarkan tidak dijawab tuduhan beliau iaitu Kerajaan telah melanggar dasarnya sendiri untuk menolong orang-orang di luar bandar lebih daripada orang-orang di dalam bandar dengan keperluan-keperluan yang agak kurang tinggi prioritinya. Mungkin saya akui, Tuan Pengerusi, kalau dipandang dengan mata kasar keperluan TV berwarna memang tidak tinggi prioritinya kalau dibandingkan dengan keperluan bagi kita untuk menutupkan poket area yang patut diberi dengan liputan yang lebih terang. Tetapi soalnya bukanlah begitu mudah. Yang berbangkit sekarang ini ialah: apakah kita hendak buat dengan kelengkapan-kelengkapan (equipment) yang sudah ada sekarang ini dan yang sudah begitu lama dan perlu digantikan. Soalnya adakah kita hendak menggantikannya dengan kelengkapan TV yang berwarna ataupun kelengkapan TV yang tidak berwarna (black and white). Keputusan terpaksa diambil apakah telah disedari bahawa spare parts dan kelengkapan-kelengkapan untuk black and white itu jarang dijual pada masa sekarang ini dan kalau hendak dibeli terpaksa diorder dengan special design, mungkin juga harganya kurang lebih sama dengan, kalau tidakpun lebih mahal daripada kelengkapan TV yang berwarna. Oleh sebab itu, maka tidak adalah ganti bagi kita hendak memesankan kelengkapan TV black and white dengan harga lebih mahal pada masa sekarang ini.

Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat telahpun sedar bahawa ini bukan soal priority yang mudah ditimbangkan, tetapi soalnya berbangkit kerana kelengkapan TV kita sudah begitu lama dan perlu digantikan.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah mencadangkan supaya RTM mengadakan satu pertandingan mengubah dan mencipta lagu-lagu tiap-tiap tahun. Sebenarnya soal ini telahpun ditimbang oleh pihak RTM dan satu pertandingan mencipta lagi telahpun diadakan beberapa tahun dahulu. Malang sekali pertandingan itu tidak mendapat response ataupun tidak mendapat sokongan daripada orang ramai dengan cukup baik, sehingga kita terpaksa memberhentikan pertandingan itu. Walau bagaimanapun, sekarang ini kita memang cuba hendak menggalakkan sesiapa yang hendak masuk dalam pertandingan Bakat TV ataupun rancangan-rancangan yang membabit pertandingan lagu dan nyanyian oleh para peserta itu menggunakan ciptaannya sendiri.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka memang tidak hairanlah cuba mengambil peluang dalam membincangkan perbekalan ini menimbulkan soal demokrasi; ada atau tidak adanya dalam Malaysia ini. Pada saya soal ini sudah lapuk hendak dijawab dengan panjang-lebar. Jadi eloklah saya memperingatkan beliau itu bahawa tuduhan beliau yang menyatakan Kerajaan hanya menyiarkan bahan-bahan yang disetujui oleh Kerajaan sahaja itu semua tidak betul, kerana kalau kita lihat daripada wartaberita dan khasnya daripada Rancangan 30 minit, pandangan pandangan dan perkara-perkara yang kita siarkan itu tidaklah bahan yang hanya disetujui oleh Kerajaan. Ada pula bahan yang Kerajaan tidak setuju, boleh saya katakan di sini. Soal kebebasan akhbar tidaklah boleh dibangkitkan di sini, kerana kita nampak seorang Yang Berhormat Ahli dari Dungun telah mengatakan frustration beliau apakah press release daripada Kementerian kita tidak pula dikeluarkan dengan cara yang kita mahu. Ada pula journalists dari akhbar-akhbar yang mengeluarkan cara berita itu dengan yang disukai oleh mereka sendiri. Ini memang berlaku walau di dalam negeri ini ataupun di luar negeri. Ini menunjukkan bahawa kebebasan akhbar tidaklah menjadi soal yang paling besar dalam masyarakat kita ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga mengatakan bentuk rancangan kita sekarang ini tidak mengambil indah kepada "legitimate aspirasi" ataupun harapan yang halal bagi beberapa kaum dalam negara ini, sungguhpun negara kita ini terdiri dari berbagai kaum. Eloklah segala rancangan

yang kita buat menggambarkan aspirasi mereka ini. Kalau Ahli Yang Berhormat itu melihat rancangan TV dan mengikuti rancangan-rancangan radio kita, barangkali beliau tidak akan bercakap demikian, kerana satu daripada tekanan dalam mengeluarkan rancangan-rancangan kita ialah untuk menggambarkan segala bahan-bahan daripada beberapa unsur dalam negeri ini supaya dapat menimbulkan satu corak kebangsaan yang dinamakan corak Malaysia. Memanglah benar kita tidak menggalakkan satu trend yang memberat-beratkan satu-satu kebudayaan ataupun satu-satu kepentingan, satu-satu kaum dalam negara ini, kerana ini akan menimbulkan satu tendency yang divisive. Kita mempunyai satu falsafah yang mengatakan kita akan menggunakan bahan-bahan yang mana ada dalam negara ini daripada beberapa suku kaum kita supaya dapat kita menunjukkan kebolehan untuk bertemu menjadi satu ramuan yang tulin di Malaysia. Concept confluence of all the culture elements, adalah konsep yang bertujuan untuk menimbulkan satu corak kemalaysiaan pada masa akan datang. Dengan beransur-ansurnya, kita cuba, misalnya dalam Konsert Perdana, dengan campuran rancangan-rancangan TV dan radio menyuruh rakyat kita sedar bahawa pada masa akan datang mestilah kita sama-sama berusaha mengadakan satu corak kemalaysiaan untuk corak h'dup sama kita dalam Malaysia ini. Ini memanglah menjadi galakan daripada Kementerian kita, dan saya harap Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dapat mengikuti pembangunan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar telahpun memberi banyak cadangan-cadangan. Saya sendiri tidak dapat memberi komen kepada cadangan-cadangannya itu. Eloklah saya katakan di sini bahawa saya akan timbangkan sedalam-dalamnya bagaimana dapat kita melaksanakan cadangan-cadangan Ahli Yang Berhormat itu, kerana banyak teguran daripada Ahli Yang Berhormat itu menyentuh soal di peringkat professional. Saya tidak mengakui saya sendiri mempunyai kelayakan untuk membincangkan soal di peringkat professional dengan serta-merta. Walau bagaimanapun, saya rasa pandangan beliau mendapat perhatian kita dan kita akan cuba mengkaji sedalam-dalamnya.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus telahpun membuat beberapa teguran, tetapi malangnya cara teguran beliau ialah sangat umum sekali. Saya tidak menafikan bahawa

memanglah terdapat di sana-sini di Malaysia ini, ada pegawai yang kurang cekap dan ada kalanya tugas-tugas yang telah ditentukan daripada awal tidak dapat dijalankan ataupun tidak dijalankan dengan satu-satu sebab. Cara kita mengatasi soal ini bukanlah dengan memberikan satu condemnation terhadap semua cara-cara pegawai penerangan kita bekerja dan mengatakan mereka itu tidak cekap, tidak efficient, tidak pandai membuat ucapan. Ini bukan cara hendak mengatasi soal ini. Cara yang lebih baik ialah kalau boleh dikenali pegawai mana yang tidak berapa cekap, dan bila di mana tempatnya satu pelaksanaan dasar Kerajaan tidak dibuat dengan baik, aduan tertentu dibuat. Saya tentu sekali akan mengambil tindakan untuk membetulkan segala pihak yang tidak berjalan dengan baik itu.

Saya ingin menerangkan di sini bahawa memang menjadi dasar Kementerian kita untuk menggalakkan dan memberi lebih keistimewaan bagi unit-unit bergerak kita untuk melawat tempat-tempat jauh. Tetapi saya mesti memberitahu bahawa tiap-tiap tempat yang jauh terpencil itu mempunyai physical problemnya sendiri. Cara pengangkutan barangkali ada lebih susah, ada soal air bah, ada soal lain-lain yang bersangkutan dengan pemergian dan kembalinya pegawai atau unit-unit bergerak itu mesti timbul daripada satu masa ke satu masa. Bagi dasar amnya kita mempunyai arahan supaya unit bergerak ini dapat keliling dalam kawasannya bekerja di antara 8 minggu sehingga 12 minggu sehabis lamanya. Jadi kalaulah satu-satu kawasan unit bergerak itu tidak lupa membuat lawatan yang patut dibuat, maka satu aduan patutlah diberi kepada pihak Pegawai Penerangan Negeri ataupun kepada saya sendiri dan tindakan tentu sekali akan kita ambil.

Mengenai soal unit bergerak ini juga, saya memanglah ingin menyatakan simpati saya kepada Ahli Yang Berhormat dari Mukah kerana tidak ada bertambahnya unit-unit bergerak untuk negeri Sarawak dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Saya sendiri tidak berapa senang hati melihat soal ini, tetapi saya terpaksa terikat oleh procedures sekarang ini yang menakutkan cara-cara kita membahagi wang daripada satu negeri ke satu negeri di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Pada masa ini, barangkali pihak State Planning Unit tidak memberi kepentingan (priority) yang tinggi kepada unit bergerak untuk keperluan pembangunan negeri

Sarawak. Mungkin juga atas sebab itu maka permintaan untuk unit bergerak tak sampai kepada Kementerian kita. Dan kalaulah pihak negeri Sarawak mahu memberi priority yang tinggi, barangkali kita terpaksa mengorbankan provision yang lain, mungkin kita boleh menolong Ahli Yang Berhormat dari Mukah mengenai permintaan beliau.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat telah-pun mencadangkan supaya kita alih-suara semua filem-filem yang kita import daripada luar negeri supaya semua filem ini akan menggunakan Bahasa Malaysia. Ini memang-lah satu cadangan yang elok dan kita sendiri memang ingin hendak mencapainya, tetapi masalaah teknikal yang bersabit dengan soal ini belum dapat di atasi hingga sekarang ini. Soal dubbing memakan banyak tenaga dan juga satu skill, equipmentnya kita terpaksa order lebih banyak lagi kalau kita hendak melaksanakannya. Jadi dalam semua pertimbangan priority kita, saya nampak soal ini tidak mempunyai prioritynya begitu tinggi dengan soal-soal yang telah kita kemukakan. Oleh sebab itu, saya minta Ahli Yang Berhormat itu bersabar dahulu dan kita buat secara beransur-ansur melaksanakan soal mengalih suara itu.

Ahli Yang Berhormat juga memberi cadangan mengenai cara-cara BERNAMA patut memperkembangkan peranannya di seluruh dunia. Kita bersetuju dengan cadangan ini. Sebenarnya, perkara yang menghimpit saya adalah soal wang. Oleh sebab itu, kita hanya menempatkan wakil-wakil BERNAMA di tempat-tempat yang mempunyai hubungan sangat penting dengan Malaysia sendiri, seperti di Jakarta dan tempat-tempat yang sama taraf.

Ahli Yang Berhormat dari Parit minta kita siarkan lebih banyak lagi siri-siri katun. Sayapun tidak tahu bahawa siri-siri katun yang telah kita bekalkan sekarang ini tidak cukup, kerana ini mengikut tradisi lama setiap hari kita adakan siri katun. Jika hendak lebih lagi kita terpaksa timbangkan soal ini. Sekarang ini ada tiga siri katun yang sangat interesting—untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat—"The Lone Ranger", "Return to the Planet of the Apes", dan "Superman".

Tuan Pengerusi: Barangkali Yang Berhormat itu tak menengok semua cerita katun itu.

Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud: Soal menghapuskan tayangan larut

malam itu barangkali akan menimbulkan banyak aduan yang hangat daripada orang ramai, saya fikir biarlah kita jangan sentuh soal ini dahulu, melainkan kita tahu bahawa cadangan demikian tidak akan mendapat bantahan yang hangat dari orang ramai.

Ada juga teguran mengenai cara-cara lapuran Parlimen telah diberikan di TV khasnya. Saya ingin menyatakan di sini bahawa cara-cara itu memanglah menunjukkan cara journalism yang biasa. Journalism kita biasa memberi isi berita yang paling penting dahulu—as a lead—kemudian memberi penjelasan. Ini bukanlah bererti bahawa pihak yang melapurkan apa yang berlaku dalam Parlimen ini tidak mempunyai kehormatan kepada Ahli Yang Berhormat. Sebenarnya, mereka ingin hendak menjimatkan masa dan space. Mengikut journalistic practice, mereka telah melapurkan cara-cara Lapuran Parlimen mengikut cara yang ada sekarang ini. Saya harap Yang Berhormat tidak akan kecil hati manakala jawapan Menteri dalam masa Soal-Jawab Mulut, diberi dahulu kemudian Ahli Yang Berhormat disebut sebagai orang yang membangkitkan soal-soal itu. Ini daripada segi journalism, memang pihak orang ramai lebih jelas mendengar apa bahan yang paling penting dahulu. Jadi, bahan yang penting itu letaknya dalam jawapan Menteri. Itulah sebabnya disebut dahulu, bukan dengan tujuan hendak merendah-rendahkan Ahli Yang Berhormat semua.

Soal samada kita patut memanjangkan masa "Peristiwa" atau tidak, saya akan timbangkan, kerana kita mempunyai satu penal yang berjumpa tiap-tiap minggu dan memberi nasihat kepada kita bagaimana reaksi kumpulan itu kepada program yang ada dalam satu minggu itu. Kalau tidak menimbulkan kebosanan bolehlah kita panjangkan lapuran itu, kalau tidak kita terpaksa mencari cara-cara yang lebih interesting dan dapat meliputi lebih banyak bahan-bahan lapuran kepada perkara yang berlaku dalam Parlimen ini.

Demikian juga dalam soal "Peristiwa" kita memang terpaksa memeriksa samada masa yang ada sekarang ini cukup atau tidak ataupun terlalu banyak daripada assessment yang kita terima. Barangkali penerimaan kepada Peristiwa itu tidak begitu enthusiastic kalau kita tambahkan masanya lagi. Soal yang berbangkit mengenai "Peristiwa" juga menyebutkan fasal kebanyakannya meliputi cerita Menteri berjalan di sana sini.

Saya memang sangat sedar atas soal ini. Ada orang menyuarakan kristisism ini bukan dengan semangat yang jahat tetapi dengan tujuan yang baik atas perkara ini. Tetapi bila kita memberi analisa, terpaksa kita sedar bahawa kebanyakan fungsi atau peristiwa cukup penting selalu dikaitkan dengan adat kita menjemput Menteri atau Timbalan Menteri datang untuk menyerikan Peristiwa itu.

Tuan Pengerusi: Fasal dia dapat TV coverage (*Ketawa*).

Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud: Entahlah—tetapi rupa-rupanya sudah menjadi adat kita di sini tiap-tiap ada peristiwa interesting yang besar meminta Menteri bersama atau Timbalan Menteri datang. Jadi terpaksa bila kita buat liputan, kita terjumpa dengan muka-muka Menteri dan Timbalan Menteri. Tetapi saya mesti menerangkan tidak semua “Peristiwa” kita mengenai soal Menteri. Yang sebenarnya, tidak sampai setengahpun memberi appearance Menteri-menteri. Banyak soal-soal lain telahpun diliputi. Orang-orang kampungpun dimasukkan; D.O. pun dimasukkan; Senior Government Officers pun dimasukkan; Voluntary workers pun dimasukkan. Ini semua menunjukkan bahawa apa yang ada minat kepada orang ramai kita terpaksa liputi dan kebanyakan daripada perkara itu barangkali dibabitkan sama dengan kehadiran Menteri dan setengah yang tidak menarik minat tidak pula ada diliputi dalam “Peristiwa” itu.

Soal azan memanglah soal yang kita sudah kaji. Sebenarnya siri azan yang baru akan keluar dalam tahun baru. Kita sedang menyusun bentuk Azan yang kita hendak buat, tetapi belum siap. Mungkin siap pada awal tahun baru. Jadi soal azan tidaklah akan menimbulkan teguran hangat, kerana kita akan tukarkan.

Soal betul atau tidak muzik tari gelek disiarkan selepas azan, sayapun tidak tahu, kerana saya tidak mendengar muzik itu tiap-tiap hari. Saya fikir muzik ini muzik padang pasir, tetapi kalau orang betul-betul tahu muzik yang menjadi latarbelakang tarian gelek tidak sama bunyinya dengan gambus di luar azan. Muzik tari gelek selalunya menggunakan lebih banyak heavy drum dan muzik yang selalu digunakan selepas azan ialah muzik yang menggunakan gambus. Saya fikir barangkali ada salah tafsir, barangkali

muzik yang didengar itu bukan muzik tari gelek tetapi muzik padang pasir ditafsirkan sebagai muzik tarian gelek.

Ahli dari Dungun telah memberi banyak cadangan mengenai drama. Saya terpaksa menyatakan semuanya akan kita ambil perhatian, tetapi kita tidak dapat memberatkan soal drama lebih daripada soal lain kerana kita mesti menempatkan suatu balance atau perseimbangan di antara beberapa corak program yang kita tayangkan menerusi TV Malaysia.

Ahli Yang Berhormat dari Matang telah memberatkan soal kempen untuk mencegah penggunaan dadah. Sekarang ini sebuah Committee sedang bekerja menyusun cara-cara seluruhnya kempen di peringkat sekolah menerusi volunteer association seperti PEMADAM, radio dan TV. Jawatankuasa ini akan mempersembahkan kertas kerjanya kepada Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Apakala Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sudah sedia dan nampaknya inilah satu percubaan yang pertama di mana kita boleh menjalankan satu integrated approach campaign against drug.

Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak telah menyatakan kebimbangannya mengenai gangguan yang selalu berlaku apabila gambar Melayu ditayangkan. Sebenarnya ini coincidence sahaja! Kalau kita lihat channel yang kedua pun ada gangguan berlaku kerana seperti saya katakan kelengkapan kita patutnya sudah ditukarkan lama dahulu. Selain daripada soal kelengkapan soal filem-filem yang kita sewakan itupun timbul. Filem yang disiarkan tuanya sekurang-kurangnya tujuh tahun atau lebih. Inilah dasar pengeluaran-pengeluaran filem dalam negeri ini yang tidak mahu menyewakan filem yang kurang daripada tujuh tahun umurnya, kerana takut menjejaskan pemasaran mereka sendiri menerusi panggung-panggung wayang. Jadi ada kalanya filem-filem ini putus ataupun soundnya rosak. Ini adalah satu faktor luar daripada kawalan kita.

Soal mengatasi kekurangan filem ini adalah soal yang besar sekali. Sekarang inipun Kementerian saya dan Kementerian Perdagangan sedang berunding atas apakah caranya yang boleh kita gunakan untuk menggalakkan tumbuh baliknya perusahaan filem-filem Melayu. Setakat ini satu Jawatankuasa sedang menggubalkan sebuah undang-undang yang

bertujuan untuk menggalakkan penubuhan perusahaan filem tempatan. Atas bilakah kerja ini akan siap, saya pun tidak dapat memberikan jawapan, kerana ini bergantung atas dua Kementerian—Kementerian saya dan Kementerian Perdagangan. Boleh jadi dalam tahun 1977 mungkin juga soal ini dapat kita selesaikan dan kita akan dapat mencuba, saya tidak berani mengatakan dengan lebih positif, bagaimana kita dapat melayankan producer-producer dan artis-artis filem-filem Melayu supaya dapat balik mengeluarkan filem-filem Melayu yang bermutu tinggi dan dapat menarik penuntun-penuntun seluruh negeri ini.

Tuan Pengerusi, inilah sahaja perkara-perkara yang saya dapat jawab di persidangan ini, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada pertanyaan-pertanyaan lain bolehlah membangkitkannya dengan cara langsung dengan Kementerian dan saya akan berjanji akan memberi kerjasama yang sepenuh-penuhnya.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$16,363,800 untuk Kepala B. 46, \$83,936,700 untuk Kepala B. 47 dan \$20,574,400 untuk Kepala B. 48 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$366,000 untuk Kepala P. 46, \$26,850,540 untuk Kepala P. 47 dan \$1,270,000 untuk Kepala P. 48 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1977.

Tuan Pengerusi: Majlis sekarang akan menimbangkan peruntukan perbelanjaan bagi Kementerian Undang-undang di bawah Kepala B. 49, B. 50 dan B. 51 dan saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang mengemukakan anggaran perbelanjaannya.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Kepala B. 49, B. 50 dan B. 51 (Jadual)—

5.46 ptg.

Timbalan Menteri Undang-undang (Tuan Rais Yatim): Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan Anggaran Belanja Mengurus bagi Kementerian Undang-undang bagi tahun 1977 yang berjumlah \$12,037,000. Jumlah

ini adalah untuk 3 Jabatan di bawah Kepala-kepala berikut dan tiada bekalan bagi peruntukan Pembangunan:

- | | |
|--|-------------|
| (1) Kepala Bekalan 49—Kementerian Undang-undang termasuk Jabatan Peguam Negara ... | \$9,540,000 |
| (2) Kepala Bekalan 50—Jabatan Pemegang Amanah Raya, Pentadbiran Pesaka dan Penyimpan Harta Musuh dan ... | \$1,381,100 |
| (3) Kepala Bekalan 51—Jabatan Pemegang Harta, Malaysia ... | \$1,115,900 |

Perbelanjaan mengurus untuk Kementerian ini terbahagi kepada pecahan-pecahan berikut:

- (a) Pentadbiran Am
- (b) Perkhidmatan Perundangan dan Penasihat
- (c) Perkhidmatan Pendakwaan
- (d) Perkhidmatan Guaman
- (e) Perkhidmatan Bantuan Guaman
- (f) Pusat Biro Narkotik dan
- (g) Biro Siasatan Negara

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat maklum, Biro Siasatan Negara merupakan satu tanggungjawab tambahan kepada Kementerian Undang-undang setelah dipindahkan daripada Jabatan Perdana Menteri mulai Januari, 1976.

Kekosongan jawatan Pegawai Undang-undang telah dapat diisi sebahagian besar semenjak beberapa bulan yang lalu. Pegawai-pegawai baru yang dilantik itu kebanyakannya daripada graduan-graduan Fakulti Undang-undang Universiti Malaya selain daripada pemegang-pemegang biasiswa jurusan undang-undang yang telah menamatkan pengajian di luar negeri.

Kementerian Undang-undang sedang merancang untuk menyusun semula pentadbiran yang sedia ada dengan menambah kakitangan dan susunan bidang tugasnya. Pada masa ini terdapat 758 orang kakitangan semuanya.

Dalam Bahagian Guaman, Kementerian Undang-undang perlu saya nyatakan di sini iaitu sepanjang tahun 1975 sejumlah 265 kes

sivil telah diurus oleh Bahagian Guaman. Bagi tahun 1976 (sehingga September) 194 kes sivil telah dikendalikan. Jumlah kes tuntutan wang biasiswa ialah 39.

Bahagian Guaman ini adalah bertanggungjawab antara lain untuk mengendalikan kes-kes tuntutan yang dihadapkan terhadap Kerajaan dan juga pembuat salah dari perkhidmatan serta lain-lain tuntutan seumpamanya.

Tuntutan oleh Kerajaan pula termasuklah tuntutan untuk mendapatkan balik wang biasiswa, yang kena dibayar kerana melanggar atau pecah kontrak dengan Kerajaan.

Sekarang saya bawa Ahli-ahli Yang Berhormat mengikuti Perkhidmatan Bantuan Guaman secara ringkas. 1977 ialah tahun yang ketujuh munculnya Perkhidmatan Bantuan Guaman di Malaysia. Perkhidmatan ini mendapat kuasa daripada Akta Bantuan Guaman 1971, dengan tujuan utama untuk memberi bantuan perwakilan dan nasihat undang-undang kepada golongan miskin terutama di kawasan luar bandar.

Di antara langkah-langkah yang sedia untuk memenuhi tugas yang berat dan memberi perkhidmatan yang lebih menyeluruh terutama bagi penduduk-penduduk luar-bandar ialah dengan mengatur satu rancangan Penyertaan Bersama Kakitangan Kementerian Undang-undang dan Kementerian Kebajikan Am. Dalam rancangan ini kurang lebih 120 pegawai Kebajikan Masyarakat yang bertugas di tiap-tiap daerah dalam Semenanjung Malaysia telah dilatih khas mengenai selok-belok serta kegiatan dan fungsi Perkhidmatan Bantuan Guaman. Mulai bulan Mac, 1976 Pegawai-pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah ini akan dilantik sebagai wakil-wakil kepada Penolong Pengarah, Biro Bantuan Guaman negeri masing-masing untuk menerima permohonan daripada pemohon-pemohon dalam daerah masing-masing. Di samping itu mereka juga akan memproses, membuat penyiasatan atau pengkajian awal ke atas permohonan-pemohon yang diterima dan merujukkannya kepada Penolong Pengarah Biro Bantuan Guaman untuk panduan dan urusannya.

Rancangan Penyertaan Bersama ini disusun untuk memberi kemudahan oleh golongan miskin yang tinggal di luar bandar.

Tuan Pengerusi, adalah dijangka bahawa Biro ini akan dapat mengatasi masalah kakitangannya dan di samping itu melaksana-

kan rancangan serta aktivitinya dengan berkesan dan juga meliputi ke seluruh Semenanjung Malaysia mulai tahun 1977.

Rancangan Penyertaan Bersama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat diramalkan akan sampai ke kemuncaknya pada awal tahun 1977 setelah latihan asas untuk melengkapkan kesemua pegawai-pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah dengan tugas-tugas yang dikendalikan oleh Perkhidmatan Bantuan Guaman disempurnakan dalam tahun ini juga.

Suatu Sekim yang dinamakan "Pusat Perundangan Tetangga" atau "Neighbourhood Law Centre" yang dianggotai oleh peguam-peguam tempatan, ahli-ahli Pihak Berkuasa Tempatan, Ahli-ahli Pertubuhan Sosial dan Kebajikan Am Tempatan, yang sangat popular sekarang ini di negara-negara sebelah barat seperti Amerika Syarikat dan England, mungkin juga diperkenalkan di negara kita. Pusat ini umpamanya boleh mengendalikan berbagai-bagai masalah asas dalam perundangan: yang pertama, menyumbangkan bantuan guaman percuma kepada penduduk-penduduk miskin di kawasan-kawasan tertentu, menaja dan menjalankan kajian tentang kesan undang-undang ke atas masyarakat, mendidik penduduk-penduduk di dalam perkara-perkara undang-undang dan perjalanannya serta lain-lain perkara yang difikirkan perlu bagi kebajikan masyarakat seluruhnya.

Belanja mengurus Biro Bantuan Guaman bagi tahun 1977 adalah sebanyak \$712,500.00 untuk kakitangan seramai 90 orang.

Tuan Pengerusi, sekarang saya liputi sedikit mengenai Pusat Biro Narkotik. Dalam tahun 1977 dapatlah dinyatakan bahawa tahun ini berupa sebagai permulaan kepada beberapa bidang tenaga dan aktiviti yang baru bagi Biro ini. Sungguhpun semasa mulai ditubuhkan dahulu, Biro ini merupakan sebuah jabatan yang baru dan ditambah pula dengan mempunyai pegawai dan kakitangan yang dipinjam dari jabatan-jabatan lain seperti Polis, tetapi Biro ini telah membuktikan keazamannya untuk membentasi segala bentuk kegiatan penyeludupan, pengedaran dan penyalahgunaan dadah. Rekod-rekod yang telah dibentangkan dalam Dewan ini telah cukup membuktikan bahawa kejayaan Biro ini patutlah diberi sanjungan.

Memandangkan masalah salahguna dadah pada masa ini maka amatlah perlu yang Pusat Biro Narkotik diperbesarkan dari segi keanggotaan dan kawasan operasinya mulai pada tahun 1977 ini. Semenjak dari tahun 1971, bilangan rakyat negara ini yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah adalah didapati bertambah dari setahun ke setahun.

Oleh itu tenaga serta usaha mencegah serta menguatkuasakan Undang-undang terhadap penyalahgunaan dadah mestilah semaksimal. Urusan dan usaha adalah disalurkan pada masa ini supaya kakitangan Biro Narkotik akan bertambah pada penghujung tahun 1977. Belanja mengurus bagi Biro ini ialah \$685,900.

Tuan Pengerusi, mengenai Biro Siasatan Negara. Biro ini telah dipindahkan daripada portfolio Perdana Menteri kepada portfolio Peguam Negara mulai dari 1hb Januari, 1976. Biro ini telah ditubuhkan dalam tahun 1973 dan telah semenjak itu menjalankan berbagai kegiatan menentang rasuah dan membentasi kegiatan yang mendatangkan penyakit masyarakat ini. Tugas dan objektif utama Biro Siasatan Negara ialah membasmi, mengurangkan dan menyiasat perkara-perkara yang berkaitan dengan rasuah dan ini boleh dicapai dengan cara-cara yang telah dinyatakan dalam buku Belanjawan. Dengan tertubuhnya Biro Siasatan Negara bidang tugas yang tersebut di atas telah diperluaskan lagi meliputi kesalahan-kesalahan rasuah. Tugas-tugasnya bukan sahaja terhadap kepada undang-undang mencegah rasuah malah menjalankan penyiasatan-penyiasatan untuk mencegah dan menghapuskan kesalahan di bawah Undang-undang tertentu mengikut perintah dan arahan yang dikeluarkan oleh Peguam Negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya ingin juga memberi perangkaan mengenai kes-kes yang dikendalikan oleh Biro ini secara ringkas.

Bagi tahun 1975, bilangan maklumat yang diterima ialah sebanyak 2,676 dan bilangan penyiasatan yang dilakukan ialah 1,021. Bilangan yang ditangkap ialah seramai 213 orang yang terdiri daripada 91 kakitangan Kerajaan dan 122 orang awam. Tindakan tata-tertib yang disyorkan terhadap pegawai Kerajaan ialah sebanyak 23 orang. Kejayaan-kejayaan yang dicapai dalam tahun 1976 ini terutama yang mengenai bidang penyiasatan dan pencegahan rasuah adalah menggalakkan dan sehingga 9 bulan tahun ini didapati maklumat yang diterima ialah sebanyak 4,137

dan penyiasatan-penyiasatan yang dijalankan ialah 720. Bilangan tangkapan yang dibuat ialah 175 yang terdiri daripada 65 pegawai Kerajaan dan 110 orang awam. Dengan ini adalah diramalkan kejayaan-kejayaan seterusnya akan dicapai sehingga akhir tahun 1976 ini.

Akhir-akhir ini ada beberapa ulasan dan pendapat yang bertujuan menjatuhkan nama baik Biro Siasatan Negara atau BSN dalam tugas bidang kuasanya. Kebanyakannya teguran-teguran itu adalah untuk memperoleh sensation belaka. Suka saya menegaskan di sini Biro Siasatan Negara tetap beroleh kepercayaan rakyat dan Kerajaan dalam tanggungjawab membasmi rasuah di negara ini. Dari pegawai yang serendah-rendahnya hinggalah ke peringkat Ketua Pengarahnya dedikasi dan tindakan adil adalah menjadi asas perkhidmatan mereka. Sesuatu kes yang diselidiki itu perlu diteliti, dihalusi sebelum dibawa ke peringkat pendakwaan. Biro Siasatan Negara tidak boleh di sisi Undang-undang bertindak secara tergesa-gesa tanpa penelitian di semua peringkat penyiasatan.

Anggaran perbelanjaan mengurus bagi tahun 1977 adalah sebanyak \$4,585,100 untuk pembayaran gaji dan sebagainya bagi 372 orang kakitangan. Pada tahun 1977 Biro Siasatan Negara akan bertindak lebih giat kerana Jabatan tersebut dijangka mengambil seramai 255 orang pegawai siasatan tambahan dan ini akan juga melibatkan perbelanjaan tambahan.

Tuan Pengerusi, Kepala B. 50—Jabatan Pemegang Amanah Raya. Perbelanjaan-perbelanjaan adalah seperti yang dinyatakan pada awal tadi dan didapati pada keseluruhannya belanja mengurus bagi tahun 1977 ialah sebanyak \$1,381,000 berbanding dengan \$1,276,900 bagi tahun 1976.

Yang akhir sekali bagi Kepala B. 51—Jabatan Pemegang Harta Malaysia. Bagi tahun 1977 Jabatan Harta akan menguatkuasakan peruntukan-peruntukan Akta Kebengkerapan tahun 1967 dengan ketatnya supaya peniaga-peniaga dapat menjalankan perniagaannya dengan sekurang-kurangnya dapat mengadakan peruntukan-peruntukan pencegahan di mana perlu. Bagi peniaga-peniaga yang kurang bernasib baik dalam perniagaannya, Jabatan ini akan cuba melindungi kepentingan-kepentingan si piutang-si piutang dengan mengutip apa sahaja yang

boleh dari si berhutang estet, si bengkerap. Jumlah peruntukan tahun 1977 ialah sebanyak \$1,115,900 berbanding dengan \$936,200 bagi tahun 1976. Dalam tempoh masa 1-1-76 hingga 30-9-76 perintah penghukuman telah dibuat terhadap 245 bengkerap, 11 buah syarikat terpaksa dibubarkan oleh hukuman mahkamah dan 54 buah pertubuhan kesatuan sekerja telah dikehendaki digolong oleh Jabatan ini. Sepanjang tahun 1975 pula perintah penghukuman telah dibuat terhadap 286 bengkerap, 23 syarikat telah terpaksa dibubarkan di atas hukuman mahkamah dan 47 buah pertubuhan serta Kesatuan Sekerja dikehendaki digolong oleh Jabatan ini.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

6.00 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya menyentuh Kepala Bekalan B. 49—Kementerian Undang-undang, muka surat 353, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (7) Biro Siasatan Negara.

Yang Berhormat Menteri Undang-undang telah memberi perakuan bahawa orang yang memberi dan menerima adalah salah di sisi undang-undang. Kerja-kerja yang dijalankan oleh B.S.N. adalah satu kerja yang cemerlang dan mesti diberi pujian. Banyak tangkapan dilakukan dan mesti dilakukan. Kita akui tiap-tiap yang bersalah mesti ditangkap dan didakwa.

Mengikut apa yang disiarkan, hanya beberapa ikan besar sahaja yang ditangkap. Sekiranya ada ikan besar yang ditangkap sebagai penerima, mestilah ada ikan yang besar, sebagai pemberi yang mesti ditangkap juga. Dewan ini harus diberitahu tentang pemberi-pemberi yang terdiri daripada jerung yang besar.

Penjual-penjual sayur, penjual-penjual ikan, penjual-penjual buah dan kontraktor-kontraktor kecil, adalah perkara biasa yang kita dengar ditangkap. Sekiranya Kerajaan betul-betul berhasrat hendak membersihkan rasuah, maka pelombong-pelombong, pedagang-pedagang, pengimpot-pengimpot, pengeksport-pengeksport, jutawan-jutawan, hartawan-hartawan, estet-estet besar, kontraktor-kontraktor besar, hendaklah sentiasa diawasi, sekiranya ada maklumat-maklumat yang didapati, maka

B.S.N. hendaklah sertamerta menjalankan tugasnya menyiasat dan menangkap mereka yang terlibat ini.

Misalnya, meluluskan tapak tanah bank. Sekiranya A sebagai penerima yang ditangkap, maka B sebagai pemberi, mestilah ditangkap juga dan didakwa. Kita tidaklah boleh membenarkan penerimanya sahaja yang ditangkap, sedangkan pemberinya itu terlepas begitu sahaja. Mengikut amalan biasa, kedua-duanya—penerima dan pemberi adalah sama-sama salah dari segi undang-undang. Maka dari itu, orang yang bersubahat dengannya, mestilah juga ditangkap, dengan tidak kira siapa dia dan apa jawatannya.

Sekarang ini seolah-olahnya kita mendengar satu cerita sahaja. Kita hendak mendengar dua-dua cerita, iaitu penerima dan pemberi.

B.S.N. hendaklah bergerak bebas. Undang-undangnya hendaklah diperketatkan lagi. Ia hendaklah terkandung sebagai satu badan yang bebas dan tidak terpengaruh dengan tekanan dari mana-mana pihak. Maka dari itu, saya percaya ia dapat berjalan dengan lebih teratur, licin dan tidak terpengaruh dari tekanan atas.

Orang-orang kampung sungguhpun tidak mempunyai pelajaran tinggi, mereka tahu dan boleh membuat ukuran dan bandingan.

Tuan Pengerusi, sekianlah sahaja dan saya menyokong peruntukan Kementerian Undang-undang ini.

6.04 ptg.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya hendak sebut dua tiga perkara. Pertama ialah mengenai Biro Siasatan Negara, muka surat 353.

Tuan Pengerusi, dengan pemindahan Biro Siasatan Negara daripada Jabatan Perdana Menteri pada 1-1-76 kepada Kementerian Undang-undang, di masa itu kesimpulan orang ramai ialah N.B.I. telah diturunkan pangkatnya dan apa yang telah berlaku dalam masa 12 bulan ini mengesahkan kesimpulan-kesimpulan ini. Dalam 12 bulan ini tidak seekor ikan yu yang ditangkap atau dibawa ke mahkamah dan boleh dikatakan dalam tahun ini adalah satu tahun yang baik untuk mereka yang meletakkan jawatan tinggi yang ada kaitan dengan rasuah. Sungguhpun tahun ini bermula dengan banyak orang yang

terlibat dalam rasuah ini merasa ketakutan, ini ialah oleh kerana pada akhir tahun lalu dan pada mula tahun ini khasnya dengan Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn menjadi Perdana Menteri yang ketiga ada satu ekspektasi bahawa akan bermula satu kegiatan yang penuh dengan berazam terhadap korupsi khasnya korupsi dalam jawatan yang tertinggi. Sebenarnya, dalam beberapa bulan yang pertama semasa Datuk Hussein Onn menjadi Perdana Menteri, beliau ada beberapa kali berucap mengenai keperluan dan mustahaknya memerangi korupsi dan beliau pun ada menggunakan satu upacara yang ada berkait dengan dadah untuk menitikberatkan bagaimana korupsi terdapat di jawatan tinggi terhadap negara kita. Tetapi malangnya, di mana saya tidak tahu, suasana keazaman menentang korupsi ini tersilap dan sebaliknya kita ada mendengar hujah-hujah dan kedudukan-kedudukan, pendirian-pendirian dan sekiranya kita mengikutnya nampaknya kita tidak suka kepada satu suasana atau satu kempen yang hangat terhadap korupsi dan sekiranya kita mengikut kenyataan-kenyataan Pemuda UMNO yang diketuai oleh Ahli Yang Berhormat dari Pant, nampaknya jikalau ada kuasa mereka mahu menghapuskan N.B.I. sama sekali. Di seluruh negara korupsi sudah menjadi lebih rampant. Baru-baru ini sebagai contohnya di Melaka, pemohon-pemohon untuk pecah tanah untuk menjadikan tanah lot-lot perumahan telah dibekukan atas alasan bahawa perkara ini akan diulang-kaji oleh sebuah Jawatankuasa Kecil dan Jawatankuasa Kecil ini akan menunggu hasil kajian Pelan Induk untuk Negeri Melaka. Tetapi kajian Pelan Induk untuk Negeri Melaka belum mula dan Jawatankuasa Kecil ini pun belum menghabiskan kajian. Tetapi dalam masa sementara itu, pemaju-pemaju perumahan yang mempunyai permohonan-permohonan yang telah dibekukan telah membuat perhubungan dengan orang-orang tengah melalui seorang Exco dan permohonan-permohonan mereka boleh diluluskan. Yang pertama harga yang diminta ialah \$200,000 dan ada satu permohonan yang diluluskan oleh Exco Negeri Melaka pada bulan Ogos tahun ini, iaitu selepas \$50,000 bertukar tangan.

Sahabat saya seorang Ahli Dewan Undangan Negeri Melaka kawasan Tranquerah, Sdr. Chan Teik Chan sendirinya melapurkan

perkara ini kepada N.B.I. Melaka, tetapi malangnya tidak ada apa-apa tindakan diambil terhadap perkara ini.

Tuan Pengerusi, Kerajaan mesti kuat dan teguh dalam perang terhadap korupsi di jawatan tinggi oleh kerana rasuah tidak boleh dihapuskan atau dikontrol sekiranya rasuah di jawatan tinggi tidak diperangi. Kita tahu ada suara-suara yang kuat (powerful) yang menentang kempen ini mengatakan bahawa kempen terhadap korupsi di jawatan yang tinggi akan berfaedah kepada kominis. Saya rasa suara-suara ini ialah suara-suara musuh Malaysia. Apa yang akan memberi faedah kepada kominis bukan satu kempen terhadap korupsi tetapi membiarkan korupsi menjadi lebih rampant dan mereka yang membangkang secara tidak langsung (indirectly) dalam satu kempen untuk membersihkan mereka yang memegang jawatan tertinggi dalam perkara korupsi sebenarnya, saya rasa dan percaya menjadi musuh kepada negara kita.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Peguam Negara boleh disifatkan sebagai seorang penjaga undang-undang di negara kita dan beliau mesti adil dalam menjalankan tugas-tugasnya. Dan dalam hubungan ini, saya hendak menyentuh satu lapuran yang diterbitkan di dalam *Utusan Malaysia* pada 2hb Ogos 1976 dengan dua perenggan ini yang melapurkan mengenai ucapan Yang di-Pertua PAS selaku Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah apabila beliau merasmikan satu mesyuarat perwakilan di Cawangan PAS Padang Rengas. Dan dua perenggan yang berkaitan ini ialah:

“Menurutnya negara sekarang menghadapi tiga musuh yang di satu masa nanti akan bersatu untuk menghancurkan rakyat dan pemerintah yang ada.

Musuh-musuh tersebut kata Datuk Haji Mohd. Asri, pertama; Christianity yang cuba menukarkan kehidupan rakyat dari fahaman timur kepada fahaman lain melalui kebudayaan sopan santun dan identity yang lain”.

Saya bukan seorang Christian, tetapi saya boleh faham memahami rasa kebimbangan orang-orang Christian di Malaysia terhadap kenyataan semacam ini yang sebenarnya melebelkan orang-orang Christian sebagai musuh-musuh negara ini. Dan saya minta Yang Berhormat Peguam Negara siasat kenyataan ini untuk menentukan samada Akta Hasutan, 1948 ada dilanggar oleh kerana ada

mengikut Akta Hasutan 1948—"seditious tendency" ialah termasuk a tendency yang "raise discontent of disaffection amongst the inhabitants of Malaysia" atau "to promote feelings of ill will and hostility between different races or classes of the population of Malaysia." Saya rasa perkara ini sangat mustahak oleh kerana kenyataan-kenyataan ini melanggar guarantee yang termaktub di dalam Perlembagaan Fasal 11 yang telah memperuntukkan bahawa "every person has the right to profess and to practise his religion". Dan saya harap kenyataan ini diberi perhatian yang berat oleh kerana ada implikasi-implikasi yang sangat mengkhawatirkan dan bukan sahaja membimbang tetapi boleh membelakangkan tugas membina satu negara yang bersatu-padu khasnya apabila baharu-baharu ini kita dapat satu kenyataan oleh Yang Berhormat Peguam Negara yang mengatakan beliau bercadang untuk meluaskan undang-undang Muslim terhadap mereka yang bukan Muslim.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya mahu sebutkan sedikit mengenai apa yang saya boleh kata mystery Botak Chin. Kita tahu 5 bulan yang lalu dalam satu peristiwa yang diberi publisiti yang banyak beliau ditangkap dan ada dibawa ke Sessions Court untuk di charge dan hingga hari ini ada di remand. Dan saya dapat tahu pihak Kerajaan hendak memberhentikan tuduhannya terhadap Botak Chin dan mahu menahannya di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Dan saya mendapat tahu bahawa beliau (Botak Chin) ada membuat satu confession di mana beliau berkata beliau telah bayar \$76,000 kepada pihak Polis pada tahun baru China untuk membolehkan beliau mengelakkan diri dari ditangkap apabila beliau keluar daripada hide-out di Kepong. Polis telah mendapat tahu nombor keretanya dan beliau dibenarkan melalui check-point. Perkara ini sangat mengelirukan. Dan sekiranya benar, saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi satu penjelasan yang tepat nanti apabila beliau menggulung perbahasan.

6.14 ptg.

Tuan Au How Cheong (Teluk Anson): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong Anggaran Belanjawan untuk Kementerian ini dan saya ingin menyentuh Pecahan-kepala 1100, B. 49, muka surat 353, Aktiviti (6) Pusat Biro Narkotik.

Tuan Pengerusi, saya faham bahawa Biro Narkotik telah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Bahagian Penguatkuasaan dan Pencegahan. Bahagian Penguatkuasaan selama ini telah menubuhkan tiga pejabat di Semenanjung Malaysia dan pejabat-pejabat ini ada di Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Johor Bharu. Kita tidak tahu apakah segala rangkaian (network) Bahagian ini tetapi jika tidak terdapatnya lain-lain cawangan, ketiga-tiga pusat tersebut di atas nampaknya terlampau jauh di antara satu sama lain untuk mengatasi masalah dadah, dengan kesan yang maksima. As a result walaupun masalah dadah ini adalah serious dan kian pesat tetapi bilangan orang yang ditangkap masih terhad.

Tuan Pengerusi, malangnya ramai dari orang-orang yang ditangkap kerana terlibat dalam pengedaran dadah di seberang laut laut adalah dari negeri Perak. Adalah juga dicadangkan bahawa Negeri Perak baru-baru ini telah menjadi salah satu daripada pusat pengedaran yang paling aktif. Sebagaimana pada masa peperangan mustahaklah menempatkan askar-askar kita di tempat-tempat yang strategic tetapi lebih mustahak ditempatkan askar-askar kita di barisan hadapan untuk menghadapi musuh. Oleh yang demikian, saya mencadangkan satu Pejabat Biro Narkotik ditubuhkan di negeri Perak dan menempatkan kakitangan yang tetap di negeri itu juga untuk menentang gerakan pengedaran dadah yang lebih berkesan.

Baru-baru ini Kementerian ini juga telah menubuhkan Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) dan persatuan ini memerlukan sumbangan semua orang yang civic-minded. Tujuan persatuan ini di antara lain ialah menolong Kerajaan menetapkan strategy untuk menentang masalah dadah dan juga menolong orang-orang yang menjadi penagih dadah. Tetapi malangnya peruntukan yang diberi kepada Persatuan ini di peringkat nasional ialah sebanyak \$100,000 sahaja setahun. Jumlah ini adalah sedikit bagi persatuan ini untuk memikul tanggungjawab yang begitu berat. Saya merayu kepada Yang Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya menambahkan peruntukan bagi PEMADAM dan dengan ini PEMADAM dapat melaksanakan pekerjaan dan tugasnya dengan lebih berkesan dan cekap.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh juga Pechahan-kepala 1100. Aktiviti (5) Perkhidmatan Bantuan Guaman. Walaupun Perkhidmatan Luar Bandar mengenai Bantuan Guaman telah diadakan, ramai orang belum tahu lagi perkhidmatan ini telah dijalankan. Oleh yang demikian, saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri memperluaskan perkhidmatan Bantuan Guaman dengan menubuhkan sebuah pejabat di tiap-tiap buah negeri.

Perkhidmatan Bantuan Guaman mulanya telah ditubuhkan dalam tahun 1970. Jikalau saya tidak salah setelah selama enam tahun perkhidmatan ini masih tidak terdapat di negeri Perak. Walaupun jika berdasarkan bilangan penduduk, Perak ialah negeri yang terbesar sekali di Malaysia. Saya juga difahamkan bahawa dalam tahun 1975 Biro Bantuan Guaman telah mengendalikan sebanyak 2,818 kes. Saya harap Yang Berhormat Menteri akan memberi tahu Dewan ini tentang bilangan orang yang meminta bantuan guaman yang berasal dari negeri-negeri di mana perkhidmatan ini masih tidak terdapat.

Tuan Pengerusi, salah satu daripada pengalaman manusia yang paling menyakitkan hati ialah tidak mempunya mendapatkan perlindungan guaman bagi hak-haknya. Biasanya orang miskin yang tidak mampu membiayai peguam persendirian yang memerlukan perkhidmatan guaman yang percuma atau dibantu dengan subsidi. Kalau Biro yang ada sekarang sangat jauh, tidak susahlah menggambarkan betapa ramai orang miskin kerana kesusahannya terpaksa melupakan litigation yang tidak berdaya memperluaskan hak-haknya tidak dapat menebuskan harta-harta yang dipunyai, tidak dapat mempertahankan tuduhan yang palsu dan terpaksa menghadapi kesusahan dengan mendiamkan diri. Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri akan memperluaskan Bantuan Guaman dengan secepat mungkin ke negeri-negeri yang mana perkhidmatan seperti ini masih belum diadakan supaya orang-orang yang benar-benar memerlukan bantuan ini tidak perlu menghadapi perjalanan yang jauh untuk mendapat pertolongan.

Tuan Pengerusi: Saya nampak ada empat orang Ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap, jadi saya bercadang hendak menjemput Yang Berhormat Menteri menjawab pada pukul 7.00. Jadi, Yang Berhormat dari

Parit dahulu, kemudian Ahli Yang Berhormat dari Ledang, Yang Berhormat dari Ulu Nerus dan Yang Berhormat dari Petaling.

6.22 ptg.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (Parit): Tuan Pengerusi, saya suka merujuk kepada muka surat 354, Pecahan-kepala 2100, Aktiviti (3) Perkhidmatan Pendakwaan.

Tuan Pengerusi, dimaklumkan dalam satu kes kemalangan jalanraya di antara sebuah bas dengan orang yang berjalan kaki atau motokar. Kes semacam ini telah dibawa ke mahkamah. Satu perkara yang saya hendak kemukakan ialah berkenaan dengan saksi-saksi yang dipanggil di dalam perbicaraan ini. Saksi-saksi atau penumpang misalnya bas di dalam perbicaraan itu adalah terdiri daripada mereka yang berpendapatan rendah seperti petani, nelayan dan lain-lain. Di samping itu pula, mereka tinggal berjauhan daripada Kuala Lumpur tempat perbicaraan dijalankan, umpamanya di Kelantan dan Trengganu. Di dalam perbicaraan ini, para saksi hanya dibayar \$3 sehari sekali datang oleh pihak mahkamah sebagai elaun. Di sini timbul reaksi dan kesan yang kurang menyenangkan terhadap saksi-saksi ini. Satu daripadanya saksi-saksi ini terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang banyak untuk menanggung perjalanan, tempat penginapan dan makan mereka semasa berada di Kuala Lumpur.

Yang kedua, saksi-saksi ini pula terpaksa meninggalkan tugas harian mereka berhari-hari dengan ini akan mengurangkan hasil pendapatan mereka sedangkan mereka terpaksa menanggung segala perbelanjaan keluarga mereka. Kesimpulannya elaun \$3 yang dibayar oleh pihak mahkamah kepada saksi-saksi itu tidaklah berpatutan dengan masa, tenaga dan perbelanjaan yang terpaksa dikeluarkan dan ditanggung oleh saksi-saksi tersebut semasa menghadiri perbicaraan itu, dan peraturan ini sebenarnya telah berjalan berpuluh-puluh tahun dahulu dan patut diperbaiki. Di sini saya ingin mendapatkan pertimbangan daripada Kementerian Undang-undang agar dapat menanggung semua perbelanjaan iaitu dari segi tambang, pengangkutan, makan dan penginapan serta elaun harian kepada saksi-saksi di dalam setiap perbicaraan yang dijalankan buat masa ini dan juga pada masa yang akan datang. Saya berharap perkara ini hendaklah diperhalusi dengan teliti dan mendapat perhatian

yang sewajarnya dari Kementerian Undang-undang agar keputusannya akan diterima nanti tidak membebankan sesuatu pihak sahaja.

6.26 ptg.

Tuan Embong bin Yahya (Ledang): Tuan Pengerusi, dalam menyokong perbelanjaan Kementerian Undang-undang, saya suka menyentuh Pecahan-kepala 1100 berkenaan dengan pentadbiran dan perkhidmatan Perundangan sebab kita memandang keadaan negara kita hari ini mengenai krisis moral ataupun sosial.

Saya cuba hendak mengesyorkan kepada Kementerian ini memikirkan supaya dikemukakan satu undang-undang moral yakni untuk membendung keruntuhan moral yang sedang berlaku di negara kita sekarang. Walaupun perkara ini barangkali ada orang memandang kecil, tetapi sebagai sebuah negara yang berdasarkan Islam sebagai agama rasmi dan juga dari segi kemanusiaan bagi segala agama berkehendakkan menjaga moral dan sekiranya kita tidak mengadakan satu undang-undang yang boleh menyekat keruntuhan moral sedikit sebanyak, saya rasa bahawa negeri kita akan menjadi negara Barat yang tidak ada batas pada segi moral baik dari segi pakaian, segi kelakuan dan sebagainya, akhirnya kita akan menghadapi satu krisis keruntuhan moral yang paling hebat yang pada satu masa tidak dapat lagi dibendung. Jadi, mulai dari sekarang patutlah Kementerian ini cuba memikirkan bagaimana hendak mengadakan satu undang-undang berkenaan dengan moral iaitu mencegah orang yang berakhlak buruk, orang-orang yang berkhalwat, orang-orang yang memakai pakaian yang menjolok mata yang sekira-kira, salah pada segi moral hari ini, ataupun sekurang-kurangnya dapat kita membuat satu undang-undang pakaian di pejabat-pejabat Kerajaan.

Hari ini kita nampak ada orang pergi ke pejabat ataupun bekerja atau mengajar di sekolah-sekolah yang tidak mengikut peraturan moral kita. Mereka pergi ke pejabat dengan pakaian yang menjolok mata. Ini patut dibendung, patut kita adakan satu peraturan iaitu siapa juga pergi ke pejabat atau pergi bekerja di sekolah, dia tahu apa pakaian yang dia hendak pakai. Kalau hendak ke pasar, hendak ke panggung wayang, hendak ke kelab malam dia tahu apa pakaian dia

hendak pakai, tetapi kalau hendak ke pejabat Kerajaan hendak bekerja walaupun dia tidak bekerja dengan Kerajaan, tetapi apabila hendak pergi berjumpa pegawai di pejabat, hendak masuk ke pejabat, dia tahu apa pakaian mesti dipakai supaya tidak melanggar peraturan-peraturan moral yang dibuat oleh Kerajaan. Jadi kita dapati bahawa rakyat kita berdisiplin, tidaklah pergi ke pejabat dengan pakaian gaun singkat yang kita tidak sanggup memandang atau dengan pakaian baju panas sahaja. Oleh sebab kita tidak ada peraturan seumpama itu maka orang boleh masuk ke pejabat dengan pakaian ikut suka hati. Saya rasa negara kita hari ini sudah sampai masanya mempunyai satu peraturan moral yang difikirkan oleh pihak undang-undang sebab kami tidak dapat hendak memberi detail secara halus di sini sedangkan orang-orang yang berkelakuan buruk pun rasanya boleh ditangkap, dan kelakuan tidak sopan pun boleh dilarang. Sekiranya undang-undang moral ini diperbesarkan maka pihak Polis dapatlah mengawal sesiapa yang pada segi undang-undang berkelakuan buruk, bersikap buruk ataupun berpakaian buruk. Walaupun ada orang kata bahawa negeri barat tidak ada peraturan seumpama ini, betul, kita meniru barat, kita mengambil ilmu daripada barat. Ada benda yang kita boleh tiru—pengetahuan, ilmu, boleh ditiru daripada barat tetapi tentang peraturan moral, pakaian, kelakuan, rasa saya kita tidak boleh mengikut barat. Kita mesti ada peraturan dan undang-undang kita sendiri. Hari ini oleh sebab barat tidak ada undang-undang ini, apa telah jadi kepada mereka. Daripada ada pakaian mereka cuba tidak mahu memakai langsung sekarang. Ada yang mencadangkan buat kelab dengan tidak ada pakaian, adakah kita mahu tiru? Ada yang mencadangkan berkahwin dengan tidak ada pakaian, adakah kita mahu tiru? Sebelum perkara ini sampai ke negara kita, saya rasa patutlah ada satu undang-undang yang menyekat perkara ini daripada dilakukan oleh rakyat negeri ini.

Mengenai dengan Biro Narkotik, oleh sebab masalah dadah adalah satu perkara besar, saya mencadangkan bahawa patut Kementerian ini memikirkan satu hukuman yang lebih ketat, yang lebih pedih ataupun perit dirasakan oleh penghisap-penghisap dan pengedar-pengedar dadah. Umpamanya kepada pengedar dadah kita sudah dapat membuat undang-undang penjara seumur hidup atau

pun hukuman mati, tetapi bagi penghisap, pengedar kecil-kecil nampaknya kita memelihara mereka itu dengan adanya pusat-pusat pemulihan dadah daripada penghisap dadah 50% sudah naik 70% sebab mereka terasah bahawa mereka tidak dapat hukuman yang agak menyakitkan mereka walaupun mereka membuat satu kesalahan yang boleh menganiayakan diri sendiri dan menganiayakan orang lain juga apabila mereka telah terlibat dengan dadah. Kementerian ini patut memikirkan cara-cara hukuman yang lebih ketat, umpamanya, baru-baru ini terdapat "Cold Turkey Treatment". Cuba kita jalan-kan di negeri kita, biar sampai penghisap-penghisap dadah ini serik bahawa penjara itu tidak ada bermakna kepada mereka, tetapi hukuman yang perit begini akan mereka rasa sengsara dan bertaubat, mereka tidak akan lagi menghisap dadah. Saya rasa dengan cara macam itu kita akan tidak lagi membuat banyak sangat rumah-rumah, pusat-pusat untuk memelihara mereka yang terlibat dengan dadah ini. Saya perhatikan di sini bahawa oleh sebab Biro ini begitu penting dan kita selalu meminta tambah jawatan atau pegawainya, tetapi kita tengok di sini tahun 1976 ada 60 pegawai dan tahun 1977 cuma 62 sahaja. Saya tengok di sini 2 orang sahaja ditambah dalam Jabatan Biro Narkotik. Saya rasa tentulah perkara ini tidak cukup, mestilah diambil lagi pegawai yang lebih dari setahun ke setahun terutama sekali apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tadi bahawa sudah meningkat kepada ratusan ribu penghisap-penghisap dadah.

Mengenai dengan Biro Siasatan Negara, begitu juga saya nampak pegawainya tidak bertambah. Tahun 1976 332 dan tahun 1977 332 juga, pada hal perkara ini sangat penting dan boleh kita menganggap bahawa kalau tidak dikawal rasuah ini Kerajaan boleh jatuh, boleh roboh dan Kerajaan akan tidak dihormati. Oleh sebab itu, mustahaklah pegawai-pegawai ditambah dengan lebih banyak lagi untuk menyiasat daripada perkara sekecil-kecil sampai sebesar-besar perkara rasuah dengan tidak mengira siapa yang melakukannya dan tidak mengira apa darjat mereka dan tidak mengira apa pangkat mereka. Kalau boleh pihak Kerajaan juga mestilah memikirkan bagaimana Pegawai-pegawai BSN ini dapat dijaga supaya mereka menjalankan tugas dengan tidak ada sedikit pun kebimbangan, tidak ada sedikit rasa tidak terjamin keselamatan sebab kita faham perkara ini ialah menyiasat orang, mencari

rahsia orang lain, tentu mereka akan diugut, tentu nyawa mereka tergugat, tentu keselamatan mereka tidak akan terjamin kalau sekiranya Kerajaan tidak mengawal, dilengkapkan mereka samada dengan senjata ataupun dengan peraturan-peraturan yang sekiranya mereka dapat terjamin keselamatan dalam menjalankan tugas-tugas yang sangat merbahaya ini. Selama ini kita patut memberi pujian yang tinggi kepada BSN yang telah kita nampak mereka menjalankan penyiasatan dengan cukup rapi walaupun di tempat-tempat atau di kalangan yang boleh membahayakan nyawa dan keselamatan mereka. Ini patut kita sanjung tinggi, bukan sahaja kes yang kecil-kecil tetapi kita sudah nampak kes yang besar-besar, terutama sekali penyeludupan dadah, penyeludupan barang-barang dengan kerjasama dari pihak Kastam dan Polis dan juga kita dapat tengok bagaimana BSN mengawal pegawai-pegawai Kerajaan daripada terlibat dengan rasuah.

Saya harap pihak Jabatan ini akan bekerja dengan lebih tegas lagi terutama sekali dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini yang mana Kerajaan akan membelanjakan \$18,000 juta. Dalam melaksanakan rancangan ini pasti ada orang-orang yang berlaku curang, orang-orang yang hendak kaya cepat, orang yang cuba menipu maka tugas BSN saya harap tidak akan bertambah kurang bahkan akan lebih mempergiatkan tanggungjawabnya dan tugas-tugasnya daripada masa yang sudah.

6.37 ptg.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus): Tuan Pengerusi, dalam membahaskan peruntukan yang diminta oleh Kementerian Undang-undang ini saya suka mengambil bahagian sedikit dan saya suka menyebut di bawah Kepala B. 50, Aktiviti (3) Pesaka.

Tuan Pengerusi, oleh kerana amat banyak pengaduan yang diterima mengenai penyelesaian pesaka atau pesaka besar ini untuk pecah kuasa dalam memproses tarekah besar ataupun pecah kuasa bagi tarekah besar ini banyak pengaduan yang kita terima bahawa pihak Kerajaan sendiri amat lambat untuk menyelesaikan satu-satu tarekah. Kadangkala sehingga sampai 10-15 tahun pun ada yang belum selesai sedangkan dari segi ini

pihak Kerajaan kita ataupun pihak Kementerian yang berkenaan menentukan kuasa-kuasa yang ketat, menentukan peraturan-peraturan yang ketat kepada keluarga si mati. Umpamanya, peraturan yang menentukan bahawa apabila seseorang mati maka wangnya yang berada di dalam bank walau berapa banyak sekalipun dibekukan. Kalau terkena kepada satu keluarga yang memang bapanya mempunyai harta tetapi wangnya disimpan di dalam bank, dia mati, selepas daripada mati bapanya sudah tentulah anak-anaknya itu akan seolah-olah menjadi seperti seorang anak kepada orang yang miskin, sebab wangnya itu tidak dapat dikeluarkan, lebih-lebih lagi kalau si ayah atau si mati itu seorang peniaga, maka kepada anaknya yang hendak meneruskan perniagaan si ayah tadi sudah tentu menjadi kesukaran yang amat sangat untuk hendak dijadikan modal pusingan bagi meneruskan perniagaannya. Dalam hal ini, saya berasa amat simpati kepada keluarga-keluarga si mati yang bernasib tidak baik. Saya tidak mengatakan masalah pesaka kecil, sebab pesaka kecil itu diselesaikan di peringkat Pejabat Daerah dan boleh diselesaikan dengan cepat, tetapi pesaka-pesaka besar, tarikh-tarikh besar ini yang menjadi masalah.

Selain daripada itu cukai (death duty) yang dikenakan kepada keluarga si mati ini bagi menyelesaikan harta pesaka itu amat tinggi pada pendapat saya. Saya pun kurang faham di manakah pihak Kerajaan memikirkan apabila seseorang itu mati meninggalkan harta pesakanya yang banyak yang Kerajaan mengenakan cukai yang begitu tinggi, sedangkan seseorang yang mati semasa dia hidup, dia telah membayar berbagai-bagai cukai kepada Kerajaan, berbagai-bagai jenis cukai yang dikenakan oleh Kerajaan telah dibayar oleh seseorang itu, apabila beliau mati si keluarga ataupun si warisnya untuk hendak pecah kuasa ini dikenakan duti yang tinggi. Jadi, saya merayu kepada Kementerian yang berkenaan supaya mengkaji semula masalah ini, lebih-lebih lagi masalah kelambatan tadi, tolonglah fikir Kementerian yang berkenaan kalaulah terkena kepada satu-satu keluarga sampai 10 tahun lebih, sampai 15 tahun belum selesai sedangkan harta itu dibeku sementara diselesaikan, tentulah satu penderitaan yang amat sangat kepada keluarga si mati tadi yang bergantung hidup kepada si ayah. Kecualilah kalau anak-anak itu mempunyai hartanya sendiri, itu tidak dipersoalkan, tetapi kalau meninggalkan anak-anak itu tidak mempunyai harta ataupun

yang tumpang bekerja dengan ayahnya, sedangkan segala harta itu nama ayahnya, walaupun dia kerja, ayahnya beri sebagai gaji sahaja, \$400-\$500 sebulan, apabila mati ayahnya, dia tidak dapat hendak meneruskan usahanya itu. Kalau kepada kontrektor, ia tidak dapat hendak meneruskan kerjanya. Ini satu penganiayaan terhadap keluarga si mati itu. Dalam hal ini, saya merayu bersungguh-sungguh supaya kita tidak lagi akan menerima aduan ataupun pengaduan daripada keluarga-keluarga si mati dalam menyelesaikan hal urusan pesaka mereka.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyampaikan tahniah kepada Kementerian yang berkenaan yang telah mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang tegas dan berani mengenai dengan undang-undang yang akan dibuat supaya membolehkan orang-orang yang bukan Islam apabila melakukan kesalahan-kesalahan khalwat ataupun sebagainya dengan orang Islam supaya boleh didenda. Walaupun di saat-saat akhir ini kita menerima ataupun mendengar bantahan-bantahan daripada orang-orang yang bukan Islam, saya mempunyai keyakinan yang penuh kepada Kementerian yang berkenaan supaya tidak mempeduli, tidak menghiraukan bantahan-bantahan daripada orang-orang yang bukan Islam ini dan meneruskan cita-cita ataupun hasrat Kementerian berkenaan bagi mengadakan undang-undang ini. Kepada orang-orang yang bukan Islam memang telah ditegaskan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa sekiranya orang-orang bukan Islam hendak mengelak daripada terkena hukum senang sahaja, mereka itu jangan melakukan kesalahan dengan orang-orang Islam. Ini yang kita mahu, tidak payah orang-orang yang bukan Islam takut dengan undang-undang ini. Kalau orang-orang bukan Islam ini takut undang-undang ini bererti memang ada di hati kecil orang-orang yang bukan Islam dalam negeri ini hendak mencero bohi orang-orang Islam yang ada di dalam negeri, hendak mengkhianati orang-orang Islam, sedangkan apa kurangnya orang-orang bukan Islam di dalam negara kita. Pergilah dengan orang-orang yang bukan Islam itu. Kenapa hendak cari dengan orang Islam? Kalau tidak ada niat jahat yang ada di dalam hati orang-orang yang bukan Islam untuk melakukan kesalahan dengan orang-orang Islam.

Dalam masalah ini, saya memberi sokongan kuat. Saya rasa bangga dengan kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh pihak

Kementerian yang berkenaan supaya undang-undang ini disegerakan di bawa ke Parlimen dan dapat dijalankan dengan tegas, sebab sepanjang masa yang lepas ini kita mendengar di mana-mana sahaja sekiranya orang-orang yang bukan Islam melakukan khalwat dengan orang-orang Islam, orang-orang Islam sahaja didenda dan orang-orang bukan Islam itu sedap, dilepas begitu sahaja. Kalau ada pihak mahkamah itu tersalah mendenda orang yang bukan Islam itu maka dipaksa membayar balik. Ini satu keaipan yang besar kepada umat Islam dalam negara kita ini apabila orang bukan Islam mencero boh orang Islam, orang Islam sahaja yang kena denda dan orang bukan Islam sedap sahaja. Itulah sahaja dan terima kasih.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Petaling dan selepas itu saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.47 ptg.

Tuan Oh Keng Seng (Petaling): Tuan Pengerusi, saya ingin berucap dalam satu dua perkara sahaja dalam perbahasan Kementerian Undang-undang.

Yang pertama, saya hendak sentuh Kepala B. 49, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (3) Perkhidmatan Pendakwaan, muka surat 353.

Tuan Pengerusi, dalam perkara ini saya suka mengesyorkan kepada Kerajaan khasnya Kementerian Undang-undang untuk menghapuskan sistem yang ada sekarang dalam court di mana apabila seorang accused person atau orang-orang yang didakwa dalam criminal case, accused person ini ada dalam perbicaraan dan ada di dalam dock di court. Sistem ini, rasa saya tidak memuaskan, oleh kerana negara kita ialah menjalankan undang-undang dan seorang yang didakwa atau accused person tidak bersalah selepas menegakkan kesalahannya. Jadi, patutlah orang-orang yang didakwa tidak patut dipaksa duduk di dalam dock di mahkamah.

Tuan Pengerusi, saya suka menarik perhatian Kementerian dalam court case baru-baru ini di Mahkamah Tinggi, kes Datuk Harun di mana accused person, Datuk Harun

.....

Tuan Pengerusi: Kes ini masih dalam pertimbangan mahkamah.

Tuan Oh Keng Seng: Tetapi saya hendak sebut tentang syor sahaja.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat telah menyebutkan satu kes yang khusus, sebab itu tidak boleh. Boleh bercakap atas perkara lain.

Tuan Oh Keng Seng: Tuan Pengerusi, saya tidak bercakap dalam kes. Apa yang saya cakap ialah accused person tidak duduk dalam dock di mahkamah. Ini adalah satu langkah (precedent) yang baik tetapi apa yang saya hendak tanya dalam kes ini, apa sebab kita jalankan dua undang-undang. VIP tidak masuk dalam dock, tetapi orang biasa mengenai criminal case ada masuk dalam dock. Saya setuju patut semua, samada accused person itu VIP atau orang biasa, patut tidak usah dipaksa duduk dalam dock di mahkamah sebelum mereka dihukum salah. Ini saya mencadangkan kepada Kementerian supaya menghapuskan dock system bahawa accused person terpaksa duduk dalam dock atas court case, sebab kita sekarang ada nampak satu precedent yang baik patutlah kita ikut memberi bersama-sama equality kepada semua orang.

Tuan Pengerusi, satu perkara yang saya suka sebutkan di sini ialah Bekalan B. 49, muka surat 353, Aktiviti (5) Legal Aid Services. Beberapa Ahli Yang Berhormat ada mengesyorkan kepada Kerajaan untuk meluaskan dan membuka lebih banyak pejabat di negeri-negeri yang tidak ada pejabat itu sekarang untuk memberi perkhidmatan bantuan guaman kepada orang-orang. Saya suka mengesyorkan kepada Kementerian supaya meluaskan aktiviti dan skop-skop tentang perkhidmatan bantuan guaman dalam perkara ini. Nampak saya Jabatan ini hanya beri bantuan limited services dalam perkara ini, tidak memberi bantuan seperti criminal cases. Sungguhpun saya dapat tahu Jabatan ini ada memberi sedikit bantuan kepada orang-orang dalam criminal cases apabila mereka mengaku salah sahaja. Ini saya ingat tidak memuaskan dan saya harap Jabatan ini memberi bantuan kepada orang-orang yang berpendapatan rendah dan tidak ada wang untuk mencari private lawyers dalam legal services.

Tuan Pengerusi, yang akhir sekali saya suka ambil perhatian mengenai B.S.N. dalam satu komplek yang tetap dari satu company bernama Pawagam Damai dari No. 183, Jalan Tengah, Sekinchan, Selangor.

Tuan Pengerusi, Pegawai Daerah Sabak Bernam telah meluluskan satu keping tanah di Sekinchan kepada seorang yang bernama Lim Kim Tui, memberi kuasa kepada beliau membuat satu panggong wayang gambar yang baru di tanah itu di bawah pajakan negeri. Tanah ini ialah Sate Reserve Land yang diberi kepada L.L.N. tetapi tuan D.O. telah memberi kebenaran kepada Encik Lim mendirikan sebuah panggong wayang gambar. Encik Lim ialah seorang taukeh, dahulu menjalankan panggong wayang juga, tetapi pada bulan Februari, 1976 beliau telah gagal dalam satu tender membaharui berniaga panggong wayang. Beliau memohon satu keping tanah dari D.O. dan tuan D.O. telah beri kebenaran kepada beliau membuat sebuah panggong wayang baru. Tetapi tanah ini ialah State Reserve Land yang dipunyai oleh L.L.N. dan permohonan Encik Lim, selepas beliau telah gagal dalam tender membaharui perniagaannya, beliau terus meminta dari tuan D.O. dalam bulan Februari. Dan dalam bulan Mac tuan D.O. telah meluluskan permohonan Encik Lim dan dalam 20 hari satu panggong wayang yang baru telah didirikan di Pekan Sekinchan.

Tuan Pengerusi: Bangunan itu telah siap dalam tempoh 20 hari?

Tuan Oh Keng Seng: Ya, sudah siap. Ini sangat hairan.

Tuan Pengerusi, pada 11hb Mac, Encik Lim meminta, belum dapat kebenaran, tetapi kelulusan panggong wayang sudah dibuat. Pada 2hb Mac Pengarah Tanah dan Galian dapat komplek dan beliau telah tulis surat kepada tuan D.O. memberi arahan supaya tanah reserve itu tidak boleh didirikan rumah dan sebagainya dan Pengarah Tanah dan Galian telah meminta siasatan dan laporan dari tuan D.O. tetapi sampai sekarang tidak ada jawapan.

Tuan Pengerusi, pada 1hb Mac, Pawagam Damai—panggong wayang taukeh baru yang dapat tender itu melalui peguamnya menulis surat kepada D.O. meminta siasatan atas perkara itu, tetapi tidak ada jawapan pun dari tuan D.O. Mereka pun ada berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Menteri

Besar Selangor memberi komplek atas perkara ini, tetapi langsung tidak ada jawapan. Dan mereka pun ada tulis beberapa surat kepada Setiausaha Kerajaan Negeri

Tuan Pengerusi: Mereka ini siapa?

Tuan Oh Keng Seng: Pawagam Damai yang dapat panggong wayang yang lama itu. Mereka ada tulis beberapa surat tetapi tidak ada jawapan dan ada memberi surat salinan kepada B.S.N. untuk siasatan atas perkara ini. Tetapi langsung tidak ada jawapan. Jadi kalau orang tulis surat kepada B.S.N. tidak ada jawapan, apa tindakan, apa langkah-langkah orang biasa boleh ambil? Jadi saya harap . .

Tuan Pengerusi: Dia hantar surat kepada B.S.N.kah atau salinannya sahaja?

Tuan Oh Keng Seng: Salinan sahaja. Salinan pun, saya ingat cukup kalau B.S.N. kuat menjalankan perkara ini.

Saya harap Yang Berhormat Menteri mengambil perhatian atas perkara ini dan siasat di mana komplek dari orang ramai sebab ini adalah satu contoh yang terang dan nyata dan saya rasa barangkali ada korupsi. Kalau tidak apakah sebab Kerajaan boleh beri tanah kepada seorang dalam masa satu bulan, tanah itu adalah tanah rezab. Kalau begitu senang dapat surat, saya ingat hari ini tidak ada orang komplek lagi tentang Kerajaan. Barangkali ini ada korupsi. Saya harap Kerajaan akan ambil berat di atas perkara ini sebab telah 10 bulan lamanya beberapa surat telah ditulis mengenai perkara ini tetapi tidak ada jawapan.

Tuan Pengerusi, saya harap Kementerian berkenaan akan memberikan satu jawapan tentang perkara ini kerana melibatkan kepentingan orang ramai.

7.01 mlm.

Tuan Rais Yatim: Tuan Pengerusi, saya ucapkan pertamanya setinggi-tinggi terima kasih kepada ketujuh-tujuh Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan bagi bekalan perbelanjaan untuk Kementerian Undang-undang tahun 1977. Pertamanya saya cuba menjawab perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat bersabit dengan kesangsian beliau terhadap tindakan kepada jerung-jerung

besar dan ikan-ikan kecil. Sebenarnya masalah ini telah banyak kali ditimbulkan dari sisi undang-undang dan dari sisi tindakan yang diambil oleh B.S.N. tidak ada beza antara orang besar dan orang kecil dan oleh itu di mana sahaja didapati bukti terhadap rasuah ataupun perkara berlaku yang bersabit dengannya, penelitian dan tindakan akan diambil. Di atas cadangan-cadangan beliau itu adalah diambil perhatian, tetapi suka saya menerangkan di sini iaitu sekiranya A memberi sumbangan atau derma yang ikhlas kepada B dan jika B menyelewengkan pemberian itu maka tidaklah berpatutan untuk diambil tindakan kepada A oleh kerana tujuan A tadi adalah semata-mata untuk memberi derma. Apa yang dibuat oleh B terhadap derma itu adalah soal kedua.

Perkara yang bersabit dengan si pemberi dan si penerima juga saya suka menjelaskan sebagai contoh iaitu seorang peniaga kayu balak yang terkemuka di Sabah iaitu seorang yang didapati sebagai pemberi juga telah diambil tindakan di atasnya. Ini menunjukkan B.S.N. adalah menjalankan tugas dalam semua bidang dan apabila butir-butir bersabit dengan saksi adalah cukup maka tindakan akan diambil.

Terhadap perkara-perkara yang disabitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, saya cuba menjawab secara am. Kesemuanya ada 8 perkara yang ditimbulkan oleh beliau itu. Pertamanya bersabit dengan kekurangan tindakan terhadap orang-orang atasan yang beliau bangkitkan diambil oleh B.S.N. Sekali lagi adalah dinafikan bahawa ada penyisihan antara tindakan yang diambil kepada mana-mana golongan rakyat. Saya tidak dapat menerima dakwaan beliau iaitu kepanasan kes-kes rasuah itu sudah malap ataupun kegiatan B.S.N. menghadapi kes rasuah sudahpun berunduran. Sebenarnya banyak perkara yang tidak dapat disampaikan kepada pengetahuan umum. Oleh itu kes-kes itu adalah disimpan dan dijalankan tindakan di atasnya mengikut budibicara dan bidang kuasa kepada pegawai yang berkenaan. Bukan bermakna bila kurang berita dalam surat khabar kurangnya pula tindakan yang dijalankan oleh B.S.N. Ini tidak sekali-kali demikian. Malahan pada masa ini berani dan boleh saya maklumkan bahawa tindakan yang dijalankan oleh B.S.N. adalah bersamaan dengan keadaan yang ada di negara kita yang memerlukan tindakan serta merta. Beliau juga menyatakan bahawa

Pemuda UMNO melalui Ketuanya Yang Berhormat dari Panti mahu menghapuskan B.S.N. Itu juga tidaklah betul, dari mana beliau itu dapat sumber itu saya sendiri tidak tahu. Dan perkara ini perlulah diterangkan samasekali iaitu setakat ini tidak ada cadangan dari mana-mana pihak untuk membubarkan atau membasmi B.S.N. malahan inilah salah satu daripada harapan negara untuk menjaga nama baik dan juga integrity bangsa dan negara kita. Kita berharap dan saya yakin B.S.N. akan terus memainkan peranannya yang demikian.

Mengenai pemecahan tanah di Melaka yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, sebenarnya memang ada perutusan atau surat yang disampaikan kepada BSN dan pada masa ini BSN masih menjalankan penyiasatan di atasnya. Tidak dapatlah diberi butir-butir bersabit dengan apakah perlu diambil dan sekiranya ada tanda-tanda bukti yang perlu untuk pendakwaan di mahkamah maka barulah akan dijalankan kes tersebut. Perlu diingatkan iaitu penelitian dalam satu-satu kes itu amat perlu, oleh itu tidak boleh dijalankan tindakan dengan serta merta.

Tuan Pengerusi, Peguam Negara adalah sentiasa menjalankan bidang tugas beliau di bawah Perkara 145 Perlembagaan dan beliau adalah ditugaskan oleh Kerajaan menentukan apakah kes yang perlu dihadapkan atau didakwa di mahkamah. Oleh yang demikian, bersabit dengan kenyataan akhbar yang diulas oleh Ahli Yang Berhormat pada 2hb Ogos itu, terserah kepada budi bicara beliau sebagai peguam negara dan sekiranya perkara itu ditimbulkan semula maka kita akan mencari jalan penyelesaian ataupun penelitian yang lebih mendalam. Samada sesuatu pernyataan itu menghasut atau tidak, itu tidaklah boleh diputuskan oleh beliau tetapi oleh budibicara pihak yang berkenaan iaitu Pendakwa Raya.

Mengenai mistri Botak Chin, beliau mendakwa bahawa sejumlah \$76,000 dibayar kepada pihak Polis. Ini juga saya soalkan dari mana beliau itu mendapat sumber maklumat tersebut dan tidak boleh bagi seorang Ahli Yang Berhormat umpamanya mengutamakan perkara seperti ini oleh kerana kita tidak ada bukti yang sah dan teguh bersabit dengannya. Walau bagaimanapun, kalau dapat dikemukakan kes ini seperti kenyataan yang lebih daripada apa yang beliau nyatakan itu, saya percaya pihak yang berkuasa akan dapat menjalankan tindakan.

Sekali lagi saya suka mengulas iaitu samada Peguam Negara mengambil tindakan melalui Akta Keselamatan Dalam Negeri atau di bawah mana-mana peruntukan Kanun Penjenayahan, itu diserahkan kepada kuasa beliau sebagai Pendakwa Raya.

Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson, saya suka mengucapkan terima kasih atas pandangan beliau supaya Kerajaan menambah peruntukan sebagai sumbangan tahunan kepada PEMADAM. Suka saya membetulkan sedikit iaitu bukan \$100 setahun yang disampaikan oleh Kerajaan Pusat tetapi sekurang-kurangnya \$100,000 setahun. Jadi sekiranya tidak cukup perkara ini bolehlah dikemukakan dan diminta supaya aktiviti atau kegiatan menentang salahguna dadah di negara kita akan dapat dijalankan menurut keperluan yang setimpal dengan keadaan yang ada pada masa ini. Beliau juga menimbulkan kesangsian terhadap kurangnya atau ketiadaan pejabat Biro Bantuan Guaman di Perak. Ini juga saya suka betulkan untuk rekod iaitu pejabat Pusat Biro Bantuan Guaman telahpun ditubuhkan di Ipoh baru-baru ini dan perkhidmatan telahpun berjalan di Perak. Pada masa ini hanya Pulau Pinang yang belum beroleh perkhidmatan ini tetapi mengikut langkah-langkah yang telah diambil adalah dijangka kegiatan dan perkhidmatan Biro ini juga akan dapat ditubuhkan di Pulau Pinang menjelang permulaan 1977.

Ahli Yang Berhormat dari Parit telah mengemukakan rasa tidak puas hati beliau terhadap bayaran \$3 yang disampaikan kepada saksi-saksi yang datang bertugas sebagai saksi-saksi di mahkamah. Walaupun soal ini letaknya di bawah bidang kuasa Jabatan Kehakiman dan oleh itu di bawah Jabatan Perdana Menteri, namun sukalah saya memberi jaminan bahawa sebenarnya memang sudah ada ura-ura dan perasaan Kerajaan untuk meneliti semula keadaan ini supaya lebih setimpal dengan tugas yang dilakukan oleh seseorang saksi itu. Kita juga perlu mengekalkan dan oleh itu barang siapa yang memberi keterangan itu adalah dianggap sebagai membantu jentera keadilan dalam negara kita.

Ahli Yang Berhormat dari Ledang menyuarakan sekali lagi perasaan beliau bersabit dengan perlunya undang-undang moral itu diketengahkan buat masa ini. Pada peringkat ini belum dapat saya tambah samada untuk menerangkan lagi ataupun menambah kepada apa yang telah dinyatakan

oleh Yang Berhormat Menteri Undang-undang sendiri dalam Dewan ini baru-baru ini. Namun demikian, sekiranya cadangan yang telah dikemukakan itu dapat dipraktikkan menerusi undang-undang, saya percaya sebahagian daripada masalah yang telah dikemukakan oleh alim-ulama khususnya oleh orang-orang Islam akan dapat penimbang-taraan yang lebih dari masa ke semasa. Saya adalah bersimpati bersabit dengan cadangan beliau ini supaya mengadakan undang-undang moral seluruhnya, tetapi sebagaimana perka-taan moral itu perlu kita teliti, ianya adalah satu bidang yang amat luas dan oleh yang demikian berbagai penelitian dan kajian perlu kita gerakkan sebelum satu-satu tindakan atau langkah dapat kita ambil menerusi undang-undang. Ada percubaan dibuat umpamanya di negeri sebelah barat dan Jepun untuk menguatkuasakan undang-undang bersabit dengan moral ini. Kebanyakan dari usaha-usaha itu menemui kegagalan oleh kerana definisi yang bersabit dengan morality ini adalah bidang yang amat meluas. Tetapi walaupun demikian usaha akan juga diadakan dan melalui kajian yang mungkin dapat dijalankan oleh Kementerian ini sedikit masa lagi sesuatu penjelasan akan dapat diberi bersabit dengan persoalan ini.

Saya berterima kasih kepada beliau oleh kerana cadangan untuk menambahkan lagi kakitangan bagi Pusat Biro Narkotik yang pada masa ini sebenarnya hanya mempunyai 23 orang pegawai bukan seperti Ahli Yang Berhormat itu nyatakan. Itu adalah melibatkan semua kakitangan. Sebenarnya, pegawai bertugas 23 orang. Oleh itu, saya sendiri adalah menyetujui bahawa kakitangan atau pegawai-pegawai penyiasat dalam soal ini tidak cukup. Oleh itu, pada masa ini langkah sedang diambil dengan pesatnya supaya ditambah kakitangan ini agar pintu masuk dari negeri-negeri jiran umpamanya akan dapat diawasi dengan lebih sempurna.

Bersabit dengan kakitangan atau pegawai-pegawai B.S.N., saya telah terangkan dalam ucapan permulaan tadi bahawa tambahan akan dibuat di dalam jangka Rancangan Malaysia Ketiga dan berharap apabila tingkatan kepegawaian ini bertambah bagi B.S.N. begitu jugalah perkhidmatannya untuk bangsa dan negara kita.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus menyuarakan perasaan tidak puashati bersabit dengan harta pesaka yang besar. Secara ringkas dapatlah saya jawabkan iaitu ada

berbagai-bagai sebab bagaimana dan kenapa pengurusan pesaka ini lewat hingga memakan masa bertahun-tahun. Salah satu daripadanya ialah pertelingkahan daripada waris-waris, yang kedua bersabit dengan tidak tahunya pihak berkuasa tentang adanya orang-orang yang menuntut atas kuasa atau atas pesaka ini. Selain daripada itu pula adalah didapati masaalah-masaalah lain umpamanya tidak ada perhubungan antara si mati dengan orang yang mewarisi dan perkara-perkara yang bersabit dengannya.

Berhubung dengan cukai mati (death duty) ini kita tidak dapat mengelakkan oleh kerana sudah menjadi sebahagian daripada perundangan negara bahawa duti atau cukai atas harta si mati perlulah dikenakan. Tinggal lagi jumlah yang dikenakan ini adalah berbeza dari sejenis harta kepada harta yang lain. Sekiranya Ahli Yang Berhormat itu mempunyai satu-satu kes yang tertentu bersabit dengan tuntutan harta pesaka ini saya harap beliau akan dapat mengemukakan terus-menerus kepada Kementerian agar dapat diteliti dengan halus akan kes yang tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling mengemukakan tiga perkara yang besar iaitu pendakwaan orang-orang salah dalam dock dan juga harapan beliau supaya sistem ini dihapuskan. Sistem ini tidak dapat dihapuskan oleh kerana ianya terkandung dalam aturcara C.P.G. yang ada pada masa ini dan juga telah menjadi salah satu daripada sistem perbicaraan kita di negara ini. Sekiranya seseorang itu memberi maklumat atau keterangan melalui dock maka ini adalah diambil lebih berat oleh mahkamah, weightage adalah lebih kepada keterangan-keterangan yang diberi dalam dock daripada di luar. Oleh itu, adalah terserah kepada pihak-pihak yang berkenaan dan juga Mahkamah samada untuk membenarkan atau tidak seseorang itu masuk ke dalam kandung yang disebutkan itu. Sebenarnya perkara ini tidak perlu dibincang di peringkat Dewan ini, memadai dengan urusan guaman yang ada menerusi peguam masing-masing.

Legal Aid Bureau atau Perkhidmatan Biro Bantuan Guaman ini memang ada cadangan untuk diperluaskan bagi tahun 1977 dan proses dan langkah sedang diambil oleh Pengarahnya agar beberapa aspek lagi

dapat ditambah kepada senarai Jadual yang berkenaan agar munafaatnya dapat dirasakan oleh rakyat lebih meluas lagi.

Berhubung dengan Panggung Wayang Damai atau Pawagam Damai ini, setakat ini belum dapat diulas setakat mana kedudukan kes ini, walau bagaimanapun saya akan meminta B.S.N. meneliti semula hal ini sekiranya surat sebenarnya diedar, tetapi tadi Ahli Yang Berhormat menyatakan hanya salinan disampaikan. Oleh itu, sekiranya tidak ada surat sah atau surat pengaduan yang tepat B.S.N. ini adalah menghadapi berbagai-bagai aduan setiap hari. Sebagaimana saya sebutkan tadi adalah beribu aduan diterima. Kalau hanya salinan didapati maka keberatan bagi B.S.N. meletakkannya kepada keutamaan (priority) yang diperlukan. Walau bagaimanapun, penyiasatan ini saya percaya adalah dalam bidang kuasa B.S.N. pada masa ini dan keputusannya akan disampaikan sedikit masa lagi. Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$9,540,000 untuk Kepala B. 49, \$1,381,100 untuk Kepala B. 50 dan \$1,115,900 untuk Kepala B. 51 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Sekarang Majlis akan menimbangkan Anggaran Perbelanjaan di bawah Kepala Bekalan 52 dan Kepala Pembangunan 52 di bawah Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat. Saya jemput Yang Berhormat Menteri mengemukakan.

7.17 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban): Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya

Tuan Pengerusi: Sabar dahulu. Sebenarnya mengikut Peraturan Mesyuarat baru 66 (20), kalau tak salah saya, hanya Anggaran Perbelanjaan Pembangunan sahaja yang boleh termasuk istilah Setiausaha Parlimen boleh mengemukakan, tetapi kalau Bahagian Jadual hendaklah Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri.

Saya tarik perhatian Yang Berhormat kepada Peraturan Mesyuarat 66 (20) iaitu tambahan kepada pindaan Peraturan Mesyuarat ini iaitu:

Masukkan satu Peraturan Mesyuarat baru 66 (20) seperti berikut:

"66. (20) Bagi maksud Fasal-fasal (14), (18) dan (19) Peraturan Mesyuarat ini, Menteri hendaklah termasuk juga Setiausaha Parlimen."

Tetapi perenggan (14) menyatakan begini:

"(14) Apabila masaalah yang disebutkan dalam perenggan (13)" iaitu perenggan (13):

"(13) Apabila menimbangkan dalam Jawatankuasa sesuatu usul yang disebutkan dalam perenggan (2) berkaitan dengan Anggaran Pembangunan bagi tahun berkenaan"

Timbalan Menteri Perumahan dan Kemaajuan Perkampungan (Datuk Haji Ramli bin Omar): Tuan Pengerusi, saya mohon izin bagi pihak Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat untuk membentangkan Anggaran Perbelanjaan, 1977.

Tuan Pengerusi: Bagi Pembangunan Setiausaha Parlimen boleh, tetapi bagi Jadual terpaksa Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri membentangkan.

Kepala B. 52 (Jadual)

Kepala P. 52 (Anggaran Pembangunan, 1977)

7.20 mlm.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kemaajuan Perkampungan (Datuk Haji Ramli bin Omar): Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya peruntukan sebanyak \$25,165,929 yang dikehendaki di bawah Kepala B. 52 dan P. 52 Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dijadikan sebahagian dari jadual Anggaran Perbelanjaan Tahun 1977.

Peruntukan ini terdiri dari \$18,589,000 untuk perbelanjaan mengurus dan \$6,576,929 perbelanjaan pembangunan. Angka belanja mengurus mengandungi tambahan lebih kurang 5% sahaja kepada peruntukan tahun 1976. Tambahan ini, sebenarnya, adalah tambahan perbelanjaan tahunan yang tidak dapat dielakkan bagi menampung beban tugas Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat. Untuk

makluman Dewan, daripada jumlah tambahan ini, sebanyak \$980,290 adalah diperlukan bagi tambahan gaji kakitangan, yang sedia ada dan termasuk gaji untuk kakitangan seramai 108 orang yang dibenarkan bagi Kementerian bagi tahun 1977. Tambahan yang diperlukan oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat bagi Pecahan Kepala selain dari gaji adalah termasuk sebanyak \$473,710 bagi perbelanjaan-perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan, \$53,800 bagi Pembelian Harta Modal dan \$32,200 bagi Pembayaran dan Kenaan Bayaran Tetap. Keterangan-keterangan lanjut mengenai perbelanjaan ini adalah sebagaimana yang diterangkan di dalam Kertas Perintah 39 tahun 1976.

Peruntukan-peruntukan yang diperlukan oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat adalah bagi mencapai matlamat utama Kementerian seperti berikut:

- (i) Menyusun semula dan menggalakkan tenaga kerja yang seimbang antara kaum selaras dengan Dasar Ekonomi Baru;
- (ii) Memelihara, memajukan dan memperbaiki kebajikan dan kesejahteraan pekerja-pekerja;
- (iii) Memajukan keselamatan pekerjaan dan kesihatan dengan menekankan kepada pengawalan kekotoran dalam kilang-kilang dan tempat-tempat di mana jentera digunakan;
- (iv) Memelihara perhubungan yang baik di antara majikan dan pekerja dan memajukan pertubuhan-pertubuhan dan jentera perhubungan perusahaan yang sihat, bertanggungjawab dan menggalakkan pengeluaran.
- (v) Menyediakan perkhidmatan latihan dalam kemahiran-kemahiran perusahaan kepada tenaga kerja bagi memenuhi keperluan kemahiran yang asas dan "advanced" dan menyediakan piawaian-piawaian dan persijilan untuk kemahiran ini;
- (vi) Menyediakan kemudahan penempatan pekerja-pekerja bagi mencapai kegunaan tenaga rakyat kita yang lebih berkesan; dan
- (vii) Menyediakan data mengenai tenaga manusia yang diperlukan oleh negara dan ciri-ciri permintaan dan penawaran pasar buruh.

Matlamat-matlamat ini dan aktiviti-aktiviti ini adalah penting bagi negara kita untuk menggalakkan perkembangan ekonomi negara, meninggikan pendapatan pekerja-pekerja Malaysia dan menyusun semula masyarakat kita, dalam konteks Dasar Ekonomi Baru.

Dua di antara kegiatan yang akan dapat perhatian yang berat dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga di Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat adalah:

Usaha-usaha meluaskan peluang-peluang untuk latihan perindustrian bagi mengujudkan tenaga kerja yang mahir, dan Socso.

Jabatan Tenaga Rakyat di Kementerian adalah diberi peruntukan yang besar dalam Anggaran Belanja Mengurus dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan. Di bawah Kepala Pembayaran 52, sebanyak \$6,491,696 telah dicadangkan bagi meluaskan lagi kemudahan-kemudahan untuk latihan perindustrian, dengan pembenaan 3 lagi Pusat Latihan Perindustrian, iaitu di Kuala Trengganu, Johor Bahru dan di Sabah. Dengan ini Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat akan mempunyai lima buah Pusat Latihan Perusahaan, iaitu di samping yang ada di Kuala Lumpur dan di Prai.

Dalam tahun 1975, seramai 1,516 orang telah diberi latihan di Pusat-pusat di Kuala Lumpur dan Prai, dalam berbagai Kursus, dan pada tahun ini bilangan pelatih-pelatih akan bertambah ke angka 2,000 orang. Termasuk dalam pelatih-pelatih ini adalah Perajurit-perajurit dalam Angkatan Tentera kita. Dalam 2 tahun ini, lebih daripada 800 orang perajurit telah diberi latihan pemulihan dalam berbagai lapangan untuk menyenangkan mereka memasuki kehidupan civilian, selepas mereka bersara daripada Tentera. Mereka diberi 12 bulan latihan dalam kemahiran tertentu dan selepas itu ditempatkan dalam industri-industri untuk menggenapkan latihan mereka.

Tambahan pula, dengan adanya sekim piawai ketukangan, pelatih-pelatih ini selepas kemahiran mereka diuji, diberi Sijil-sijil menentukan peringkat kemahiran mereka. Sijil-sijil ini telah dapat perakuan yang penuh daripada pihak majikan. Piwai ini telah ditentukan untuk 23 jenis ketukangan dan setakat ini seramai 2,710 calon telah lulus

dalam Peringkat Asas dan di Peringkat Pertengahan. Teramai sekali dalam pemegang sijil-sijil ini adalah dari kaum Bumiputra.

Kegiatan-kegiatan latihan ini akan dapat terbahannya dengan pembinaan 3 buah lagi Pusat Latihan Perindustrian yang dicadangkan ini. Capacity sesebuah Pusat ini adalah seramai 420 orang pelatih sekali. Pelatih yang boleh dilatih pada setahun di sesuatu Pusat ini akan berjumlah lebih daripada 1,000 orang, oleh kerana setengah Kurusus ini adalah bagi beberapa bulan sahaja.

Tambahan lagi, 3 jenis ketukangan akan juga dibuka di Pusat-pusat yang sedia ada di Kuala Lumpur dan Prai—Ketukangan-ketukangan tool and dye making, offset printing dan Industrial Electronics akan dikemukakan bagi pertama kali, memandang kepada kepentingan kemahiran ini dalam process perkembangan perindustrian negara kita.

Pada masa ini, Sekim Keselamatan Sosial (SOCO) menjalankan 2 jenis sekim insuran keselamatan sosial iaitu Employment Injury Scheme dan Invalidity Pension Scheme di 33 Pusat di seluruh Malaysia. Jumlah pekerja yang berinsuran di seluruh negara pada akhir bulan September, 1976 adalah lebih kurang 740,000 orang dan jumlah caruman bersih yang dipungut telah meningkat ke \$75 juta.

Coverage Sekim SOCO adalah di cadangkan akan diperluaskan lagi dalam tahun 1977. Pada bulan ini, 5 Daerah penuh telah dimasukkan dalam perlindungan sekim ini, iaitu Negeri Perlis dan Pulau Pinang pada keseluruhannya, serta Daerah Kinta, Pontian dan Johor Bahru. Ini bermakna bahawa semua pekerja dalam Daerah-daerah ini mendapat perlindungan SOCO. Dalam tahun 1977, kami cadang meluaskan ini lagi untuk meliputi lebih lagi daerah termasuk daerah-daerah luar bandar untuk memberi perlindungan bagi pekerja-pekerja di ladang-ladang, lombong-lombong dan Pusat Instituti-institusi Pekerjaan yang lain.

PERKESO (SOCO) sekarang ini, sedang mengkaji mengenai kemungkinan mengadakan sekim keselamatan Sosial Desa bagi meliputi petani-petani dan nelayan. Kajian ini adalah di dalam peringkat akhir dan laporan kajian itu sedang disediakan untuk keputusan Kerajaan dalam tahun 1977. Langkah ini, jika didapati praktikal, akan membuka satu bab

yang baru dalam Undang-undang Buruh di Negara kita, yang telah sejak ini dihadkan kepada pekerja-pekerja bergaji.

Dengan itu, Tuan Pengerusi, saya sekali lagi memohon mencadangkan supaya Dewan ini meluluskan peruntukan sejumlah \$18,589,000 di bawah Kepala B. 52 dan \$6,576,929 di bawah P. 52 yang diperlukan oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat ini.

7.30 mlm.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk berucap atas Anggaran Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan saya ingin menggunakan kesempatan ini untuk menyentuh dua tiga perkara yang saya anggap adalah penting.

Yang pertama, saya ingin merujuk kepada Aktiviti (2)—mengenai Buruh dan Perhubungan Perusahaan.

Atas perkara Buruh dan Perhubungan Perusahaan, saya ingin merujuk kepada Akta Perhubungan Perusahaan 1967.

Sungguhpun beberapa pindaan-pindaan telah dibuat kepada Akta Perhubungan Perusahaan 1967 pada bulan April tahun yang lepas di dalam Dewan ini, saya terpaksa menegaskan di sini bahawa Akta tersebut adalah kurang memuaskan.

Kesatuan-kesatuan Sekerja dan pekerja-pekerja Malaysia di seluruh negara masih tidak berpuas hati dengan peruntukan-peruntukan yang wujud sekarang dalam Akta Perhubungan Perusahaan, dan selagi pindaan-pindaan lanjut yang sesuai tidak dibuat kepada Akta tersebut, kepentingan pekerja-pekerja akan terancam.

Satu pindaan yang diperlukan dengan segera ialah berkaitan dengan pengiktirafan (recognition) kesatuan sekerja oleh seorang majikan. Di dalam negara kita ini, masih terdapat ramai majikan-majikan yang takut kepada kesatuan-kesatuan sekerja dan mereka membuat apa yang boleh untuk mencegah pekerja-pekerja dari menyertai ataupun menubuhkan kesatuan-kesatuan sekerja.

Sungguhpun pindaan terbaru dalam Akta Perhubungan Perusahaan menyatakan seorang majikan harus menjawab kepada tuntutan sesebuah kesatuan sekerja untuk pengiktirafan dalam masa 21 hari, peruntukan ini masih tidak memuaskan sungguhpun ianya dapat membantu tuntutan kesatuan sekerja.

Apa yang patut dibuat ialah untuk mengadakan pengiktirafan automatik kesatuan sekerja sebaik sahaja pendaftar kesatuan sekerja menentukan bahawa lebih daripada 50% pekerja-pekerja dalam mana satu organisasi (establishment) telah memilih untuk menyertai sesebuah kesatuan sekerja.

Tuan Pengerusi, atas perkara yang sama saya ingin mengatakan sekiranya timbul apa-apa jua pertelingkahan atau pertikaian tentang pengiktirafan mengenai kelayakan ahli-ahli, maka perkara itu patut dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan dengan sertamerta sebagai mana dilakukan sebelum tahun 1969 dan bukan sebagaimana yang dilakukan sekarang di mana Yang Berhormat Menteri yang berkenaan berhak memutuskan samada perkara itu patut dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan.

Berkait dengan soal pemberhentian yang tidak adil sungguhpun pindaan terbaru membolehkan Ketua Pengarah menyelesaikan kes-kes pemberhentian kerja seorang pekerja yang tidak menjadi ahli kesatuan sekerja, dan jika Ketua Pengarah tersebut gagal mencapai penyelesaian, beliau terpaksa memberitahu Menteri yang berkenaan, dan jika Menteri fikir perkara ini patut dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan, maka beliau boleh merujuk perkara tersebut kepada Mahkamah Perusahaan.

Sungguhpun kami menyokong peruntukan yang bertujuan melindungi pekerja-pekerja yang tidak mempunyai kesatuan-kesatuan sekerja daripada pemberhentian kerja yang dibuat dengan sewenang-wenangnya kami rasa adalah tidak sesuai untuk Menteri berkenaan diberi kuasa budi bicara untuk merujuk kes tersebut kepada Mahkamah Perusahaan untuk dibicarakan jika perkara itu tidak dapat diselesaikan melalui perundingan (consideration).

Sepatutnya, keadilan menuntut supaya Ketua Pengarah atau Menteri berkenaan wajib merujuk perkara tersebut kepada Mahkamah Perusahaan untuk keputusan jika penyelesaian melalui perundingan gagal.

Mengapakah seseorang yang diberhentikan kerja menunggu belas kasihan Ketua Pengarah atau Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Atas perkara yang sama saya merasa bahawa satu pindaan yang lain yang harus dibuat kepada Akta tersebut ialah berkait dengan peruntukan yang menghalang sesuatu kesatuan sekerja dari mengadakan dalam cadangan-cadangannya untuk Persekutuan Kolektif (Collective Agreement) perkara-perkara seperti naik pangkat, tukaran tempat kerja, pemberhentian perkhidmatan melalui 'redundancy' dismissal ataupun reinstatement seseorang pekerja.

Seksyen ini dalam Akta merupakan satu 'anathema' kepada pekerja-pekerja di negara kita dan selagi seksyen ini ujud dalam Akta tersebut, pekerja-pekerja di negara kita akan menyimpan rasa tidak puas hati terhadap majikan dan Kerajaan.

Oleh sebab itu, saya mencadangkan supaya ciri-ciri yang objectionable ini dibatalkan.

Sekarang saya ingin menyentuh sedikit mengenai Aktiviti (7) Badan-badan Berkanun. Atas perkara ini, saya ingin menyentuh perkara mengenai Mahkamah Perusahaan. Mahkamah Perusahaan merupakan ciri tetap dalam sistem perhubungan perusahaan di negara kita dan ianya ujud untuk memainkan satu peranan penting dalam hal keadilan.

Saya ingin menyampaikan rasa penghargaan saya kepada Mahkamah Perusahaan atas kerjanya yang cemerlang, akan tetapi satu perkara yang malang yang saya terpaksa menyebut di sini ialah Mahkamah Perusahaan kita tidak dapat mengadakan setiap kes pertikaian perusahaan dengan segeranya.

Sebab utama ialah kerana kita menghadapi kekurangan Mahkamah Perusahaan dan oleh sebab itu, Mahkamah Perusahaan di Kuala Lumpur dibebankan dengan kes-kes pertikaian sepertimana terdapat di dalam mahkamah-mahkamah undang biasa.

Penimbunan kes-kes ini adalah sangat serius sehingga kes-kes terpaksa ditetapkan tarikh untuk dibicarakan sehingga bulan Julai tahun hadapan.

Ini adalah sungguh malang dan mendukacitakan dan mereka yang terlibat tidak dapat diadakan dengan segera, seperti kata pepatah "Keadilan yang dilambatkan ialah keadilan yang dinafikan iaitu dalam bahasa Inggeris "Justice delayed is justice denied."

Tuan Pengerusi, oleh kerana ini, saya ingin mencadangkan supaya Mahkamah-mahkamah Perusahaan Kawasan (Regional Industrial Courts) ditubuhkan dengan menetapkan Presiden atau Pengerusi-pengerusi di kawasan-kawasan masing-masing. Presiden-presiden atau Pengerusi-pengerusi patut diberi kuasa untuk mengendalikan kes-kes yang berlaku di kawasan di mana mereka ditempatkan.

Satu lagi ciri yang kurang memuaskan dalam sistem perhubungan perusahaan kita ialah kerap kali kita dapati keputusan-keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Perusahaan dicabar atas alasan "on points of law" sungguhpun atas "on points of facts" keputusan Mahkamah Perusahaan adalah muktamad (final). Perkara ini timbul kerana pihak majikan-majikan yang tidak gembira dengan keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Perusahaan boleh merayu kepada Mahkamah Tinggi yang mempunyai kuasa penyeliaan "supervisory jurisdiction" atas Mahkamah Perusahaan dan juga mempunyai kuasa campur tangan dalam keputusan mengenai "points of law" dan bidang kuasa (jurisdiction).

Ini dibuat melalui cara dalam bahasa Latin disebut "certiorari" oleh majikan-majikan yang mengambil kesempatan yang terdapat dalam undang-undang untuk merayu kepada Mahkamah Tinggi supaya melambatkan penguatkuasaan keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Perusahaan yang memihak pekerja-pekerja. Ini nyata membuat mockery terhadap keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Perusahaan dan juga membuat keputusan yang dibuat itu tidak bererti langsung. Oleh kerana tujuan Mahkamah Perusahaan ialah untuk mengendalikan kes-kes pertikaian perusahaan, ingin saya mencadangkan di sini supaya kuasa-kuasa yang Mahkamah Tinggi mempunyai dalam perkara ini patut dibatalkan dengan mengadakan pindaan-pindaan yang sesuai terhadap Akta "Court of Judicature Act" dan juga kepada

Akta Perhubungan Perusahaan. Jika sekiranya negara jiran kita dapat membuat ini, saya tidak nampak mengapa ianya tidak boleh dibuat di negara kita atas kepentingan keadilan perusahaan.

Akhirnya, keputusan-keputusan yang dibuat oleh Mahkamah-mahkamah Perusahaan haruslah menjadi muktamad dan wajib (binding) ke atas kedua-dua pihak iaitu pihak pekerja dan juga pihak majikan.

Tuan Pengerusi, sekarang saya hendak bercakap sedikit mengenai Kepala B. 52, Aktiviti (3) Keselamatan Pekerjaan.

Mengenai perkara keselamatan dalam pekerjaan, saya suka hendak mencadangkan iaitu sudah sampai masanya bagi Kerajaan mewajibkan penubuhan Jawatankuasa Keselamatan ditubuhkan di semua kilang-kilang perusahaan di seluruh negeri untuk menolong mengurangkan kemalangan dalam pekerjaan di dalam semua organisasi itu. Lebih-lebih lagi, patut diwajibkan agar semua kilang-kilang perusahaan menyampaikan penyata-penyata dasar keselamatan mereka kepada Kerajaan, atau kepada Menteri yang berkenaan.

Laporan kemalangan di kilang-kilang perusahaan dalam tahun 1974 berjumlah 1,058 di mana 12 kes daripada mereka membawa maut. Sehingga penghujung bulan Ogos, 1975 terdapat 550 kemalangan dan empat maut.

Tuan Pengerusi, Kerajaan sepatutnya, disamping daripada mengambil langkah-langkah menguatkuasakan rancangan keselamatan di semua perusahaan mesti juga membuat undang-undang untuk mewajibkan diadakan badan-badan keselamatan ditubuhkan di semua kilang-kilang perusahaan.

Adalah tidak mencukupi sekarang ini bagi firma-firma atau kilang-kilang memberikan janji-janji yang manis mengenai kefahaman atau konsep keselamatan di kilang-kilang perusahaan ini. Sepatutnya mereka sudah lama sedar akan pentingnya masalah keselamatan, ini dan dasar keselamatan kilang dan juga pembentukan Jawatankuasa Keselamatan, selain daripada melindungi pekerja-pekerja sendiri juga boleh dapat menolong menjimatkan belanja pengeluaran dan memperbaiki kawalan mutu pengeluaran.

Mengenai masalah keselamatan pekerja juga, saya juga ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri berhubung dengan kerapkalinya berlaku kematian dan

kecederaan yang serius di kalangan pekerja-pekerja pembinaan di bangunan-bangunan yang mencakar langit di bandar Kuala Lumpur disebabkan ketiadaan alat-alat keselamatan yang disediakan oleh industri atau majikan pembinaan.

Hanya kelmarin, dua orang pekerja pembinaan mati dan seorang lagi cedera parah akibat runtuhnya "scaffolding" di tapak pembinaan di Jalan Pahang, Kuala Lumpur. Masanya sudah sampai bagi Kerajaan mengambil pandangan yang serius atas perkara ini dan mengambil langkah-langkah untuk menentukan bahawa industri-industri pembinaan mestilah mematuhi Peraturan Kilang dan Jentera (Keselamatan, Kesihatan dan Kebajikan) tahun 1970 yang memerlukan majikan-majikan kepada pekerja-pekerja pembinaan menyediakan alat-alat keselamatan untuk pekerja-pekerja mereka.

Tuan Pengerusi: Panjang lagi Yang Berhormat?

Tuan Lee Lam Thye: Lebih kurang tiga minit lagi.

Tuan Pengerusi: Tiga minit, tidak apalah.

Tuan Lee Lam Thye: Sungguhpun undang-undang seperti itu wujud, seperti yang saya kata tadi hingga hari ini tidak dipatuhi oleh perusahaan pembinaan.

Saya menyeru Kerajaan, sementara bangunan-bangunan yang mencakar langit dibina di Kuala Lumpur, mengambil tindakan-tindakan supaya mewajibkan industri pembinaan menyediakan alat-alat keselamatan untuk pekerja-pekerja yang bekerja di pembinaan yang mencakar langit.

Yang akhirnya, Tuan Pengerusi, saya merujuk mengenai Aktiviti (5) Pentadbiran Keselamatan Sosial. Atas perkara ini, saya ingin menggesa Kementerian yang berkenaan untuk meminda beberapa peruntukan dalam Akta Keselamatan Sosial, 1969 yang tidak adil kepada pekerja-pekerja. Akta Keselamatan sosial pada asalnya bertujuan membayar wang pampasan kepada seseorang pekerja yang cedera di dalam tempoh pekerjaan tanpa membuktikan kecuaiannya oleh pihak majikan. Dengan berbuat demikian, dalam kesediaan mereka untuk menolong pekerja, pencipta-pencipta Akta itu telah menafikan hak pekerja untuk mengambil tindakan Mahkamah atas kerugian yang timbul daripada kecuaiannya.

oleh pihak majikan di bawah undang-undang biasa (common law). Dari itu Akta ini mestilah memperuntukan satu pilihan (alternative) iaitu seseorang pekerja boleh mendapatkan ganti rugi atau wang pampasan di bawah Akta itu tanpa membuktikan kecuaiannya ataupun dia boleh pergi ke Mahkamah untuk mendapatkan wang kerugian di bawah undang-undang biasa dengan cara membuktikan kecuaiannya pihak majikan. Sekian, terima kasih.

7.48 mlm.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya menyentuh Kepala Bekalan B. 52—Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, muka surat 365, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (2) Buruh dan Perhubungan Perusahaan dan Aktiviti (6) Pendaftaran Kesatuan Kerjasama, muka surat 365.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, Kesatuan Sekerja di Britain dan di Australia telah mengadakan berbagai-bagai mogok. Akibatnya barang-barang punggahan di pelabuhan tidak berjalan. Begitu juga dengan perusahaan arang batu yang boleh menghancurkan ekonomi kedua-dua buah negara itu. Akibat dari tekanan ini, Kerajaan terpaksa tunduk kepada kemahuan Kesatuan Sekerja itu. Akhirnya mereka berjaya. Tetapi apakah akibatnya sekarang? Matawang pound telah jatuh dengan begitu teruk, sehingga terpaksa meminjam wang dari Badan Kewangan Antarabangsa (IMF).

Di Australia Kerajaan menaikkan gaji pekerja-pekerja sebanyak 2.2% dan akibatnya Australian dollar jatuh kepada 17.5%.

Umumnya mengetahui bahawa kedudukan ekonomi kita kukuh. Kita tidak mahu ancaman-ancaman mogok yang boleh merosakkan ekonomi negara. Maka dari itu, kita hendaklah mempelajari dari hakikat ini supaya kita tidak terperangkap dengan mogok oleh Kesatuan Sekerja kita. Akibatnya ialah orang-orang kampung yang susah dan menderita—bukan 500,000 kakitangan Kerajaan.

Suara Wakil-wakil Rakyat yang mewakili 11 juta penduduk Malaysia hendaklah didengar dan diambil kira serta memberi pertimbangan yang serius. Kita akan menempuh tahun 1979 dan akan berjumpa lagi dengan rakyat.

Kita memuji akan ketegasan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam perundingannya dengan Kesatuan Sekerja. Saya rasa beliau boleh mengendalikan perundingan ini dengan lebih bijaksana dan kita berharap beliau tidak akan tunduk atas tekanan Kesatuan Sekerja yang hanya mementingkan kepentingan 500,000 kakitangan Kerajaan sahaja sedangkan rakyat di kampung-kampung menderita.

Tuan Pengersi, sekianlah sahaja, dan saya menyokong peruntukan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat.

7.52 mlm.

Tuan Abu Bakar bin Arshad (Hilir Perak): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat. Saya ingin menyentuh satu dua perkara berhubung dengan Kepala B. 52, Pecahan-kepala 1100 Aktiviti (1) Pentadbiran Am. Yang pertama, saya hendak menyentuh berhubung dengan adanya perkhidmatan buruh-buruh di luar bandar iaitu selalu kejadian kerja-kerja yang boleh dibuat dengan segera telah tidak dapat dilaksanakan walaupun kerja itu pada anggapan orang-orang kampung boleh siap dalam tempoh empat atau lima hari, tetapi telah dilewat-lewatkan hingga mengakibatkan 10 atau 15 hari. Ini barangkali kuasa yang ada pada ketua-ketua jabatan yang berkenaan sudah ditarik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Jadi, dalam hubungan ini, saya ingin mencadangkan supaya kuasa-kuasa tata-tertib hendaklah diperuntukkan kepada ketua-ketua jabatan membolehkan dengan cara serta-merta ketua-ketua jabatan berkenaan boleh mengambil tindakan kepada pekerja-pekerja yang menjalankan tugasnya dengan cuai.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh B. 52 juga iaitu Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (2) Buruh dan Perhubungan Perusahaan. Dalam hubungan ini, saya rasa pegawai-pegawai buruh patutlah menyiasat dan melihat keadaan kesusahan yang dialami oleh buruh-buruh, terutama sekali buruh-buruh ladang yang perlukan pembelaan. Apa yang saya pastikan kebanyakan buruh-buruh ladang telah ditempatkan kepada rumah-rumah yang dibina oleh penjajah dahulu lagi dengan keadaan yang sempit, buruk dan berasak-asak di dalam sebuah rumah. Jadi, saya rasa dengan demikian kesejahteraan kepada diri buruh yang berkenaan sudah tidak ada

lagi bagi meneruskan kehidupannya pada satu-satu masa yang tertentu. Kalaupun buruh-buruh yang berkenaan minta membaiki rumah itu atau pondok kediaman itu mungkin memakan masa setahun dua tahun baharu dibaiki. Oleh itu, saya suka mencadangkan supaya Kementerian ini mengarahkan kepada majikan-majikan supaya pada masa yang akan datang membina rumah-rumah buruh ini dengan lebih sempurna dan ada kawasan-kawasan lapang kerana buruh-buruh yang ada di negara ini adalah sebagai rakyat negara ini yang taat setia bukan seperti buruh-buruh dahulu yang hanya dengan cara hidup membujang ataupun bila cukup masa dia akan balik ke negeri di mana mereka datang. Jadi, saya rasa sudahlah sampai masanya Kementerian ini mengambil tindakan yang sewajarnya supaya kehidupan buruh-buruh ini dapat selesai daripada masa yang lalu.

Tuan Pengerusi, saya rasa tiap-tiap daerah patutlah ada jabatan berhubung dengan buruh dan perhubungan ini membolehkan pegawai-pegawai berkenaan dapat menyiasat akan kesusahan-kesusahan yang berlaku pada buruh-buruh dari segi pekerjaannya, keselamatannya dan segi penganiayaannya yang selalu kita dengar kita lihat dan kita saksikan akan keadaan mereka ini di masa yang lepas. Pegawai yang berkenaan bukan pergi menyiasat, tetapi adalah buruh itu dengan terketar-ketar datang memberi laporan kepada pegawai-pegawai, kadang-kadang pegawai-pegawai tidak ada di pejabat yang dekat.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan PERKESO (SOCSO) saya rasa inilah perkara yang sangat wajar dan patut saya ucapkan terima kasih kerana pada masa dahulu peraturan ini tidak ada kita kuatkuasakan tetapi waktu akhir-akhir ini sebahagiannya telahpun berjalan dan akan terus berjalan. Tetapi apa yang perlu kita tegaskan di sini, tiap-tiap pekerja ataupun tiap-tiap buruh mestilah diwajibkan terus bukan semesti buruh itu melaporkan diri untuk menyertai akan PERKESO atau SOCSO ini. Jadi, ini tentulah akan mengambil masa yang lama membolehkan tugas ini berjalan dengan baik.

Berhubung dengan rancangan ini kepada petani ataupun pekebun-pekebun kecil, saya rasa perkara ini patut telah lama dijalankan dan hendaklah dikenakan bukan kepada petani-petani, pekebun-pekebun kecil ataupun nelayan-nelayan tetapi hendaklah dikenakan caruman ini daripada mereka yang

memiliki kawasan-kawasan yang diusahakan oleh petani ataupun pekebun-pekebun kecil ataupun nelayan-nelayan yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, akhirnya, saya ingin menyentuh berkenaan dengan Lembaga Latihan Perindustrian dan Persijilan Ketukangan Kebangsaan. Bila sahaja iklan keluar dalam suratkhbar semua anak-anak muda kita ataupun pelajar-pelajar daripada kelulusan LCE, MCE dan SPM, terutama mereka menjangka mereka tidak akan dapat menjawab jawatan yang lebih baik, katahah kelulusannya hanya cuma dapat pangkat III sahaja, maka mereka ini akan membuat permohonan kepada Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat ini. Maka setelah borang-borang diisi maka datanglah jawapan menyatakan "Tuan boleh diterima masuk dengan syarat yang tertentu yakni tuan hendaklah mencari sponsor untuk menjamin yang pelajar-pelajar itu boleh menyertai kursus dan bila keluar nanti bekerja dengan firma yang menjadi sponsor itu." Bagi pelajar-pelajar di luar bandar ataupun di kawasan pertanian yang tidak ada mempunyai kawasan perindustrian malang sedikit, kerana siapalah ataupun firma manalah yang akan menjadi sponsor mereka, sedangkan di tempat mereka tidak ada firma ataupun kilang-kilang yang boleh memberikan sponsor, maka hampa harapan pelajar-pelajar ini untuk memasuki bidang latihan pertukangan untuk mendapatkan Persijilan Kebangsaan ini. Jadi pelajar-pelajar ini tentulah akan menjadi liar. Yang menjadi masalaahnya ialah mengikut di dalam iklannya mereka ini layak tetapi hendak mendapatkan sponsornya terlalu susah, kadang-kadang tidak dapat langsung. Oleh yang demikian, saya suka mencadangkan supaya pihak Kementerian ini sendiri menerima mereka dan memberikan mereka latihan sehingga mereka ini lulus dan berjaya dan mendapat sijil yang diperakukan. Dengan demikian, tentulah mereka ini boleh menjalankan perusahaan ataupun pertukangan kemahiran mereka ataupun mereka bekerja di pihak swasta.

Tuan Pengerusi kebanyakan kilang-kilang ataupun industri yang ada di negara kita ini bukan dipunyai oleh bumiputra. Nampaknya sikap mereka kepada bumiputra ini tidak lagi menunjukkan mahu menyahut seruan ataupun galakan yang telah dikemukakan atau yang telah digalakkan oleh pihak Kerajaan. Saya rasa sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri, penubuhan

tempat latihan perindustrian ini akan ditambah. Saya rasa tidaklah mestinya dibina pada tempat-tempat yang ada tertubuhnya kawasan-kawasan perkilangan perindustrian sahaja. Perlulah dibawa ke mana-mana tempat yang benar-benar boleh memberikan latihan kepada pelajar-pelajar ataupun anak-anak muda yang boleh memberikan bantuan tenaga kepada mana-mana pihak.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kangar, dan selepas itu Yang Berhormat Menteri akan menjawab.

8.03 mlm.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Pengerusi, saya juga turut menyokong peruntukan yang telah diminta oleh Timbalan Menteri yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, menyentuh Kepala B. 52 mengenai Pentadbiran Am. Gaji buruh-buruh ini pada pendapat saya patutlah dikaji daripada satu masa ke satu masa walaupun pihak majikan telah mengeluarkan modal berjuta-juta ringgit, tetapi kita tidak boleh nafikan kalau tidak ada buruh-buruh yang bekerja di dalamnya hasilnya tidak akan dapat. Dengan sebab itu, saya merayu kepada Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat yang menjadi perantara di antara buruh dan majikan patutlah mendesak sungguh-sungguh setengah-setengah majikan yang boleh dikatakan gaji buruh-buruh amatlah murah, tetapi bagi pihak rakyat yang tidak berkebolehan tinggi yang tidak dapat bekerja lain untuk menampung sara hidupnya apa sahaja kerja yang menjadi mata pencarian terpaksa dilakukan. Dengan sebab itu, saya merayu saya tidak mahu sebut mana-mana industri tetapi perkara ini berlaku. Bila kita tengok satu-satu industri mendapat keuntungan pada satu tahun yang lebih daripada \$4 juta tetapi bila kita kaji kepada buruh yang gajinya terlampau murah amatlah sedih dan kadang-kadang dari segi keselamatan sebagaimana disebutkan oleh Wakil-Rakyat Rakyat yang lain kita tidak nafikan.

Tuan Pengerusi, dari segi gaji saya amat dukacita setengah daripada majikan firma-firma agaknya begitu cerdik tetapi memberi gaji yang murah dan ada setengahnya pula yang pendapatan lain diberi, misalnya elaun batu, elaun itu dan elaun ini, gaji ataupun elaun tetap kadar \$120. Mereka melakukan demikian untuk mengelakkan daripada membayar E.P.F. Kita tahu tiap-tiap seorang pekerja

kalau gajinya mahal E.P.Fnya pun bertambah. Dengan mengadakan gaji yang murah maka E.P.Fnya murah, maka ini menjadi kerugian kepada pekerja itu sendiri, dan juga kepada Kerajaan sendiri. Kadang-kadang macam saya katakan tadi, gaji tetap \$120 tetapi diberi elaun lain yang sampai \$400 tetapi yang \$280 itu terlepaslah daripada E.P.F. Ini satu masalah yang patut dikaji. Saya berharap perkara ini tidak akan berlaku kerana ini merugikan pekerja sendiri dan merugikan Kerajaan juga.

Tuan Pengerusi, kita tidaklah menafikan orang-orang dewasa yang lebih tua daripada kita kerana kalau tidak ada orang tua dahulu masakan ada orang muda, tiap-tiap yang muda akan menjadi tua tetapi kita berasa sedih setengah daripada industri ataupun majikan telah melantik pegawai eksekutifnya terdiri daripada orang yang sudah pencen. Jadi peluang orang muda yang ada kebolehan sedikit kadang-kadang naik satu perasaan macam "frust" ataupun tidak seronok hati. Saya tidak mahu sebut di mana-mana tetapi perkara ini sedang berlaku, dia ambil orang-orang yang telah pencen tetapi kalau keadaan memerlukan kita tidak menafikan, tetapi boleh dikatakan kebanyakan. Seseorang hendak berhenti dia ada target: Bila aku sudah pencen inilah tempat aku akan pergi. Jadi peluang orang yang muda tidak ada tempat. Dengan sebab itu, saya berharap perkara ini juga Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat mengkaji, kecuali kalaulah pegawai Kerajaan tidak dapat dielakkan, itu tidaklah menjadi halangan kerana satu-satu benda mendatangkan kepentingan industri yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, saya bercakap berkenaan dengan buruh ini juga. Kita ucapkan terima kasih kerana latihan akan diadakan. Dengan ini juga saya harap kalau boleh janganlah ada buruh mahir kita yang berhijrah keluar negeri meninggalkan Malaysia. Kalau ada buruh-buruh yang agak mahir untuk mencari keuntungan yang lebih hingga sanggup keluar daripada Malaysia patut dibuat kajian supaya jangan mereka ini diberi peluang yang mudah balik ke sini.

Tuan Pengerusi, saya bercakap berkenaan dengan pendaftaran kesatuan sekerja. Kita patutlah mengkaji dengan sehalus-halusnya. Kita tahu kita patut bertimbang rasa kepada buruh yang gajinya terlampau murah tetapi kita juga patut kaji dengan adanya kesatuan

sekerja kadang-kadang mengakibatkan mengancam balik kepada negara kita dengan berbagai-bagai mogok. Dengan sebab itu, saya berpendapat tiap-tiap kesatuan buruh ataupun kesatuan sekerja patut diawasi oleh Kerajaan, jangan ada anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab dalam satu-satu kesatuan, baik buruh dan sebagainya. Kadang-kadang kita berasa dukacita satu-satu kesatuan dimonopoli oleh satu golongan, atau oleh satu kaum. Kita berharap biar dalam Jawatankuasa Buruh di pihak atas oleh kebanyakan kaum. Saya berharap sangat di dalam buruh patutlah kita awasi betul-betul, jangan ada anasir yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Pengerusi, saya berharap sangat pihak majikan ini pula biarlah memberi peluang kepada pekerja-pekerjanya atau buruh-buruh menubuhkan kesatuannya di tempat mana ada industri ataupun majikan. Kadang-kadang kalaulah pihak kesatuan sekerja seperti buruh hendak menyuarakan satu perkara yang agak pada pendapat beliau tidak berpatutan tetapi oleh sebab di tempat yang berkenaan tidak ada satu kesatuan sekerja ataupun tidak dibenar oleh majikan yang berkenaan untuk menubuhkan kalau diminta, kalau dibenar pun secara tidak ada hitam-putih. Pendek kata, kalaulah ada satu orang bertindak menyuarakan satu perkara yang tidak baik yang dibuat oleh majikan bukanlah pihak majikan akan menimbang rayuan pekerja itu bahkan pekerja itu digandakan dengan kerja lebih ataupun kalau lebih cakap sedikit lagi dibuangkan kerja langsung. Pihak pegawai-pegawai ini juga saya berharap mendapat simpati ataupun minta perhatian daripada Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat yang kita anggap hari ini sebagai Kementerian perantaraan kebaikan daripada majikan dan juga pekerja.

8.10 mlm.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kema-
juan Perkampungan (Datuk Haji Ramli bin
Omar):** Dengan izin, Tuan Pengerusi, saya bagi pihak Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat saya sukacita terlebih dahulu hendak mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membincangkan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat iaitu Ahli-ahli yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, Tumpat, Hilir Perak dan Kangar.

Mula-mula sekali dengan secara ringkasnya saya suka memaklumkan dalam Dewan yang mulia ini tidaklah hendak menjelaskan

dengan secara detail, tetapi ambil pokok-pokok yang dapat diterangkan oleh saya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut yang telah mencadangkan pembangunan dalam Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah menyatakan bahawa Akta Perhubungan Perusahaan tidak memuaskan daripada beberapa segi pengiktirafan, rujukan kepada Mahkamah Perusahaan dan bidang perbincangan di antara majikan dan Kesatuan Sekerja.

Tuan Pengerusi, di sini suka saya menjelaskan bahawa perkara-perkara yang dibangkitkan dan yang lain-lain lagi itu adalah sekarang ini di dalam perundingan, apa yang dinamakan National Joint Labour Advisory Council. Jadi, joint council ini selalu membincangkan masalaah-masalaah untuk kebaikan perburuhan di negara kita. Jika pindaan-pindaan difikirkan perlu kepada Akta tersebut dari segi kepentingan am, Kementerian akan mencadangkan bagi perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga telah mencadangkan penubuhan Mahkamah Perusahaan Wilayah untuk menyegerakan penyelesaian pertikaian perusahaan. Ini juga ada di dalam pertimbangan, tentang cara mengurangkan kelambatan di dalam perbicaraan di Mahkamah Perusahaan. Kementerian juga telah mencadangkan penghalangan di atas kuasa-kuasa penyeliaan Mahkamah-mahkamah Tinggi di atas point of law yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat. Maka dalam keputusan Mahkamah Perusahaan seperti kata beliau yang ada di Singapura, saya harus mengatakan bahawa undang-undang di Singapura dan di sini mengenai perkara ini adalah sama. Saya katakan demikian oleh kerana kuasa penyeliaan (supervising powers) di High Court adalah sama tetapi nampaknya majikan atau Kesatuan Sekerja di Singapura tidak menggunakan High Court. Kuasa Penyeliaan High Court adalah satu kuasa yang kita dapat mengelakkan tetapi Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat sedang mengkaji cara menentukan bahawa pihak yang berkenaan tidak mengabaikan keputusan Mahkamah Perusahaan tatkala menggunakan Mahkamah-mahkamah Tinggi untuk keputusan point of law.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga mencadangkan supaya dibuat beberapa pindaan kepada Akta Keselamatan Sosial, khususnya mengenai hak pekerja memilih samada mahu menerima pampasan di bawah SOCSO atau di bawah common laws, sukacita saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat itu dan memberitahu Ahli Yang Berhormat itu bahawa pihak Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat pada masa ini sedang mengkaji semula Akta tersebut. Adalah diharapkan apabila kajian semula itu selesai kelak, pindaan-pindaan yang perlu akan dapat dikemukakan di Dewan yang mulia ini untuk mengatasi masaalah-masaalah yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak telah menimbulkan masaalah rumah-rumah dalam ladang-ladang kecil tidak memuaskan. Tuan Pengerusi, tindakan sedang diambil untuk menguatkuasakan Akta Perumahan Pekerja-pekerja di mana ada disebutkan standard perumahan yang sesuai. Beratus-ratus rumah lama yang tidak mengikuti standard ini sedang diganti serta tindakan juga sedang diambil untuk membina rumah-rumah persendirian untuk pekerja-pekerja ini.

Berhubung dengan soal SOCSO untuk kawasan desa atau PERKESO, di sini suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa hendak dikenakan kepada tuan punya tanah itu modal yang lain. Ini adalah di dalam kajian, seperti yang saya katakan dalam ucapan waktu mengemukakan peruntukan itu tadi.

Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak juga menyentuh mengenai dengan latihan perusahaan. Saya ucapkan terima kasih atas pandangan beliau, dan perkara-perkara itu Kementerian akan timbangkan pada masa yang akan datang.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat telah menyentuh mengenai dengan keadaan buruh dan perhubungan perusahaan di Australia dan di Britain, beliau meragu-ragukan mengenai kejadian seperti itu di sini. Keadaan di Britain dan di Australia adalah berlainan undang-undang dan peraturan hal ehwal buruh dengan negara Malaysia, lebih-lebih lagi untuk mengelakkan penyelesaian pertikaian secara damai serta memberi kuasa

seperti Menteri dalam mana-mana pihak yang menafikan kepentingan negara dan kehendak-kehendak Undang-undang Buruh dan cara-cara penyelesaian pertikaian kita.

Dalam negara kita sebagai negeri yang demokratik, kepentingan majikan dan kepentingan buruh memanglah undang-undang negeri kita ini mengikut ala Malaysia. Jadi, kita tidak hendak meniru-niru undang-undang yang ada di negara-negara yang lain, kita sesuaikan dalam negara kita mengikut pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar saya mengucapkan terima kasih ada bersangkutan dengan hal-hal mogok juga. Di sini saya telah menyatakan serupalah kekuasaan memang tidak bolehlah kalau kita bagi pihak hendak jadi champion kepada pihak buruh sahaja, jadi ini bermakna buruh yang menekankan, itu adalah seperti saya katakan tadi kita negeri yang demokratik.

Berkenaan dengan EPF dan sebagainya, EPF ini memanglah dalam kajian Kementerian dan kita akan mempertimbangkan kalau ada masaalah-masaalah dan Ahli-ahli Yang Berhormat juga boleh berhubung terus dengan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat mendapat sesuatu yang mana pihak Kementerian ini akan memberi kerjasama sepenuhnya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat semua.

Tuan Pengerusi, inilah yang dapat saya memberi jawapan-jawapan, kalau ada yang tidak dijawab yang mana telah dicatat kita akan ambil tindakan di masa yang akan datang.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$18,589,000 untuk Kepala B. 52 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$6,576,929 untuk Kepala P. 52 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1977.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok, hari Rabu, 8hb Disember, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.20 malam.